KAJIAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

KAJIAN KESEJAHTERAAN
KOMUNITI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR)
Laporan Akhir

Ringkasan Eksekutif

Program Perumahan Rakyat (PPR) merupakan salah satu inisiatif kerajaan untuk menyediakan perumahan yang selesa kepada kumpulan sasaran yang berpendapatan rendah serta tidak berkemampuan untuk memiliki rumah. Program ini sentiasa diberi keutamaan menerusi polisi perumahan untuk menjamin objektif kesejahteraan komuniti PPR dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti PPR dengan membuat penilaian terhadap tahap kesejahteraan semasa. Tiga aspek yang dikaji adalah tahap kesejahteraan penduduk, tahap penyelenggaraan bangunan dan keberkesanan tadbir urus. Pendekatan yang digunakan adalah pelbagai termasuk pemerhatian, pensampelan soal selidik, pemeriksaan fizikal keadaan bangunan dan temubual dengan pihak pengurusan PPR.

Dapatan dari kajian soal selidik dirumuskan dengan menggunakan Skor Kesejahteraan penduduk, Skor Penarafan Fizikal Keadaan Bangunan untuk kajian fizikal bangunan dan keberkesanan pendekatan tadbir urus.

Dapatan penting;

Kesejahteraan komuniti PPR pada keseluruhannya adalah baik berdasarkan skor kesejahteraan mengikut penilaian kajian ini.

Elemen kesejahteraan yang menyumbang kepada penilaian yang baik adalah diukur melalui aspek berikut;
i) keselesaan unit kediaman;
ii) kemudahan dan perkhidmatan;
iii) penyelenggaraan unit kediaman; dan
iv) kepuasan terhadap kejiranan.

Walaubagaimanapun tahap kesedaran terhadap inisiatif perumahan kerajaan yang lain adalah rendah dan ini berhubungkait dengan keinginan untuk meningkatkan kualiti hidup ke tahap yang lebih selesa.

Secara keseluruhan, Skor Penarafan Bangunan dan Infrastruktur (Infra) PPR adalah di dalam skala baik dan sederhana. Ini bermakna kebanyakan bangunan ini diselenggara namun tahap penyelenggaraan masih boleh dipertingkatkan.

Faktor penyelenggaraan, manusia (penggunaan), dan alam sekitar merupakan tiga penyumbang utama kepada kecacatan dan kerosakan bangunan. Faktor ini secara konsisten berlaku kepada jenis kediaman bertanah, tinggi dan *walk-up*.

Penyelenggaraan memainkan peranan yang penting bagi bangunan PPR merentasi faktor usia bangunan, kategori kediaman, pendekatan pengurusan dan jenis pengisian (sewa/sewa beli).

Kejayaan pengurusan perumahan PPR memerlukan komitmen yang tinggi dan bersepadu di antara hirarki pentadbiran kerajaan iaitu Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Tempatan; serta pemegang taruh yang lain.

Penurunan kuasa pengurusan PPR mempunyai pelbagai pendekatan menyebabkan timbulnya perbezaan pelaksanaan dalam pengurusan.

Aspek kewangan merupakan satu faktor yang kritikal di dalam menentukan keberkesanan pengurusan PPR.

Kajian ini mengemukakan penambahbaikan melalui enam (6) asas dan matlamat seperti berikut;
Asas 1: Perancangan dan pembangunan
Matlamat: Memacu Perancangan dan pembangunan yang dinamik dan inovatif

Asas 2: Pengurusan
Matlamat: Memantap dan mengamalkan pengurusan yang sistematik dan responsif

Asas 3: Governan dan pentadbiran
Matlamat: Memantapkan governan dan pentadbiran

Asas 4: Penyelenggaraan
Matlamat: Mengukuhkan keberkesanan sistem pengurusan penyelenggaraan

Asas 5: Sumber kewangan
Matlamat: Membangun, mengukuh dan mengawal sumber kewangan yang lestari

Asas 6: Komuniti
Matlamat: Membentuk komuniti yang berintegriti dan berdaya saing

Isi Kandungan

			Muka Surat
1.0		**LATAR BELAKANG KAJIAN**	
	1.0	Pendahuluan	13
	1.1	Matlamat Kajian	13
	1.2	Objektif Kajian	13
	1.3	Hasil Kajian	13
	1.4	Kerangka Kajian Kesejahteraan Kominiti PPR	14
	1.5	Terma Rujukan Kajian Kesejahteraan Komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR) Di Seluruh Negara Jabatan Perumahan Negara	15
2.0		**PENGENALAN KEPADA KAJIAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR)**	
	2.0	Pendahuluan	23
	2.1	Definisi Kesejahteraan	23
	2.2	Fungsi Kesejahteraan	24
	2.3	Elemen Kesejahteraan	24
3.0		**METODOLOGI KAJIAN**	
	3.0	Pendahuluan	27
	3.1	Ringkasan Tujuan, Skop, Objektif, Metodologi Dan Hasil Kajian	27
	3.2	Kajian Soal Selidik	28
	3.3	Kajian Fizikal Keadaan Bangunan	34
	3.4	Kajian Tadbir Urus	52
	3.5	Dapatan dan Rumusan	52
4.0		**ANALISIS DATA DAN DAPATAN: KAJIAN SOALSELIDIK**	
	4.0	Pendahuluan	53
	4.1	Profil Responden	53
	4.2	Taburan Responden mengikut Kumpulan Umur dan Kediaman Asal	55
	4.3	Latar Belakang Sosio-Ekonomi Responden	56
	4.4	Analisis Kajian Kesejahteraan Komuniti PPR	62
	4.5	Analisis Indikator Dapatan Soalselidik Ke Atas Komuniti PPR	85
	4.6	Penarafan Rumah Mengikut Projek	117
5.0		**ANALISIS DATA DAN DAPATAN: KAJIAN FIZIKAL KEADAAN BANGUNAN**	
	5.0	Pendahuluan	137
	5.1	Keterangan Tapak	137
	5.2	Penemuan dan Perbandingan Skor Penarafan PPR Mengikut Negeri	156
	5.3	Penemuan dan Perbandingan Punca-punca Kecacatan PPR Mengikut Negeri	172
	5.4	Analisa Hubungkait Tehadap Skor Penarafan PPR	180
	5.5	Rumusan Analisis Kecacatan/Kerosakan di PPR	185
6.0		**ANALISIS DATA DAN DAPATAN: KAJIAN TADBIR URUS**	
	6.0	Pendahuluan	217
	6.1	Profil Responden	217
	6.2	Pengurusan Semasa Rumah PPR	218
	6.3	Kaedah Pengurusan Rumah PPR	225
	6.4	Analisis Keberkesanan Pendekatan Pengurusan PPR	229
	6.5	Dapatan, Triangulasi dan Ruang Penambahbaikan	230
7.0		**DAPATAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**	
	7.0	Pendahuluan	232
	7.1	Dapatan Kajian	232
	7.2	Asas penambahbaikan	242

SENARAI JADUAL

		Muka Surat
Jadual 2.1	Tonggak Dan Elemen Kesejahteraan	25
Jadual 3.1	Matrik Tujuan, Skop, Objektif, Metedologi Dan Jangkaan Hasil Kajian	27
Jadual 3.2	Tarikh Pemeriksaan Kajian Fizikal Keadaan Bangunan	35
Jadual 3.3	Pensampelan Kajian di PPR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	36
Jadual 3.4	Pensampelan Kajian di PPR Negeri Selangor	39
Jadual 3.5	Pensampelan Kajian di PPR Negeri Perlis	39
Jadual 3.6	Pensampelan Kajian di PPR Negeri Kedah	40
Jadual 3.7	Pensampelan Kajian di PPR Negeri Pulau Pinang	40
Jadual 3.8	Pensampelan Kajian di PPR Negeri Perak	41
Jadual 3.9	Pensampelan Kajian di PPR Negeri Sembilan	42
Jadual 3.10	Pensampelan Kajian di PPR Negeri Melaka	42
Jadual 3.11	Pensampelan Kajian di PPR Negeri Johor	43
Jadual 3.12	Pensampelan Kajian di PPR Negeri Terengganu	44
Jadual 3.13	Pensampelan Kajian di PPR Negeri Pahang	44
Jadual 3.14	Pensampelan Kajian di PPR Negeri Sabah	50
Jadual 3.15	Tahap Keadaan Fizikal Komponen Bangunan	54
Jadual 3.16	Tahap Keutamaan Tindakan Penyelenggaraan	55
Jadual 3.17	Klassifikasi Penarafan Bangunan	56
Jadual 4.1	Status Responden	58
Jadual 4.2	Wakil Ketua Isi Rumah	59
Jadual 4.3	Jantina Responden	59
Jadual 4.4	Kumpulan Etnik Responden	59
Jadual 4.5	Status Perkahwinan	60
Jadual 4.6	Anggaran Pendapatan Bulanan Mengikut Negeri	63
Jadual 4.7	Status pemilikan Mengikut Negeri	64
Jadual 4.8	Jenis Kediaman	65
Jadual 4.9	Status Kediaman	66
Jadual 4.10	Kadar Sewa Bulanan Mengikut Jenis Kediaman	67
Jadual 4.11	Jangkaan kepuasan dan Pengakuan Perkhidmatan	69
Jadual 4.12	Penilaian Keperluan (Aspek Unit Kediaman)	71
Jadual 4.13	Keperluan Unit Rumah Mengikut Status Pemilikan Rumah	72
Jadual 4.14	Penilaian Keperluan (Aspek Kemudahan)	73
Jadual 4.15	Penilaian Kemudahan di kediaman Bertanah	73
Jadual 4.16	Penilaian Kemudahan Mengikut Status kediaman	74
Jadual 4.17	Keperluan Kelengkapan Rumah yang Di tambah	75
Jadual 4.18	Jenis Kelengkapan mengikut Kediaman	76
Jadual 4.19	Jenis Kelengkapan Mengikut Taburan Rumah Terdahulu	77
Jadual 4.20	Kelengkapan Tambahan Mengikut Status Pemilikan Rumah	77
Jadual 4.21	Skor Tiada Kerosakan mengikut Kediaman	78
Jadual 4.22	Skor Tiada Kerosakan Mengikut Negeri	79
Jadual 4.23	Kerosakan Mengikut Status Pemilikan Rumah	79
Jadual 4.24	Skor Kemudahan Mengikut Jenis kediaman	80
Jadual 4.25	Kemudahan mengikut Status Pemilikan Rumah	82
Jadual 4.26	Penilaian terhadap Keselamatan Awam dan Kebersihan Kejiranan	82
Jadual 4.27	Tahap kepuasa Mengikut Status Pemilikan Rumah	83
Jadual 4.28	Tahap Kepuasan Aktiviti Sosial Kejiranan	84
Jadual 4.29	Tahap Kepuasan Mengikut Status Pemilikan Rumah	84
Jadual 4.30	Tahap Kepuasan Ciri-ciri Komuniti	85
Jadual 4.31	Semangat Komuniti Mengikut Status pemilikan Rumah	85
Jadual 4.32	Tahap Kepuasan Ciri-ciri Komuniti	86
Jadual 4.33	Tahap Kepuasan Ciri-ciri Komuniti	86
Jadual 4.34	Semangat Komuniti Mengikut Status Pemilikan Rumah	86
Jadual 4.35	Kelebihan Tinggal di PPR	87
Jadual 4.36	Tahap Kesedaran terhadap Inisiatif Perumahan Kerajaan	88
Jadual 4.37	Senarai Kemudahan Fizikal Di Kejiranan	111
Jadual 4.38	Nilai-Nilai Indikator Mengikut Jenis Penilaian	121
Jadual 4.39	Klasifikasi Penarafan Projek Perumahan PPR	122

Jadual 4.40	Senarai Indikator Penarafan Projek Perumahan PPR	123
Jadual 4.41	Penarafan Penyelenggaraan Tujuh (7) Projek PPR di Negeri Perak	125
Jadual 5.1	Keterangan Tapak PPR Wilayah Pesekutuan Kuala Lumpur	144
Jadual 5.2	Keterangan Tapak PPR Negeri Selangor	148
Jadual 5.3	Keterangan Tapak PPR Negeri Perlis	150
Jadual 5.4	Keterangan Tapak PPR Negeri Kedah	152
Jadual 5.5	Keterangan Tapak PPR Negeri Pulau Pinang	152
Jadual 5.6	Keterangan Tapak PPR Negeri Perak	151
Jadual 5.7	Keterangan Tapak PPR Negeri Sembilan	153
Jadual 5.8	Keterangan Tapak PPR Negeri Melaka	153
Jadual 5.9	Keterangan Tapak PPR Negeri Johor	154
Jadual 5.10	Keterangan Tapak PPR Negeri Terengganu	156
Jadual 5.11	Keterangan Tapak PPR Negeri Pahang	156
Jadual 5.12	Keterangan Tapak PPR Negeri Sabah	160
Jadual 5.13	Klasifikasi Penarafan Bangunan	161
Jadual 5.14	Contoh Kitaran Penggantian (renewal cycles) Elemen Mengikut Jangka Hayat	215
Jadual 6.1	Tadbir Urus Dan Tempat Kajian	223
Jadual 6.2	Kepentingan kategori pentadbiran rumah PPR	225
Jadual 6.3	Kepentingan kategori pengurusan kepada pengurusan sediada	228
Jadual 6.4	Masalah dan cabaran PPR (Purata skor keseluruhan)	229
Jadual 6.5	Keberkesanan Pendekatan Pengurusan PPR	234
Jadual 6.6	Dapatan kajian dan perkara yang perlu dipertimbangkan	235
Jadual 7.1	Rumusan Dapatan	237
Jadual 7.2	Enam Asas penambahbaikan dan Pelan Tindakan	256

SENARAI RAJAH

		Muka Surat
Rajah 1.1	Kerangka Kajian Kesejahteraan Komuniti PPR 2017	15
Rajah 2.1	Elemen-elemen Kesejahteraan Komuniti PPR	26
Rajah 3.1	Garis Panduan Pemeriksaan dan Penilaian Keadaan; Bangunan Sedia Ada, Jabatan Kerja Raya (JKR 21602 – 0004–1)	51
Rajah 4.1	Taburan Umur Responden	60
Rajah 4.2	Taburan Pendapatan Bulanan	62
Rajah 4.3	Kadar Sewa Bulanan (RM)	66
Rajah 4.4	Tempoh Mendiami (Tahun)	69
Rajah 4.5	Taburan Jumlah Responden Mengikut Negeri	90
Rajah 4.6	Indikator Penyelenggaraan Memuaskan Mengikut Negeri	94
Rajah 4.7	Indikator Penyelenggaraan Memuaskan Mengikut Jenis Rumah	95
Rajah 4.8	Indikator Yuran Penyelenggaraan Berpatutan Mengikut Negeri	96
Rajah 4.9	Indikator Yuran Penyelenggaraan Berpatutan Mengikut Jenis Perumahan	96
Rajah 4.10	Nilai-Nilai Indikator Pengurusan Perkhidmatan & Bekalan Mengikut Negeri	97
Rajah 4.11	Nilai-Nilai Indikator Pengurusan Perkhidmatan & Bekalan Mengikut Jenis Perumahan	98
Rajah 4.12	Nilai-Nilai Indikator Pengurusan Lif Mengikut Negeri	99
Rajah 4.13	Nilai-Nilai Indikator Pengurusan Lif Mengikut Jenis Perumahan	99
Rajah 4.14	Peratus Responden Yang Mengaku Membayar Tepat Pada Waktu Mengikut Negeri	100
Rajah 4.15	Peratus Responden Yang Mengaku Membayar Tepat Pada Waktu Mengikut Jenis Perumahan	101
Rajah 4.16	Indikator Yang Memberi Petunjuk Bahawa Rumah Yang Didiami “Memadai” Untuk Penghuni Mengikut Negeri	102
Rajah 4.17	Indikator Yang Memberi Petunjuk Bahawa Rumah Yang Didiami “Memadai” Untuk Penghuni Mengikut Jenis Perumahan	103
Rajah 4.18	Indikator Petunjuk Bahawa Rumah Yang Didiami Memenuhi Keperluan Penghuni Mengikut Negeri	104
Rajah 4.19	Indikator Petunjuk Bahawa Rumah Yang Didiami Memenuhi Keperluan Penghuni Mengikut Jenis Perumahan	105
Rajah 4.20	Indikator Petunjuk Tahap Pemilikan Peralatan Asas Mengikut Negeri	106
Rajah 4.21	Indikator Petunjuk Tahap Pemilikan Peralatan Asas Mengikut Jenis Perumahan	107
Rajah 4.22	Indikator Petunjuk Tahap Pemilikan Kelengkapan Mewah (Pendingin Udara, “Hot Shower” dan Kemudahan Internet) Mengikut Negeri	107
Rajah 4.23	Indikator Petunjuk Tahap Pemilikan Kelengkapan Mewah (Pendingin Udara, “Hot Shower” dan Kemudahan Internet) Mengikut Jenis Perumahan	108
Rajah 4.24	Indikator “Kesihatan” Rumah Mengikut Negeri	109
Rajah 4.25	Indikator “Kesihatan” Rumah Mengikut Jenis Perumahan	109
Rajah 4.26	Peratus Rumah Yang Mengalami “Kerosakan Tak Serius” Mengikut Jenis Perumahan	110
Rajah 4.27	Peratus Rumah Yang Mengalami “Kerosakan Serius” Mengikut Jenis Perumahan	110
Rajah 4.28	Indikator Kemudahan Di Kejiranan Mengikut Negeri	112
Rajah 4.29	Indikator Kemudahan Di Kejiranan Mengikut Jenis Perumahan	113
Rajah 4.30	Indikator Kepuasan Terhadap Kejiranan Dalam Aspek-Aspek Keselamatan Awam, Kebersihan, Aktiviti Sosial Dan Semangat Kejiranan Mengikut Negeri	114
Rajah 4.31	Indikator Kepuasan Terhadap Kejiranan Dalam Aspek-Aspek Keselamatan Awam, Kebersihan, Aktiviti Sosial Dan Semangat Kejiranan Mengikut Jenis Perumahan	114
Rajah 4.32	Indikator Komuniti Perumahan Mengikut Negeri	115
Rajah 4.33	Peratus Responden Yang Memberi Respons “setuju” atau “”amat setuju” bagi kenyataan-kenyataan mengenai Komuniti Perumahan	116

	Mengikut Jenis Perumahan	
Rajah 4.34	Indikator Kelebihan Tinggal Di PPR Mengikut Negeri	117
Rajah 4.35	Peratus Responden Yang Memberi Respons "Ya" bagi kenyataan-kenyataan mengenai Kelebihan Tinggal Di PPR Mengikut Jenis Perumahan	118
Rajah 4.36	Peratus Responden Yang Memberi Respons "Ya" bagi kenyataan-kenyataan mengenai Kesedaran Lima (5) Initiatif Kerajaan Bagi Perumahan Rakyat Mengikut Jenis Perumahan	119
Rajah 4.37	Indikator Kepekaan Intiatif Perumahan Kerajaan Mengikut Negeri	120
Rajah 4.38	Ilustrasi Perbandingan Penarafan Tujuh (7) Projek di Negeri Perak dengan Taraf-Taraf piawai.	124
Rajah 4.39	Perbandingan Penarafan Tujuh (7) Projek di Negeri Perak Bagi Di Dalam (4) Indikator: Perkhidmatan, Keadaan Rumah, Persekitaran & Komuniti dan Kepekaan	125
Rajah 4.40	Perbandingan Penarafan Penyelenggaraan di Kalangan Dua Puluh Lima (25) Projek PPR Bertanah di Pahang	126
Rajah 4.41	Perbandingan Penarafan Penyelenggaraan Di Kalangan Empat (4) Projek PPR Bertanah di Perak	127
Rajah 4.42	Perbandingan Penarafan Perkhidmatan di Kalangan Dua Puluh Lima (25) Projek PPR Bertanah di Pahang	128
Rajah 4.43	Perbandingan Penarafan Perkhidmatan Di Kalangan Empat (4) Projek PPR Bertanah di Perak	128
Rajah 4.44	Perbandingan Penarafan Keadaan Rumah di Kalangan Dua Puluh Lima (25) Projek PPR Bertanah di Pahang	129
Rajah 4.45	Perbandingan Penarafan Keadaan Rumah Di Kalangan Empat (4) Projek PPR Bertanah di Perak	129
Rajah 4.46	Perbandingan Penarafan Persekitaran & Komuniti di Kalangan Dua Puluh Lima (25) Projek PPR Bertanah di Pahang	130
Rajah 4.47	Perbandingan Penarafan Persekitaran & Komuniti Di Kalangan Empat (4) Projek PPR Bertanah di Perak	130
Rajah 4.48	Perbandingan Penarafan Kepekaan di Kalangan Dua Puluh Lima (25) Projek PPR Bertanah di Pahang	131
Rajah 4.49	Perbandingan Penarafan Kepekaan Di Kalangan Empat (4) Projek PPR Bertanah di Perak	131
Rajah 4.50	Perbandingan Penarafan Penyelenggaraan di Kalangan Dua Puluh Lima (25) Projek PPR Tinggi di Kuala Lumpur	132
Rajah 4.51	Perbandingan Penarafan Penyelenggaraan Di Kalangan Lapan (8) PPR Tinggi di Perak, Selangor, Johor, P. Pinang, Trengganu dan Perlis	133
Rajah 4.52	Perbandingan Penarafan Perkhidmatan di Kalangan Dua Puluh Lima (25) PPR Tinggi di Kuala Lumpur	133
Rajah 4.53	Perbandingan Penarafan Perkhidmatan Di Kalangan Lapan (8) PPR Tinggi di Perak, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Terengganu dan Perlis	134
Rajah 4.54	Perbandingan Penarafan Keadaan Rumah di Kalangan Dua Puluh Lima (25) PPR Tinggi di Kuala Lumpur	135
Rajah 4.55	Perbandingan Penarafan Keadaan Rumah di Kalanga Lapan (8) PPR Tinggi di Perak, Selangor, Johor, P. Pinang, Trengganu dan Perlis	135
Rajah 4.56	Perbandingan Penarafan Persekitaran & Komuniti di Kalangan Dua Puluh Lima (25) PPR Tinggi di Kuala Lumpur	136
Rajah 4.57	Perbandingan Penarafan Persekitaran & Komuniti Di Kalangan Lapan (8) PPR Tinggi di Perak, Selangor, Johor, P. Pinang, Trengganu dan Perlis	136
Rajah 4.58	Perbandingan Penarafan Kepekaan Kepada Initiatif Kerajaan di Kalangan Dua Puluh Lima (25) PPR Tinggi di Kuala Lumpur	137
Rajah 4.59	Perbandingan Penarafan Kepekaan Kepada Initiatif Kerajaan Di Kalangan Lapan (8) PPR Tinggi di Perak, Selangor, Johor, P. Pinang, Trengganu dan Perlis	137
Rajah 4.60	Perbandingan Penarafan Penyelenggaraan di Kalangan Dua Puluh (20) PPR *Walk-Up* di Perak, Sgor, Johor, Kedah, Melaka, N. Sembilan, P. Pinang, Sabah	138

Rajah 4.61	Perbandingan Penarafan Perkhidmatan di Kalangan Dua Puluh (20) PPR *Walk-Up* di Perak, Sgor, Johor, Kedah, Melaka, N. Sembilan, P. Pinang, Sabah	139
Rajah 4.62	Perbandingan Penarafan Keadaan Rumah di Kalangan Dua Puluh (20) PPR *Walk-Up* di Perak, Sgor, Johor, Kedah, Melaka, N. Sembilan, P. Pinang, Sabah	139
Rajah 4.63	Perbandingan Penarafan Persekitaran & Komuniti di Kalangan Dua Puluh (20) PPR *Walk-Up* di Perak, Sgor, Johor, Kedah, Melaka, N. Sembilan, P. Pinang, Sabah	140
Rajah 4.64	Perbandingan Penarafan Kepekaan Initiatif Kerajaan di Kalangan Dua Puluh (20) PPR *Walk-Up* di Perak, Sgor, Johor, Kedah, Melaka, N. Sembilan, P. Pinang, Sabah	140
Rajah 5.1	Skor Penarafan PPR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	163
Rajah 5.2	Skor Penarafan PPR Negeri Selangor	164
Rajah 5.3	Skor Penarafan PPR negeri Perlis	165
Rajah 5.4	Skor Penarafan PPR Negeri Kedah	166
Rajah 5.5	Skor Penarafan PPR Negeri Pulau Pinang	167
Rajah 5.6	Skor Penarafan PPR Negeri Perak	168
Rajah 5.7	Skor Penarafan PPR Negeri Sembilan	169
Rajah 5.8	Skor Penarafan PPR Negeri Melaka	170
Rajah 5.9	Skor Penarafan PPR Negeri Johor	172
Rajah 5.10	Skor Penarafan PPR Negeri Terengganu	173
Rajah 5.11	Skor Penarafan PPR Negeri Pahang	174
Rajah 5.12	Skor Penarafan PPR Negeri Sabah	176
Rajah 5.13	Analisis Keseluruhan Punca Kecacatan/Kerosakan Bangunan dan Infra	177
Rajah 5.14	Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	179
Rajah 5.15	Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Selangor	179
Rajah 5.16	Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Perlis	180
Rajah 5.17	Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Kedah	180
Rajah 5.18	Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Pulau Pinang	181
Rajah 5.19	Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Perak	181
Rajah 5.20	Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Sembilan	182
Rajah 5.21	Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Melaka	182
Rajah 5.22	Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Johor	183
Rajah 5.23	Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Terengganu	183
Rajah 5.24	Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Pahang	184
Rajah 5.25	Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Sabah	184
Rajah 5.26	Hubungkait di antara Penarafan Bangunan dan Infra mengikut umur bangunan	186
Rajah 5.27	Hubungkait di antara Penarafan Bangunan dan mengikut kategori kediaman	187
Rajah 5.28	Hubungkait di antara Penarafan Bangunan dan Infra mengikut jenis pengisian	188
Rajah 5.29	Hubungkait di antara Penarafan Bangunan dan Infra mengikut pendekatan pengurusan penyelenggaraan	189
Rajah 6.1	Kepentingan kategori pentadbiran rumah PPR	226
Rajah 6.2	Kepentingan Kategori Pengurusan Rumah PPR (turutan menaik)	227
Rajah 6.3	Tadbir urus perumahan PPR	228
Rajah 6.4	Kekerapan masalah dan cabaran pentadbiran rumah awam (min skor)	229
Rajah 6.5	Kaedah pengurusan perumahan PPR	230
Rajah 7.1	6 Asas Penambahbaikan	247

SENARAI FOTO

Muka Surat

Foto 3.1	Peralatan pemeriksaan bangunan bagi kajian fizikal keadaan bangunan	52
Foto 5.1	*Concrete spalling* pada siling struktur lantai koridor di PPR Lembah Subang 1	191
Foto 5.2	*Concrete spalling* pada siling struktur lantai di PPR Mukim Sena	192
Foto 5.3	*Stalactite* terbentuk di bawah rekahan lantai konkrit di PPR Lembah Subang 1	192
Foto 5.4	*Stalacgmite* terbentuk di atas permukaan dinding koridor di PPR Lembah Subang 1	193
Foto 5.5	Rekahan lepaan simen pada tiang konkrit di PPR Pletong	193
Foto 5.6	Pemendapan tanah sehingga 450mm di PPR Batu 4, Sandakan	194
Foto 5.7	Air bertakung di permukaan bumbung rata konkrit di PPR Taman Wahyu II	195
Foto 5.8	Kelembapan dan cat menggelupas pada siling bumbung konkrit di PPR Taman Wahyu II	195
Foto 5.9	Penutup bumbung jenis *metal decking* hilang di PPR Mukim Sena	196
Foto 5.10	Masalah akses untuk kerja-kerja penyelenggaraan yang perlu dipertimbangkan dalam rekabentuk bumbung curam di PPR	197
Foto 5.11	Kepingan siling pada cucur atap pecah di PPR Senawang	197
Foto 5.12	Tingkap boleh laras berkarat di PPR Padang Hiliran	198
Foto 5.13	Kesan lumut pada permukaan dalam dinding koridor	199
Foto 5.14	Kesan lumut pada permukaan luar dinding koridor di PPR Tampoi	199
Foto 5.15	Kesan lumut dan kelembapan pada permukaan luar dinding koridor di PPR Sungai Manila	200
Foto 5.16	Kebocoran di bilik air menyebbkan dinding berlumut di PPR Sungai Manila	200
Foto 5.17	Kebocoran dan kesan lumut pada pada saluran paip di PPR Lembah Subang I.	200
Foto 5.18	Koridor dengan jerejak besi di PPR Jalan Apas, Tawau	201
Foto 5.19	Pembinaan *scupper drain* pada dinding koridor yang tidak menepati spesifikasi di PPR Sungai Melana.	202
Foto 5.20	Susunatur *double stack* yang kemas, terlindung dan mudah diselenggara di PPR Sri Balung II, Tawau	202
Foto 5.21	Kedudukan paip saluran di dalam dinding menyukarkan kerja-kerja pembaikan di PPR Paya Nahu	203
Foto 5.22	Penutup longkang konkrit yang pecah di PPR Sungai Putat	204
Foto 5.23	Penurapan jalan yang tidak mengambil kira perkhidmatan bangunan yang terdapat di dalam tanah di PPR Tebrau	204
Foto 5.24	Kawasan kemudahan awam ditakungi air hujan di PPR Batu 4, Sandakan	205
Foto 5.25	Kegagalan lapisan kalis air menyebabkan kebocoran lantai di PPR Mukim Sena	206
Foto 5.26	Kesan kelembapan pada *awning* tingkap disebabkan air dari *spout pipe* di PPR Plentong	206
Foto 5.27	Air bertakung pada permukaan lantai yang tidak rata	207
Foto 5.28	Penyediaan permukaan dinding yang tidak sempurna menyebabkan cat mudah mengelupas	207
Foto 5.29	Permukaan jalan mendap dan bertakung	207
Foto 5.30	Pemasangan sistem kumbahan yang tidak sempurna di PPR Tebrau	208
Foto 5.31	Penutup lubang saliran (*inspection chamber*) dari jenis *fibre-reinforced* yang mudah rosak dan tidak tahan di PPR Paloh Hinai	209
Foto 5.32	*Pre-cast beading* pada dinding luar menunjukan tanda-tanda retakan di PPR Sungai Melana, Johor	210
Foto 5.33	Penggunaan siling *gypsum-board* yang tidak tahan cuaca di PPR Taman Wai Permai, Perlis	210
Foto 5.34	Kawat dawai pada susur tangan tidak diganti boleh mendatang bahaya kepada penghuni di PPR Senawang	211
Foto 5.35	Kehilangan jerejak dan susur tangan pada tangga di PPR Tebrau	212

Foto 5.36	Tingkap *top hung* yang rosak boleh mendatang kecederaan kepada penghuni di PPR Sungai Putat	212
Foto 5.37	*Sinking fund* perlu disediakan untuk mengecat semula PPR setiap 5 tahun (sekiranya diperlukan)	213
Foto 5.38	Masalah lapisan kalis air dan kelembapan dari bilik air di PPR Lembah Subang 1	214
Foto 5.39	Saluran air hujan yang tidak berfungsi dengan baik menyebabkan kelembapan pada struktur bangunan di PPR Tampoi	214
Foto 5.40	Jubin dinding mudah tertanggal sekiranya tidak dipasang dengan betul	216
Foto 5.41	Penutup lubang diganti dengan kayu dan papan lapis	216
Foto 5.42	Pengubahsuaian saluran paip menjejaskan laluan dan pandangan	217
Foto 5.43	Kedudukan sistem perkhidmatan lif perlu direkabentuk untuk mengelakkan masalah kemasukan air ketika hujan di PPR Padang Hiliran	218
Foto 5.44	Pengubahsuaian bangunan tidak mengikut piawaian kawalan bangunan di PPR Tanjung Selangor I, Pekan	220
Foto 5.45	Penambahan tanpa kelulusan di PPR Lembah Subang 1	220
Foto 5.46	Sambungan elektrik dan bekalan air tanpa kebenaran di PPR Paya Nahu	221
Foto 5.47	Pemasangan pintu jeriji besi di laluan tangga mengundang risiko sekiranya berlaku kebakaran di PPR Sungai Manila	221
Foto 7.1	Contoh Akses diatas bumbung and susur tangan bagi tujuan penyelenggaraan	240
Foto 7.2	Rekabentuk ruang balkoni untuk menempatkan sistem outdoor penghawa dingin yang mudah diselenggara, tidak merbahaya dan terlindung	240
Foto 7.3	Lokasi pemasangan astro outdoor unit dibumbung bangunan seperti di PPR padang Hiliran di lihat lebih kemas dan selamat	241
Foto 7.4	Rekabentuk ruang ampaian yang lebih praktikal disamping kedudukan unit outdoor pendingin hawa di luar/balkoni lebih kemas – Kyoto Jepun	241
Foto 7.5	Rekabentuk ruang teres di laluan masuk pintu utama setiap unit kelihatan kemad dan tidak menghalang laluan korridor seperti di PPR Sungai Manila	242
Foto 7.6	Rekabentuk dan perletakan paip dibahagian dqalam bangunan dapat mengelakkan paip mudah rosak. Contoh di Perumahan Rakyat Iskandar Malaysia, PRISMA	243

LAMPIRAN

		Muka Surat
Lampiran 1	Data Soal Selidik	256
Lampiran 2	Contoh Simulasi Pengiraan Sewa	403
Lampiran 3	Pembangunan Integriti Komuniti	405

BAB 1

LATARBELAKANG KAJIAN

1.0 Pendahuluan

Kajian Kesejahteraan Komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR) merupakan satu kajian yang diaspirasikan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ianya bertujuan untuk menambahbaik kualiti kehidupan komuniti PPR yang meliputi tiga aspek iaitu komuniti, fizikal keadaan bangunan dan persekitaran, dan tabdir urus.

1.1 Matlamat Kajian

Kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai aspek-aspek kesejahteraan komuniti PPR.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

i) Meningkatkan tahap kualiti kehidupan, kesejahteraan dan persekitaran perumahan PPR di seluruh negara;

ii) Meningkatkan tahap kualiti pembinaan, penyelenggaraan dan pengurusan perumahan PPR di seluruh negara;

iii) Memperkukuhkan sistem tadbir urus pemegang taruh (*stakeholders)* iaitu Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam pengurusan perumahan PPR; dan

iv) Memberi input dan maklumat berkenaan hasil penemuan kajian kepada Kerajaan ke arah penubuhan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3P).1187247

1.3 Hasil Kajian

Hasil kajian terbahagi kepada tiga (3) perspektif iaitu:

i) Perspektif tadbir urus;

ii) Perspektif soal selidik; dan

iii) Perspektif fizikal bangunan.

Ringkasan jangkaan hasil bagi setiap perspektif adalah seperti berikut:

Hasil 1: Perspektif Soal selidik

Kajian ini akan meninjau tahap kesejahteraan komuniti PPR secara soal selidik. Ini dapat memberikan gambaran sebenar kehidupan dan kesejahteraan komuniti PPR. Justeru pemahaman senario sebenar ini akan dapat menjawab persoalan utama dan memberikan analisis jurang (*gap analysis*) yang boleh ditambahbaik bagi mencapai kesejahteraan komuniti PPR.

Hasil 2: Perspektif Fizikal Bangunan

Kajian ini akan menentukan keadaan fizikal bangunan bagi memberikan gambaran tahap kerosakan, kecacatan dan penyelenggaraan bangunan. Penemuan kajian menghasilkan tahap prestasi bangunan melalui analisa penarafan bangunan. Kajian ini juga akan menghasilkan pangkalan data bagi tujuan pengurusan penyelenggaraan secara sistematik untuk masa akan datang.

Hasil 3: Perspektif Tadbir Urus

Kajian ini akan mengenalpasti isu dan cabaran dalam mentadbir, mengurus dan memantau pengurusan komuniti PPR daripada peringkat strategik hingga ke peringkat operasi. Isu dan cabaran ini akan memberikan fokus utama yang perlu diberi perhatian bagi tujuan penambahbaikan berterusan pihak tadbir urus.

1.4 Kerangka Konsep Kajian Kesejahteraan Komuniti PPR

Kerangka kajian ini digunakan bagi menerangkan kaedah kajian dan kesinambungannya dengan keseluruhan kajian dan dapatan.



Rajah 1.1: Kerangka Kajian Kesejahteraan Komuniti PPR 2017

Nota:

- *Strategik – Perancangan dan pembentukan polisi*
- *Taktikal – Sumber manusia dan Infrastruktur*
- *Operasi – Perlaksanaan Pengurusan*

1.5 Terma Rujukan Kajian Kesejahteraan Komuniti Program Perumahan Rakyat (Ppr) Di Seluruh Negara Jabatan Perumahan Negara

1.5.1 Tujuan Terma Rujukan

Terma Rujukan (TOR) ini adalah sebagai panduan untuk tujuan menyediakan laporan dan cadangan yang lengkap bagi meningkatkan tahap pengurusan dan kualiti pengurusan komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara.

1.5.2 Latar Belakang Kajian

YAB Perdana menteri Malaysia dalam Mesyuarat Majlis Perumahan Negara (MPN) Siri 3 berarikh 21 Ogos 2015 telah mengumumkan penubuhan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3PAN) bertujuan untuk memantau serta menmbahbaik proses pembinaan, penyelenggaraan dan pengurusan PPR di seluruh negara.

Selaras dengan keputusan tersebut, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) mengambil inisiatif untuk melaksanakan satu kajian kesejahteraan komuniti PPR di seluruh negara bagi mendapatkan input terperinci mengenai tahap sosioekonomi serta keadaan persekitaran perumahan PPR termasuk aspek keselamatan dan keselesaan penghuni.

Beberapa isu dan masalah berkaitan pengurusan perumahan PPR telah dikenalpasti antaranya seperti berikut:

i) Penyewa asal telah menyewakan unit kepada pihak ketiga (*sublet*);
ii) Penyewa telah melebihi had kelayakan yang ditetapkan dalam syarat permohonan rumah PPR;
iii) Terdapat tunggakan hasil kutipan sewaan bulanan;
iv) Tahap kebersihan persekitaran perumahan PPR yang kurang memuaskan;
v) Kerosakan pada kemudahan awam (*vandalisme*);
vi) Terdapat perumahan PPR yang tidak mempunyai sistem kawalan keselamatan;
vii) Kekurangan tempat meletak kenderaan;
viii) Pengubahsuaian unit rumah oleh penyewa;
ix) Penyewa menjaja di kawasan unit kediaman; dan
x) Tahap penyelenggaraan yang kurang memuaskan.

1.5.3 Objektif Kajian

Secara amnya, kajian ini bertujuan untuk menambahbaik dan mengenalpasti kaedah terbaik bagi mewujudkan sistem pengurusan komuniti PPR. Empat (4) objektif utama kajian adalah untuk:

i) Meningkatkan tahap kualiti kehidupan, kesejahteraan dan persekitaran perumahan PPR di seluruh negara;
ii) Meningkatkan tahap kualiti pembinaan, penyelenggaraan dan pengurusan perumahan PPR di seluruh negara;
iii) Memperkukuhkan sitem tadbir urus *stake holder* (Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri) dalam pengurusan perumahan PPR; dan
iv) Memberi input dan maklumat berkenaan hasil penemuan kajian kepada Kerajaan ke arah penubuhan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3PAN).

1.5.4 Skop Kajian

Kajian Kesejahteraan Komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR) Di Seluruh Negara digariskan kepada skop-skop seperti berikut:

i) Kualiti kehidupan, kesejahteraan dan persekitaran;
ii) Kualiti fizikal bangunan dan kemudahan yang disediakan.
iii) Tadbir urus (Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri); dan
iv) Cadangan dan penambahbaikan.

1.5.5 Hasil Kajian

Secara umumnya, laporan-laporan yang perlu dihasilkan oleh Kajian Kesejahteraan Komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR) Di Seluruh Negara adalah Laporan Awal, Laporan Penemuan Kajian dan Laporan Akhir.

Laporan Awal

Laporan Awal perlu dilaksanakan pada peringkat permulaan kajian di dua buah projek PPR yang telah ditetapkan iaitu PPR Lembah Pantai, Kuala Lumpur dan PPR Sri Stulang, Johor Bahru, Johor. Laporan Awal ini bertujuan untuk digunakan sebagai *pilot study* bagi menguji dan menilai kebolehlaksanaan kajian daripada aspek masa, kos, saiz sampel serta kesan sebelum kajian secara menyeluruh dilaksanakan di seluruh negara. Laporan awal perlu disediakan sebelum November 2016.

Laporan Penemuan Kajian

Laporan Penemuan Kajian perlulah terperinci dan menjana idea-idea tambah nilai daripada fakta-fakta dan perkara-perkara yang telah dinyatakan dalam Terma Rujukan. Laporan Awal perlu memberi cadangan-cadangan tambahan dalam memperincikan pendekatan dan skop bidang kajian. Perunding perlu mengemukakan deraf Laporan Penemuan Kajian untuk dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal untuk dimuktamadkan bagi rujukan seterusnya. Kandungan Laporan Penemuan Kajian perlu meliputi sekurangkurangnyaperkara berikut:

i) Latar belakang dan profil kawasan kajian;
ii) Matlamat dan objektif kajian;
iii) Skop kajian;
iv) Data yang diperolehi dan sumbernya serta teknik dan kaedah analisis data yang digunakan; dan
v) Perincian kaedah persampelan dan temuduga pada golongan sasar mengikut kategori dan saiz sampel yang ditetapkan.

Laporan Akhir

Laporan Akhir perlu merangkumi perkara 5.1 dan 5.2 seterusnya mengandungi analisis keadaan semasa, analisis isu-isu utama dan masalah sebenar yang dihadapi oleh penghuni rumah terhadap kualiti pengurusan secara menyeluruh di seluruh Malaysia. Selain itu, laporan ini perlu mengandungi penemuanpenemuan seperti berikut:

i) Senarai dan analisis faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti pengurusan di perumahan PPR seluruh negara;
ii) Analisis terhadap hubungkait antara tahap pengurusan perumahan dengan kualiti hidup penghuni PPR; dan
iii) Cadangan dan strategi jangka masa pendek, sederhana dan panjang yang perlu diambil di pelbagai peringkat bagi mengatasi masalah pengurusan perumahan PPR.

Tempoh penyediaan Laporan Akhir ini adalah selama **lapan (8) bulan** dengan mengambilkira semua peringkat kajian.

1.5.6 Metodologi Kajian

Terdapat empat (4) metodologi utama yang perlu digunakan bagi memenuhi skop kajian seperti berikut:

i) Kajian Kajiselidik Secara Kaedah Persampelan

Kajian secara kaedah persampelan adalah diperlukan dengan menggunakan instrumen borang soal selidik dan temubual bersama ketua keluarga atau wakil bagi menjawab persoalan berkenaan kualiti kehidupan, kesejahteraan dan persekitaran. Sebagai tambahan, maklumat demografi boleh dijelmakan melalui kaedah ini seperti status pengisian, bilangan isi rumah dan pekerjaan ketua isi rumah. Saiz sampel yang dicadangkan bagi kajian ini adalah sebanyak 5 peratus (5%) daripada jumlah unit bagi setiap projek atau 70 unit rumah berdasarkan bilangan yang lebih tinggi. Walaubagaimanapun, sekiranya jumlah unit di sesebuah projek itu adalah kurang daripada 70 unit, maka keseluruhan unit di projek berkenaan akan digunakan sebagai sampel kajian.

ii) Kajian Secara Pemeriksaan / Pemerhatian

Sebahagian besar skop kajian ini boleh dicapai melalui pemeriksaan dan pemerhatan secara visual dengan menggunakan peralatan khusus iaitu *moisture meter, laser distance meter dan caliper*. Data akan direkod menggunakan system BARIS (*Building Assessment Rating System – Royal Institution of Surveyors Malaysia*) bagi memenuhi skop kualiti fizikal bangunan dan kemudahan yang disediakan. Ini melibatkan skop kajian lanjutan seperti berikut:

a) Pemeriksaan bagi penilaian keadaan bangunan; dan
b) Pemeriksaan keadaan kemudahan awam.

i) Kajian Secara Temubual Bersemuka

Pengumpulan data melalui kaedah ini akan dibuat secara temubual bersemuka dengan pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan perumahan PPR di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

ii) Bengkel-Bengkel Penyatuan Dapatan

Bengkel-bengkel penyatuan dapatan (sintesis dan penilaian) antara pihak perunding dan pihak JPN bagi membincangkan cadangan dan penambahbaikan berdasarkan maklumat hasil penemuan kajian ke arah penubuhan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3PAN).

1.5.7 Jangkaan Hasil Kajian

Maklumat yang dikumpul melalui soal selidik, pemerhatian, dan temubual akan dianalisis bertujuan untuk mencapai matlamat dan objektif kajian. Hasil daripada analisis maklumat yang diperolehi akan dirumuskan untuk mendapatkan kesimpulan bagi Kajian Kesejahteraan Komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR) Di Seluruh Negara.

i) Dapatan Dari Data Kajian

Data kajian melalui kajiselidik secara kaedah persampelan dijangka akan menghasilkan data deskriptif seperti pola kependudukan semasa.

ii) Dapatan Dari Analisis

Data hasil kajian penting yang dijangkakan adalah seperti berikut:

a) Kualiti perkhidmatan (*service quality*) yang diperlukan untuk mencapai tahap kepuasan penduduk;
b) Tahap kepuasan penduduk (*level of residential satisfaction*) terhadap unit dan persekitaran (*dwelling and environment*);
c) Keadaan bangunan mengikut tahap kritikal daripada segi pembaikan (*state of repair*) dan kesesuaian daya huni; dan
d) Analisis kolerasi yang signifikan terutama di antara tahap kepuasan dengan keadaan bangunan, tahap kepuasan dengan prestasi hasil kutipan sewa dan seumpamanya.

1.5.8 Struktur Organisasi Jawatankuasa Kajian

Struktur organisasi jawatankuasa kajian disediakan untuk melancarkan dan memudahkan urusan penyediaan dan penyelarasan di semua peringkat kajian. Secara amnya, struktur organisasi yang akan ditubuhkan adalah terdiri daripada dua (2) jawatankuasa utama seperti berikut:

i) Jawatankuasa Pemandu; dan

ii) Jawatankuasa Teknikal

Jawatankuasa Pemandu

Jawatankuasa Pemandu Kajian Kesejahteraan Program Perumahan Rakyat (PPR) Di Seluruh Negara (JPKKPPR) ini ditubuhkan bagi mengkaji, mengenalpasti dan merangka kaedah dan mekanisme terbaik bagi melaksanakan kajian kesejahteraan komuniti PPR di seluruh negara.

Jawatankuasa Teknikal

Jawatankuasa Teknikal Kajian Kesejahteraan Program Perumahan Rakyat (PPR) Di Seluruh Negara (JKKKPPR) ini ditubuhkan bagi menyemak, menilai dan memperaku kajian kesejahteraan PPR yang telah dijalankan untuk diangkat kepada kelulusan Jawatankuasa Pemandu Kajian Kesejahteraan Program Perumahan Rakyat (PPR) Di Seluruh Negara (JPKKPPR).

1.5.9 Keperluan Kepakaran

Dalam memberi pertimbangan kepada tawaran, Kerajaan akan mengambilkira cadangan teknikal dan bilangan tenaga kerja yang ditawarkan berserta dengan kadar kos yang berpatutan. Kumpulan perunding hendaklah terdiri daripada individu di bawah syarikat / firma yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan

Malaysia. Setelah semua syarat yang dinyatakan dipatuhi dan diluluskan oleh pihak Kerajaan, firma perunding akan dilantik secara rasmi untuk meneruskan khidmat perundingan mengikut prosedur perlantikan yang telah ditetapkan.

1.5.10 Prosedur Pembayaran

Pembayaran perkhidmatan perunding adalah berdasarkan kepada peringkatperingkat kemajuan kajian. Pembayaran tersebut juga tertakluk kepada laporan kajian yang telah disetuju terima oleh pihak Jabatan Perumahan Negara. Peratus pembayaran akan dibuat mengikut peringkat kemajuan kerja seperti perjanjian kontrak.

1.5.11 Penutup

Kajian ini diharap dapat menilai tahap kepuasan penghuni Program Perumahan Rakyat (PPR) serta membantu merangka kaedah dan strategi terbaik dalam pengurusan perumahan PPR seterusnya menjadi asas kepada penubuhan dan penguatkuasaan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3PAN).

BAB 2

PENGENALAN KEPADA KAJIAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

2.0 Pendahuluan

Rumah merupakan keperluan asas dalam kehidupan. Perumahan yang selamat dan selesa membolehkan individu membina masa depan. Sejajar dengan itu, barulah mereka boleh memperolehi apa yang penting bagi mereka dari aspek pendidikan, pekerjaan, atau perkhidmatan. Anak-anak boleh belajar di sekolah, bermain di taman, dan membesar bersama-sama rakan sebaya.

Keupayaan untuk memiliki rumah merupakan satu keutamaan dan memiliki rumah yang bersesuaian boleh menawarkan kestabilan, keselamatan dan kekeluargaan.

Oleh yang demikian, konsep utama yang meningkatkan taraf hidup adalah kesejahteraan. Konsep ini melihat perkembangan dan peningkatan kehidupan individu yang lebih holistik merangkumi material, spiritual dan sosial.

2.1 Definisi Kesejahteraan

Kesejahteraan boleh didefinisikan sebagai perlakuan manusia dalam meningkatkan taraf kehidupan yang mencukupi dan lebih baik. Pattern (1902) menggariskan teori utama kesejahteraan kepada tiga hak iaitu;

i) hak untuk berada di dalam komuniti seperti hak ke atas keterbukaan, publisiti, keselamatan dan bekerjasama;

ii) hak bersosial seperti hak untuk memiliki rumah, berkembang, berhubung dan membuat keputusan; dan

iii) hak untuk beriadah seperti hak untuk keselesaan, rekreasi, kebersihan dan persekitaran.

2.2 Fungsi Kesejahteraan

Kajian berkenaan fungsi kesejahteraan telah dikenalpasti sejak tahun 1980an, menurut Mendoza (1981) terdapat tiga fungsi utama kesejahteraan.

Pertamanya, bagi tujuan kemanusiaan dan keadilan sosial (*humanitarian and social justice goals*). Ini memberi fokus ke atas keadilan sosial, dan hal ini berasal dari keyakinan bahawa setiap manusia mempunyai hak untuk mengembangkan potensi yang mereka miliki.

Keduanya bagi tujuan yang berkaitan dengan pengendalian sosial (*social control goal)*. Ini adalah berkenaan pemahaman bahawa terdapat individu yang kurang upaya dari segi ekonomi dan kesihatan. Hal ini menyebabkan perlunya bantuan dan sokongan bagi mengawal masalah lain yang mungkin timbul.

Ketiganya, bagi tujuan yang terkait dengan pembangunan ekonomi (*economic development goal*). Ini memberi fokus ke atas pembangunan ekonomi dengan merancang program-program bagi meningkatkan ekonomi individu, masyarakat dan seterusnya dapat memberikan sumbangan terhadap pembangunan ekonomi.

2.3 Elemen Kesejahteraan

Teori kesejahteraan terbit dari dua perspektif iaitu psikologi dan sosiologi, dan juga ekonomi. Terdapat perbezaan dan juga persamaan di antara kedua-dua perspektif ini. Kedua-dua perspektif ini bersetuju bahawa kesejahteraan memberi dimensi kebendaan iaitu termasuklah sumber keupayaan diri seperti makanan, tempat tinggal, pakaian, keselesaan, keselamatan, dan sebagainya. Pencapaian matlamat ini adalah penting kepada setiap individu.

Kesejahteraan dari segi ekonomi membawa maksud bahawa individu itu berupaya untuk menyertai dan menyumbang kepada masyarakat dengan mempunyai pekerjaan, boleh bergaul bersama masyarakat dan berupaya untuk mempunyai rasa kepunyaan dan menghormati masyarakat.

Pendapat-pendapat lain berkaitan tonggak kesejahteraan dirumuskan seperti di dalam Jadual 2.1 di bawah.

Jadual 2.1: Tonggak Dan Elemen Kesejahteraan

	Tonggak	**Elemen**	**Jones**	**Tibaijuka**	**Jackson**	**Plunz**	**Queensland Government**
			1990	2009	2009	2016	2017
1	Fizikal	Keperluan	√	√	√	√	√
		Keselamatan	√	√	√	√	√
		Sokongan	√	√	√		√
		Kesihatan			√		√
2	Luaran	Pekerjaan		√	√		
		Gaya hidup		√			
3	Asas	Peluang	√	√	√		√
		Kompeten/ keupayaan	√	√	√		√
		Kepunyaan/ Kebanggaan	√	√	√	√	√
		Keyakinan	√	√	√		√
4	Komuniti	Budaya	√		√		
		Ekonomi	√		√		√
		Kebebasan dan peribadi			√		

Rajah 2.1 dibawah memberikan illustrasi tonggak kesejahteraan dan elemen utamanya.



Rajah 2.1: Elemen-elemen Kesejahteraan Komuniti PPR

(*Sumber:* Jones, 1990; Tibaijuka, 2009; Jackson, 2009; Plunz, 2016; Queensland Government, 2017)

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Bab ini menerangkan berkenaan metodologi yang digunakan didalam kajian ini.

3.1 Ringkasan Tujuan, Skop, Objektif, Metodologi Dan Hasil Kajian

Jadual 3.1 di bawah memberikan hubungkait di antara tujuan, skop, objektif, metodologi dan jangkaan hasil kajian.

Jadual 3.1: Matrik tujuan, skop, objektif, metodologi dan jangkaan hasil kajian

TUJUAN KAJIAN	SKOP KAJIAN	OBJEKTIF UTAMA KAJIAN	METODOLOGI KAJIAN	JANGKAAN HASIL KAJIAN
Menambahbaik dan mengenalpasti kaedah terbaik bagi mewujudkan sistem pengurusan komuniti PPR	Kualiti kehidupan, kesejahteraan dan persekitaran	Meningkatkan tahap kualiti kehidupan, kesejahteraan dan persekitaan perumahan PPR diseluruh Negara	1. Kajian secara survei 2. Kaedah secara pensampelan/ pemerhatian	• Profil penduduk/ penyewa • Tahap kepuasan penduduk/ penyewa
	Kualiti fizikal bangunan dan kemudahan yang disediakan	Meningkatkan tahap kualiti pembinaan, penyelenggaraan dan pengurusan perumahan PPR diseluruh Negara	1. Kajian secara survei 2. Kaedah secara pensampelan/ pemerhatian	• Tahap kondisi dan penyelenggaraan bangunan
	Tadbir urus (Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri)	Memperkukuhkan sistem tadbir urus *stakeholder* (Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri) dalam pengurusan perumahan PPR	1. Kajian secara pensampelan/ temubual	• Tahap pengurusan • Cabaran pengurusan
	Cadangan dan penambahbaikan	Memberi input dan maklumat berkenaan hasil penemuan kajian kepada Kerajaan ke arah penubuhan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3P)	Sintesis and penilaian data kajian yang diperolehi	• Tahap pengurusan perumahan PPR • Strategi penambahbaikan; o fizikal bangunan o pengurusan bangunan

3.2 Kajian Soal selidik

Kajian kesejahteraan komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR) telah dijalankan melalui kutipan data bagi mencerap fakta dan pendapat dari komuniti PPR yang diwakili oleh ketua isirumah atau wakil masing-masing di dalam aspek-aspek berikut:

(a) Penilaian rumah yang didiami di dalam isu-isu berikut:

i) penyelenggaraan, pengurusan perkhidmatan bekalan air, elektrik, lif dan lain-lain;

ii) kecukupan (memadai) dari aspek saiz rumah, bilangan bilik, kemudahan parkir, keselamatan dan "*privacy*";dan

iii) sama ada rumah yang didiami memenuhi keperluan keluarga/penghuni dari aspek kemudahan bekalan air, elektrik, telefon, pembentungan dan kumbahan serta pungutan sampah.

(b) Penilaian sama ada rumah yang didiami dilengkapkan dengan peralatan yang merangkumi pendingin udara, peti sejuk, "*hot shower*", mesin basuh, dan lain-lain (rujuk borang soal selidik).

(c) Penilaian rumah yang didiami di dalam isu-isu yang berkaitan dengan masalah dan/atau kerosakan rumah. Bahagian rumah yang disentuh di dalam isu ini merangkumi lantai, dinding, siling, sistem perpaipan, sistem pendawaian elektrik serta masalah-masalah lain yang berkaitan dengan struktur rumah.

(d) Penilaian kejiranan kawasan perumahan di dalam tiga (3) aspek:

i) aspek keperluan keluarga yang merangkumi sepuluh (10) kemudahan fizikal; kesihatan dan kecemasan, pengangkutan awam, tempat ibadat, rekreasi dan riadah, sekolah, kedai dan ATM, asuhan kanak-kanak, bantuan orang tua dan OKU, dewan serbaguna dan kemudahan ke tempat kerja;

ii) kepuasan hati di dalam aspek-aspek keselamatan awam, kebersihan kawasan, aktiviti sosial dan semangat kejiranan di kalangan penduduk; dan

iii) aspek yang berkaitan dengan ciri-ciri komuniti perumahan yang merangkumi semangat kerjasama, semangat bersatu padu, sikap menjaga kebersihan serta sikap betegur sapa.

(e) Selain daripada pendapat dan penilaian yang tersebut di atas, fakta mengenai isirumah juga telah dicerap. Ini merangkumi perkara-perkara berikut:

i) bilangan keluarga yang menghuni di setiap unit rumah;

ii) bilangan penghuni mengikut jantina;

iii) bilangan penghuni mengikut umur;

iv) bilangan penghuni mengikut bangsa dan kewarganegaraan;

v) bilangan penghuni mengikut status pekerjaan;

vi) bilangan penghuni yang sedang mengikuti pendidikan;

vii) bilangan penghuni mengikut tahap pendidikan;

viii) bilangan penghuni yang pernah menerima perkhidmatan-perkhidmatan bantuan seperti kaunseling, bantuan warga tua dan sebagainya;

ix) fakta mengenai tempat tinggal sebelum mendiami di rumah terkini, dan

x) pendapat mengenai kelebihan perumahan PPR.

(f) Pengakuan mengenai kesedaran tentang wujudnya pelaksanaan perumahan kerajaan yang merangkumi MyHome, MyDeposit, Rumah Transit 1 Malaysia, Skim Pinjaman Perumahan Jabatan Perumahan Negara dan Projek Perumahan Awam 1 Malaysia.

Kajian ini telah dijalankan melalui kutipan data bagi ukuran kadar (peratus) pengetahuan dan persetujuan daripada satu ***sampel*** ketua isirumah[1] yang mendiami unit-unit rumah di projek-projek PPR di seluruh Malaysia. Ukuran kadar yang diperolehi daripada sampel digunakan untuk inferens kadar pendapat atau/dan persetujuan mengenai sesuatu isu, aspek atau ciri.

Data daripada sampel ini diperolehi melalui temuduga dengan menggunakan satu set borang soal selidik yang memerlukan responden memberi respons kepada soalan-soalan yang telah disediakan (Rujuk sampel Borang Soal selidik di dalam Lampiran bagi Laporan ini). Soalan-soalan ini telah

[1] sebutan "ketua isirumah" digunakan untuk ketua keluarga yang menghuni sesuatu unit rumah bagi unit yang dihuni oleh satu keluarga. Bagi unit yang dihuni oleh dua (2) atau lebih keluarga sebutan ini merujuk kepada salah seorang daripada ketua-ketua keluarga berkaitan atau mana-mana wakil. Bagi unit-unit yang dihuni oleh sekumpulan individu yang tiada talian keluarga sebutan ketua isirumah merujuk kepada individu yang mewakili semua penghuni unit berkenaan.

direkabentuk dengan tujuan untuk mencerap profil responden, selain daripada data mengenai isu-isu yang diperihalkan di atas.

3.2.1 Pemilihan Sampel

Dengan menggunakan senarai tepat dan terkini bagi projek perumahan PPR yang telah sedia ada di seluruh negara, sampel bagi kaji selidik ini telah dipilih melalui kaedah pensampelan kawasan (*area sampling).* Unit pensampelan (*sampling unit*) bagi pensampelan peringkat pertama ialah negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Pada peringkat kedua, sampel di setiap negeri yang terpilih dibahagikan mengikut zon. Unit pensampelan di peringkat ini ialah blok-blok perumahan di setiap zon yang terpilih. Bagi setiap blok yang terpilih, pemilihan unit rumah telah dilakukan secara pensampelan rawak mengikut jumlah yang sesuai. Temuduga di kalangan ketua isirumah atau wakil penghuni dilakukan di setiap unit di dalam sampel yang telah terpilih. Jumlah ketua isirumah atau wakil penghuni yang telah ditemuduga ialah 6600. Daripada jumlah tersebut sebanyak 6487 sampel didapati lengkap, konsisten dan boleh diterima pakai (*reliable*). Perbezaan sebanyak 113 ini dikenalpasti di peringkat analisis dan proses penyaringan data. Taburan data ini merangkumi pelbagai projek dan lokaliti. Di antara kerosakan yang berlaku adalah seperti kehilangan data, tidak lengkap, kod yang salah dan sebagainya. Walaubagaimanapun jumlah kerosakan ini adalah kecil (1.7%), tidak signifikan dan tidak menjejaskan dapatan.

3.2.2 Proses Kutipan Data

Cerapan data bagi kaji selidik ini telah dijalankan ke atas sampel secara '*guided face to face interview'* dengan menggunakan borang soal selidik. Proses temuduga telah dilaksanakan dari Jun hingga Oktober 2017 oleh sejumlah 80 enumerator yang terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti Teknologi MARA yang telah dilatih dan diselia oleh sejumlah 10 penyelidik yang terdiri daripada pensyarah Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

3.2.3 Penilaian Rumah Yang Didiami

Dari segi konsep, rumah yang didiami dinilai sebagai berada di dalam "keadaan baik" jika penilaian tahap kepuasan ke atas sekumpulan item yang berkaitan dengan blok di mana unit rumah yang menjadi subjek penilaian terletak mencatatkan kadar penilaian yang "baik" oleh ketua isirumah. Kadar-kadar berkenaan ialah:

i) kadar[2] responden yang berpuas hati dengan tahap penyelenggaraan blok (R1);

ii) kadar responden yang menyatakan bahawa yuran penyelenggaraan blok yang dikenakan adalah berpatutan (R2);

iii) kadar-kadar responden yang menyatakan berpuas hati dengan peranan pengurusan komuniti di dalam menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan bekalan air (R3), elektrik (R4), lif (R5), pembentungan dan kumbahan (R6), pungutan sampah (R7) serta tahap respons kepada aduan (R8); dan

iv) Kadar responden yang menyatakan bahawa mereka membayar yuran penyelenggaraan/sewaan dengan tepat pada masa yang diperlukan (R9).

Secara kompositnya indikator penilaian rumah yang didiami, IPR dikira dengan menggunakan rumus $IPR = \frac{1}{9}\sum_{i=1}^{9} Ri$, iaitu min bagi sembilan kadar, R1 hingga R9.

3.2.4 Penilaian Tahap Kelengkapan Rumah

Tahap kelengkapan rumah yang didiami dinilai sebagai berada di dalam "keadaan baik" jika kadar kelengkapan rumah-rumah berada pada tahap yang "baik" seperti yang dilaporkan oleh ketua-ketua isirumah. Kadar kelengkapan yang diambilkira merangkumi pendingin udara (K1), peti sejuk (K2), "*hot shower*" (K3), mesin basuh (K4), TV "*flat screen*" (K5), kemudahan internet (K6), motokar (K7) dan motosikal (K8).

[2] Di dalam kajian ini Kadar Kepuasan/Persetujuan, R, ditakrifkan sebagai $R = \frac{x}{n}$ di mana x ialah bilangan responden yang berpuas hati atau bersetuju di dalam sesuatu isu di kalangan sejumlah n responden. Jelas bahawa julat bagi R ialah di antara 0 hingga 1.

Indikator komposit bagi penilaian tahap kelengkapan rumah, IKR dikira dengan menggunakan rumus $IKR = \frac{1}{8}\sum_{i=1}^{8} Ki$, iaitu min bagi lapan kadar, K1 hingga K8.

3.2.5 Penilaian Masalah/Kerosakan Rumah

Masalah dan/atau kerosakan rumah dinilai dengan mengukur kadar responden yang melaporkan bahawa masalah/kerosakan rumah yang didiami berada di dalam "keadaan baik". Sesuatu unit rumah ditakrifkan berada di dalam keadaan baik dari aspek kerosakan jika ketua isirumah melaporkan bahawa rumah berkenaan "tiada kerosakan" atau "ada kerosakan yang tidak serius". Seterusnya sesuatu blok di mana-mana projek PPR dianggap berada di dalam keadaan baik jika kadar rumah yang "tiada kerosakan" atau "ada kerosakan tidak serius" adalah tinggi. Kadar kerosakan/masalah yang diambilkira di dalam kajian ini ialah yang berkaitan dengan lantai (L1), dinding (L2), siling (L3), sistem perpaipan (L4), sistem pendawaian elektrik (L5) serta masalah-masalah struktur (L6).

Indikator komposit bagi penilaian masalah kerosakan rumah rumah, IMR dikira dengan menggunakan rumus $IMR = \frac{1}{6}\sum_{i=1}^{6} Li$, iaitu min bagi enam kadar, L1 hingga L6.

3.2.6 Penilaian Kejiranan/Persekitaran (*Neighbourhood*)

Tiga (3) aspek kejiranan dinilai di dalam kajian ini; (i) aspek memenuhi keperluan keluarga penghuni di dalam sepuluh (10) aspek fizikal, (ii) kepuasan dengan kejiranan di dalam empat (4) aspek, dan (iii) empat (4) ciri positif komuniti perumahan. Penilaian ini memerlukan pengiraan lapan belas (18) ukuran kadar persetujuan kepada kenyataan-kenyataan positif yang berkaitan.

Kadar yang berkenaan ialah kadar persetujuan kepada kenyataan sama ada kejiranan memenuhi keperluan keluarga responden di dalam aspek-aspek fizikal berikut:

i) kesihatan dan kecemasan (J1);
ii) pengangkutan awam (J2);
iii) rumah ibadat (J3);
iv) rekreasi dan riadah (J4);
v) sekolah (J5);
vi) kedai dan ATM (J6);
vii) asuhan kanak-kanak (J7);
viii) bantuan orang tua dan OKU (J8);
ix) dewan serbaguna (J9); dan
x) kemudahan ke tempat kerja (J10).

Indikator komposit bagi penilaian aspek fizikal kejiranan (persekitaran), IFP dikira dengan menggunakan rumus $IFP = \frac{1}{10}\sum_{i=1}^{10} Ji$, iaitu min bagi sepuluh kadar, J1 hingga J10.

Seterusnya kadar yang berkaitan dengan kepuasan kepada kejiranan juga dikira di dalam empat aspek berikut:

i) keselamatan awam di kawasan kejiranan (J11);
ii) kebersihan di kawasan kejiranan (J12);
iii) pelaksanaan program sosial (J13); dan
iv) semangat kejiranan di kalangan penduduk (J14).

Indikator komposit bagi penilaian aspek kepuasan kejiranan (persekitaran), IKP dikira dengan menggunakan rumus $IKP = \frac{1}{4}\sum_{i=11}^{14} Ji$, iaitu min bagi empat kadar, J1 hingga J10.

Kadar yang berkaitan dengan ciri-ciri komuniti adalah seperti berikut:

i) semangat kerjasama penduduk (J15);
ii) semangat bersatu padu penduduk (J16);

iii) penjagaan kebersihan di kalangan penduduk (J17); dan

iv) bertegur sapa di kalangan penduduk (J18).

Indikator komposit bagi ciri-ciri komuniti perumahan, ICK dikira dengan menggunakan rumus $ICK = \frac{1}{4}\sum_{i=15}^{18} Ji$, iaitu min bagi empat kadar, J15 hingga J18.

3.3 Kajian Fizikal Keadaan Bangunan

3.3.1 Pendahuluan

Kajian fizikal keadaan bangunan melibatkan pemeriksaan secara visual di tapak PPR. Sebanyak 84 lokasi tapak PPR telah ditentukan oleh pihak JPN di 12 negeri di seluruh Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kecuali negeri Kelantan dan Sarawak. Gerak kerja pasukan kajian fizikal ini melibatkan pembahagian zon-zon mengikut negeri. Setiap zon diketuai oleh seorang perunding. Seterusnya ketua zon menubuhkan pasukan pemeriksa bangunan yang daripada ketua zon (perunding), penyelia dan kumpulan pemeriksa bangunan. Kesemua penyelia dan pemeriksa bangunan mempunyai kelulusan minimum sarjana muda di dalam bidang Ukur Bangunan.

3.3.2 Pensampelan

Bagi mendapatkan gambaran tahap keadaan keseluruhan di setiap lokasi PPR, kajian ini menggunakan kaedah pensampelan di setiap tapak PPR dengan mengambil sampel minimum 50% daripada populasi blok-blok PPR yang terdapat di tapak. Kadaran ini dikenalpasti mampu mewakili penemuan keseluruhan blok PPR di setiap tapak. Walaubagaimanapun, berdasarkan faktor keselamatan dan logistik di PPR negeri Sabah, hanya 10% pensampelan sahaja dilaksanakan di setiap lokasi PPR.

Secara umumnya terdapat dua kategori utama tapak PPR iaitu PPR bangunan bertingkat (tinggi dan *walk-up*) dan PPR bangunan bertanah (*landed property*). Bagi PPR bertingkat, pensampelan adalah berdasarkan bilangan blok. Manakala bagi PPR bangunan bertanah, pensampelan

dilakukan dengan mengambil kira faktor bilangan dan kedudukan lorong dan blok-blok rumah. Pemilihan blok untuk tujuan pemeriksaan dilakukan dengan mengambil kira keadaan fizikal bangunan melalui pemerhatian pertama (*pre-observation*) oleh perunding.

Pemeriksaan keadaan fizikal bangunan dilaksanakan pada hari bekerja sahaja seperti tarikh-tarikh yang dinyatakan di dalam Jadual 3.2 hingga 3.14.

Jadual 3.2: Tarikh Pemeriksaan Kajian Fizikal Keadaan Bangunan

Zon Negeri	**Tarikh Pemeriksaan**
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	26 April 2017 - 3 November 2017
Johor	16 Julai - 21 Ogos 2017
Pahang	23 Ogos -18 September 2017
Negeri Sembilan	16 - 17 Oktober 2017
Melaka	28 September 2017
Terengganu	28-30 September 2017
Kedah	3 - 11 Oktober 2017
Perlis	6 - 8 Oktober 2017
Sabah	13 - 16 Oktober 2017
Selangor	9 – 15 November 2017
Perak	19 Oktober – 11 November 2017
Pulau Pinang	15 – 16 November 2017

Jadual 3.3: Pensampelan Kajian di PPR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR		FAKTA TEKNIKAL PERUMAHAN			PENSAMPELAN OLEH PERUNDING					TARIKH LAWAT PERIKSA
NAMA PPR (REKOD JPN)	NAMA TERKINI	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras	Bil Unit	Bil Blok	Nama Blok	Peratusan Unit	Peratusan Blok	
PERUMAHAN BERTINGKAT										
PPR Bukit Jalil I	PPR Pinggiran Bukit Jalil	1896	5	18 – 20	1896	5	A,B,C,D,E,	100%	100%	26 April – 12 Mei 2017
PPR Bukit Jalil II	PPR Pinggiran Bukit Jalil	1896	5	18 - 20	1896	5	F,G,H,J,K	100%	100%	26 April – 12 Mei 2017
PPR Kg. Muhibbah	PPR Kg. Muhibbah	2844	8	17	1896	6	A, B,C, D, G, J	66.7	75.0	2-5, 7 Ogos 2017
PPR Lembah Pantai, Kerinchi	PPR Kerinchi	1896	6	17	1264	4	A,B,C,D	66.7	66.7	9-12, 14-15 Ogos 2017
PPR KL Linear City II, Fasa I	PPR Pantai Ria	1264	4	17	948	3	B,C,D	75.0	75.0	16-21 Ogos 2017
PPR KL Linear City II, Fasa II	PPR Seri Cempaka	632	2	17	316	1	F	50.0	50.0	23, 25 & 26 Ogos 2017
PPR Kg. Limau Pantai Dalam	PPR Kg. Limau	632	2	17	316	1	96	50.0	50.0	24, 28 & 29 Ogos 2017
PPR Salak Selatan	PPR Salak Selatan	632	2	17	316	1	A	50.0	50.0	7, 9 & 11 Sept 2017
PPR KL Linear City I	PPR Seri Anggerik	316	1	17	316	1	A	100.0	100.0	8, 12 & 13 Sept 2017
PPR Seri Malaysia	PPR Seri Malaysia	632	2	17	316	1	A	50.0	50.0	13, 14 & 15 Sept 2017
PPR Jln Lapangan Terbang Lama F1	PPR Seri Alam	660	5	5, 8, 10	560	4	1, 2, 3, 4	84.8	80.0	18, 19, 20 & 21, 22 Sept 2017

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR		FAKTA TEKNIKAL PERUMAHAN			PENSAMPELAN OLEH PERUNDING					TARIKH LAWAT PERIKSA
NAMA PPR (REKOD JPN)	NAMA TERKINI	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras	Bil Unit	Bil Blok	Nama Blok	Peratusan Unit	Peratusan Blok	
PERUMAHAN BERTINGKAT										
PPR Jln Lapangan Terbang Lama F2	PPR Seri Alam	920	7	5, 8, 13	720	5	6, 7, 8, 9, 10	78.3	71.4	18, 19, 20 & 21, 22 Sept 2017
PPR Pudu Ulu	PPR Pudu Ulu	948	3	17	632	2	A, B	66.7	66.7	25, 26 & 27 Sept 2017
PPR Kg Malaysia Permai	PPR Raya Permai	1264	4	17	948	3	A, B, C	75.0	75	25, 26 & 27 Sept 2017
PPR Jln Cochrane	PPR Perkasa	1620	3	14 & 15	581	2	A, B	66.7	66.7	24, 28 & 29 Ogos 2017
PPR Pekan Kepong	PPR Pekan Kepong	948	3	17	632	2	B, C	66.7	66.7	2, 3 & 4 Okt 2017
PPR Taman Wahyu II	PPR Wahyu	948	3	17	632	2	A, B	66.7	66.7	5, 6 & 7 Okt 2017
PPR Taman Wahyu I	PPR Beringin	1896	6	17	1264	4	B, C, D, E	66.7	66.7	9, 10 & 11 Okt 2017
PPR Kg. Batu Muda	PPR Batu Muda	2132	7	17 & 13 (Blok A)	1580	5	B, C, D, E, G	74.1	71.4	12, 13 & 14 Okt 2017
PPR Pekan Batu	PPR Pekan Batu	632	2	17	316	1	A	50.0	50.0	16 & 17 Okt 2017
PPR Kg. Baru Air Panas Tambahan	PPR Kg. Baru Air Panas	2528	8	17	1896	6	A, B, D, F, G, H	75.0	75.0	23, 24 & 25 Okt 2017
PPR Sg. Bunus Air Jernis	PPR Seri Semarak	632	2	17	316	1	G (A)	50.0	50.0	26, 27 & 28 Okt 2017

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR		FAKTA TEKNIKAL PERUMAHAN			PENSAMPELAN OLEH PERUNDING					TARIKH LAWAT PERIKSA
NAMA PPR (REKOD JPN)	NAMA TERKINI	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras	Bil Unit	Bil Blok	Nama Blok	Peratusan Unit	Peratusan Blok	
PERUMAHAN BERTINGKAT										
PPR Sg. Bunus Air Jernis	PPR Sg. Bonus	1580	5	17	1264	4	B, C, D, F	80.0	80.0	26 & 29 Okt 2017
PPR Ampang Hiliran	PPR Hiliran Ampang	948	3	17	632	2	A, B	66.7	66.7	26 & 27 Okt 2017
PPR Sungai Besi	PPR Desa Petaling	632	2	17	316	1	A	50.0	50.0	26 & 27 Okt 2017
PPR Intan Baiduri	PPR Intan Baiduri	1834	6	17	1264	4	B, C, D, E	66.7	68.9	1, 2, 3, Nov 2017

Jadual 3.4: Pensampelan Kajian di PPR Negeri Selangor

SELANGOR		FAKTA TEKNIKAL PERUMAHAN			PENSAMPELAN OLEH PERUNDING					TARIKH LAWAT PERIKSA
NAMA PPR (REKOD JPN)	NAMA TERKINI	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras	Bil Unit	Bil Blok	Nama Blok	Peratusan Unit	Peratusan Blok	
PPR Lembah Subang	PPR Lembah Subang 1	3,004	8	17	2253	6	A, B, E, F, G, H	75	75	9 Nov 2017
PPR Serendah KTM	PPR Serendah (Pangsapuri Seri Kiambang)	300	2	5	150	1	B	50	50	14 Nov 2017
PPR Lembah Subang II	PPR Lembah Subang II	1,580	5	13	948	3	A, B, C	60	60	6 Nov 2017
PPR Kg Hassan	PPR Taman Danau, Kg. Hassan	300	-	-	210	-	Jln Danau 2,3,4,6&7	70%	-	7 Nov 2017

Jadual 3.5: Pensampelan Kajian di PPR Negeri Perlis

PERLIS		FAKTA TEKNIKAL PERUMAHAN			PENSAMPELAN OLEH PERUNDING					TARIKH LAWAT PERIKSA
NAMA PPR (REKOD JPN)	NAMA TERKINI	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras	Bil Unit	Bil Blok	Nama Blok	Peratusan Unit	Peratusan Blok	
PERUMAHAN BERTINGKAT										
PPR Mukim Sena	Pangsapuri Sri Sena	480	2	13	240	1	Block B	50%	50%	6 Okt 2017
PERUMAHAN BERTANAH		Bil Unit	Bil Lorong	Jenis Rumah / Jum Blok	Bil Unit	Bil Kluster	Nama Lorong	Peratusan Unit	Peratusan Lorong	TARIKH LAWAT PERIKSA
PPR Kampung Wai	Taman Wai Permai	200	10	1	136	34	Jln Wai Permai 1, Jln Wai permai 2, Jln Wai Permai 7/1, Jln Wai Permai 11	68%	68%	7 & 8 Okt 2017

Jadual 3.6: Pensampelan Kajian di PPR Negeri Kedah

KEDAH		FAKTA TEKNIKAL PERUMAHAN			PENSAMPELAN OLEH PERUNDING					TARIKH LAWAT PERIKSA
NAMA PPR (REKOD JPN)	NAMA TERKINI	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras	Bil Unit	Bil Blok	Nama Blok	Peratusan Unit	Peratusan Blok	
PPR Paya Nahu	PPR Paya Nahu	1472	22	5	1004	15	A1, A2, A3, A4, A6, A8, A9, A10,A11, A12, A13, A14, A15, A16, A17	68%	68%	3, 4 & 5 Okt 2017
PPR Langkawi	RPA Taman Dahlia	422	8	5	318	6	A,B,C,E,F,G	75%	75%	10 & 11 Okt 2017

Jadual 3.7: Pensampelan Kajian di PPR Negeri Pulau Pinang

PULAU PINANG		FAKTA TEKNIKAL PERUMAHAN			PENSAMPELAN OLEH PERUNDING					TARIKH LAWAT PERIKSA
NAMA PPR (REKOD JPN)	NAMA TERKINI	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras	Bil Unit	Bil Blok	Nama Blok	Peratusan Unit	Peratusan Blok	
PPR Lorong Selamat, Georgetown	PPR Taman Manggis	316	1	17	316	1	A	100%	100%	16 Nov 2017
PPR Jln Thamby, Butterworth	Taman Bagan Jaya	382	3	4 hingga 8	324	3	A & B	85%	67%	15 Nov 2017

Jadual 3.8: Pensampelan Kajian di PPR Negeri Perak

PERAK		FAKTA TEKNIKAL PERUMAHAN			PENSAMPELAN OLEH PERUNDING					TARIKH LAWAT PERIKSA
NAMA PPR (REKOD JPN)	NAMA TERKINI	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras	Bil Unit	Bil Blok	Nama Blok	Peratusan Unit	Peratusan Blok	
PERUMAHAN BERTINGKAT										
PPR Ipoh KTM	Rumah Pangsa Buntong Permai	112	3	4	74	2	A,C	66.0	66.6	20 Okt 2017
PPR Buntung	Rumah Pangsa Taman Harmoni Buntong	416	26	4	304	19	1, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 14, 15, 16, 17, 21, 22, 23, 24, 25, 26	73.0	73.0	10 Nov 2017
PPR Batu 2 ½ Taiping	PPR Simpang Perdana, Taiping	240	1	13	240	1	A	100.0	100.0	11 Nov 2017
PERUMAHAN BERTANAH		**Bil Unit**	**Bil Lorong**	**Jenis Rumah / Jum Blok**	**Bil Unit**	**Bil Lorong**	**Nama Lorong**	**Peratusan Unit**	**Peratusan Lorong**	**TARIKH LAWAT PERIKSA**
PPR Kampar	Taman Mesra Rakyat, Kampar	29	-	Kluster 2 tingkat	16	2	Jalan Mesra & Jalan Mesra 9	55.0	55.0	20 Okt 2017
PPR Sungai KTM	Desa Idaman, Sungkai	64	-	Teres setingkat	64	5	Persiaran Idaman 1, 2, 3, 4, 5	100.0	100.0	19 Okt 2017
PPR Batu Gajah	Taman Bandar Tasik Idaman	9	-	Teres setingkat	9	1		100.0	100.0	11 Nov 2017
PPR Tanjung Malim	Taman Bernam Permai	45	-	Teres setingkat	43	3	Laluan Permai 2, 4, 5	96.0	96.0	19 Okt 2017

Jadual 3.9: Pensampelan Kajian di PPR Negeri Sembilan

NEGERI SEMBILAN		FAKTA TEKNIKAL PERUMAHAN			PENSAMPELAN OLEH PERUNDING					TARIKH LAWAT PERIKSA
NAMA PPR (REKOD JPN)	NAMA TERKINI	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras	Bil Unit	Bil Blok	Nama Blok	Peratusan Unit	Peratusan Blok	
PPR Senawang	Rumah Pangsa PPR Bersepadu Senawang	420	24	5 dan 6	288	16	A, B, C & E	69%	66.66%	16 &17 Okt 2017

Jadual 3.10: Pensampelan Kajian di PPR Negeri Melaka

MELAKA		FAKTA TEKNIKAL PERUMAHAN			PENSAMPELAN OLEH PERUNDING					TARIKH LAWAT PERIKSA
NAMA PPR (REKOD JPN)	NAMA TERKINI	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras	Bil Unit	Bil Blok	Nama Blok	Peratusan Unit	Peratusan Blok	
PPR Batu Berendam	PPR Sungai Putat	336	6	5	235	4	A,B, C &	70%	66.7%	28 Sept 2017

Jadual 3.11: Pensampelan Kajian di PPR Negeri Johor

JOHOR		FAKTA TEKNIKAL PERUMAHAN			PENSAMPELAN OLEH PERUNDING					TARIKH LAWAT PERIKSA
NAMA PPR (REKOD JPN)	NAMA TERKINI	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras	Bil Unit	Bil Blok	Nama Blok	Peratusan Unit	Peratusan Blok	
PERUMAHAN BERTINGKAT										
PPR Sri Stulang	PPR Sri Stulang	1500	22	5	1104	16	A,B,E,F,G,H,J,K,L,Q, R,S,T,U,V,W	74%	73%	16 – 19 Jul 2017
PPR Tebrau	PPR Taman Desa Mutiara	2000	22	5	1318	14	1,5,6,8,9,10,14,15,17, 18,19,20,21,22	66%	64%	12- 15 Jul 2017
PPR Pasir Pelangi	PPR Iskandar	960	9	5	672	7	A,B,C,D,E,F,G	70%	78%	19 – 22 Jul 2017
PPR Plentong	Rumah Pangsa Bandar Sri Alam	240	3	5	160	2	B & G	67%	67%	19 – 21 Ogos 2017
PPR Tampoi	PPR Taman Kempas Permai	2252	7	17	1604	5	A,B,C,E,F	71%	71%	16 – 18 Ogos 2017
PPR Sungai Melana	PPR Melana Indah	1170	3	11 - 12 tgkt	423	2	5, 7	36%	67%	14- 16 Jun 2017
‘PPR Batu Anam, Segamat	Rumah Rakyat Batu Anam	102	5	Rumah super-link (teres) 1 tingkat / 12 blok	71	5	Jln Pr, Jln PR 1, Jln PR 2, Jln PR 3, Jln PR 4	70%	80%	15 Ogos 2017
PPR Yong Peng Fasa II, Batu Pahat	Taman JPN, Yong Peng	54	2	Rumah super-link (teres) 1 tingkat / 2 blok	38	2	Jln Kasturi 1, Jln Kasturi 2	70%	100%	14 Ogos 2017

Jadual 3.12: Pensampelan Kajian di PPR Negeri Terengganu

TERENGGANU		FAKTA TEKNIKAL PERUMAHAN			PENSAMPELAN OLEH PERUNDING					TARIKH LAWAT PERIKSA
NAMA PPR (REKOD JPN)	NAMA TERKINI	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras	Bil Unit	Bil Blok	Nama Blok	Peratusan Unit	Peratusan Blok	
PPR Padang Hiliran	PPR Padang Hiliran	1002	3	17	668	2	A & B	66.7%	66.7%	28-30 Sept 2017

Jadual 3.13: Pensampelan Kajian di PPR Negeri Pahang

PAHANG		FAKTA TEKNIKAL PERUMAHAN			PENSAMPELAN OLEH PERUNDING					TARIKH LAWAT PERIKSA
NAMA PPR (REKOD JPN)	NAMA TERKINI	Bil Unit	Bil Lorong	Jenis Rumah / Jum Blok	Bil Unit	Bil Lorong	Nama Lorong	Peratusan Unit	Peratusan Lorong	
PERUMAHAN ATAS TANAH										
PPR Tanjung Putus	Taman Perumahan Lechar	100	3	Rumah super-link (teres) 1 tingkat / 8 blok	70	3	Jln Lechar 1, Jln Lechar 2, Jln Lechar 3	70%	100%	23 Ogos 2017
PPR Batu 17 Tersang	Taman Dato' Tengku Paris	150	5	Rumah super-link (teres) 1 tingkat / 14 blok	84	5	Jln Tersang Utama 1, Lorong Tersang Utama 1, Lorong Tersang Utama 2, Lorong Tersang Utama 3, Lorong Tersang Utama 4	56%	100%	24 Ogos 2017
PPR Padang Tengku	Taman Dahlia	100	3	Rumah super-link (teres) 1 tingkat / 12 blok	54	3	Lorong Dahlia 1, Lorong Dahlia 2, Lorong Dahlia 3	54%	100%	25 Ogos 2017
PPR Kerambit	Taman Kerambit Jaya	100	4	Rumah super-link (teres) 1 tingkat / 8 blok	50	4	Lorong Kerambit Jaya 1, Lorong Kerambit Jaya 2, Lorong Kerambit Jaya 3, Lorong Kerambit Jaya 4	50%	100%	26 Ogos 2017
PPR Jerantut	Taman PAKR Bandar Baru (Taman Empat Ratus Sepuloh)	47	3	Rumah super-link (teres) 2 tingkat / 5 blok	27	3	Jln Bandar Baru 6, Jln Bandar Baru 10, Jln Bandar Baru 12	57	100	28 Ogos 2017

PAHANG		FAKTA TEKNIKAL PERUMAHAN			PENSAMPELAN OLEH PERUNDING					TARIKH LAWAT PERIKSA
NAMA PPR (REKOD JPN)	NAMA TERKINI	Bil Unit	Bil Lorong	Jenis Rumah / Jum Blok	Bil Unit	Bil Lorong	Nama Lorong	Peratusan Unit	Peratusan Lorong	
PERUMAHAN ATAS TANAH										
PPR Paya Sok	Taman Desa Seroja	100	4	Rumah super-link (teres) 1 tingkat / 8 blok	50	4	Jln Desa Seroja 1, Jln Desa Seroja 2, Jln Desa Seroja 3/1, Jln Desa Seroja 3/2	50	100	29 Ogos 2017
PPR Ibol Tunggal	Taman Ibol Jaya	100	5	Rumah super-link (teres) 1 tingkat / 9 blok	53	5	Lorong Ibol Jaya 1, Lorong Ibol Jaya 2, Lorong Ibol Jaya 3, Lorong Ibol Jaya 4, Lorong Ibol Jaya 5	53	100	4 Sept 2017
PPR Jengka	Taman Jengka Impian	300	14	Rumah super-link (teres) 1 tingkat / 25 blok	165	14	Lorong Taman Jengka Impian 1, Lorong Taman Jengka Impian 2, Lorong Taman Jengka Impian 3, Lorong Taman Jengka Impian 4, Lorong Taman Jengka Impian 5, Lorong Taman Jengka Impian 6, Lorong Taman Jengka Impian 7, Lorong Taman Jengka Impian 8, Lorong Taman Jengka Impian 9, Lorong Taman Jengka Impian 10, Lorong Taman Jengka Impian 11, Lorong Taman Jengka Impian 12, Lorong Taman Jengka Impian 13, Lorong Taman Jengka Impian 14	55	100	5 – 6 Sept 2017
PPR Pamah Kaseh	Taman Pamah Kasih	150	4	Rumah super-link (teres) 1 tingkat / 10 blok	90	4	Jln Pamah Kaseh 1, Jln Pamah Kaseh 2, Jln Pamah Kaseh 3	60	100	7 Sept 2017

PAHANG		FAKTA TEKNIKAL PERUMAHAN			PENSAMPELAN OLEH PERUNDING					TARIKH LAWAT PERIKSA
NAMA PPR (REKOD JPN)	NAMA TERKINI	Bil Unit	Bil Lorong	Jenis Rumah / Jum Blok	Bil Unit	Bil Lorong	Nama Lorong	Peratusan Unit	Peratusan Lorong	
PERUMAHAN ATAS TANAH										
PPR Bolok Hilir	Taman Lanchang Permai	150	5	Rumah super-link (teres) 1 tingkat / 12 blok	77	5	Jln Lanchang Permai 1, Jln Lanchang Permai 2, Jln Lanchang Permai 3, Jln Lanchang Permai 4, Jln Lanchang Permai 5	51	100	8 Sept 2017
PPR Bukit Mendi	Taman Tanjung Jaya	150	5	Rumah super-link (teres) 1 tingkat / 17 blok	81	5	Jln Tanjung Jaya 1, Jln Tanjung Jaya 2, Jln Tanjung Jaya 3, Jln Tanjung Jaya 4, Jln Tanjung Jaya 5	54	100	10 Sept 2017
PPR Muadzam Shah	Taman Desa Cempaka	150	3	Rumah super-link (teres) 1 tingkat / 14 blok	76	3	Jln Taman Desa Cempaka 1, Jln Taman Desa Cempaka 2, Jln Taman Desa Cempaka 3	51	100	11 – 12 Sept 2017
PPR Paloh Hinai	Taman Selasih	150	10	Rumah super-link (teres) 1 tingkat / 20 blok	75	10	Lorong Selasih 1, Lorong Selasih 2, Lorong Selasih 3, Lorong Selasih 4, Lorong Selasih 5, Lorong Selasih 6, Lorong Selasih 7, Lorong Selasih 8, Lorong Selasih 9, Lorong Selasih 10	50	100	4 Sept 2017
PPR Tanjung Selangor Fasa I	Taman Sri Tanjung Selangor	100	7	Rumah berkembar 1 tingkat	48	7	Jln Seri Tanjung Selangor, Lorong Seri Tanjung Selangor 2, Lorong Seri Tanjung Selangor 3, Lorong Seri Tanjung Selangor 4, Lorong Seri Tanjung Selangor 9, Lorong Seri Tanjung Selangor 10, Lorong Seri Tanjung Selangor 11,	48	100	5 Sept 2017

PAHANG		FAKTA TEKNIKAL PERUMAHAN			PENSAMPELAN OLEH PERUNDING					TARIKH LAWAT PERIKSA
NAMA PPR (REKOD JPN)	NAMA TERKINI	Bil Unit	Bil Lorong	Jenis Rumah / Jum Blok	Bil Unit	Bil Lorong	Nama Lorong	Peratusan Unit	Peratusan Lorong	
PERUMAHAN ATAS TANAH										
PPR Tanjung Selangor Fasa II	Taman Sri Tanjung Selangor	62	4	Rumah berkembar 1 tingkat	32	4	Lorong Seri Tanjung Selangor 5, Lorong Seri Tanjung Selangor 6, Lorong Seri Tanjung Selangor 7, Lorong Seri Tanjung Selangor 8	52	100	6 Sept 2017
PPR Kuala Pahang Fasa I	Taman Melor	318	23	Rumah berkembar 1 tingkat	180	23	Lorong Melur 1, Lorong Melur 2, Lorong Melur 3, Lorong Melur 4, Lorong Melur 5, Lorong Melur 6, Lorong Melur 7, Lorong Melur 8, Lorong Melur 9, Lorong Melur 10, Lorong Melur 11, Lorong Melur 12, Lorong Melur 13, Lorong Melur 14, Lorong Melur 15, Lorong Melur 16, Lorong Melur 17, Lorong Melur 18, Lorong Melur 19, Lorong Melur 20, Lorong Melur 21, Lorong Melur 22, Lorong Melur 23	57	100	7- 8 Sept 2017
PPR Kuala Pahang Fasa II	Taman Melati	32	3	Rumah berkembar 1 tingkat	32	3	Jln Melati, Lorong Melati 1, Lorong Melati 2	100	100	9 Sept 2017
PPR Tanjung Agas	Taman Tanjung Agas Rosa	150	7	Rumah super-link (teres) 1 tingkat / 16 blok	78	7	Lorong Tanjung Agas Rosa 1, Lorong Tanjung Agas Rosa 2, Lorong Tanjung Agas Rosa 3, Lorong Tanjung Agas Rosa 4, Lorong Tanjung Agas Rosa 5, Lorong Tanjung Agas Rosa 6, Lorong Tanjung Agas Rosa 7	52	100	10 Sept 2017

PAHANG		FAKTA TEKNIKAL PERUMAHAN			PENSAMPELAN OLEH PERUNDING					TARIKH LAWAT PERIKSA
NAMA PPR (REKOD JPN)	NAMA TERKINI	Bil Unit	Bil Lorong	Jenis Rumah / Jum Blok	Bil Unit	Bil Lorong	Nama Lorong	Peratusan Unit	Peratusan Lorong	
PERUMAHAN ATAS TANAH										
PPR Tanjung Batu	Taman Bunga Tanjung	150	11	Rumah berkembar 1 tingkat	82	11	Lorong Bunga Tanjung 1, Lorong Bunga Tanjung 2, Lorong Bunga Tanjung 3, Lorong Bunga Tanjung 4, Lorong Bunga Tanjung 5, Lorong Bunga Tanjung 6, Lorong Bunga Tanjung 7, Lorong Bunga Tanjung 8, Lorong Bunga Tanjung 9, Lorong Bunga Tanjung 10 Lorong Bunga Tanjung 11	55	100	11 Sept 2017
PPR Pandan Luar Nenasi	Taman Seri Pandan	164	10	Rumah berkembar 1 tingkat	114	10	Lorong Seri Pandan 1, Lorong Seri Pandan 2, Lorong Seri Pandan 3, Lorong Seri Pandan 4, Lorong Seri Pandan 5, Lorong Seri Pandan 6, Lorong Seri Pandan 7, Lorong Seri Pandan 8, Lorong Seri Pandan 9, Lorong Seri Pandan 10	70	100	13 Sept 2017
PPR Leban Chondong	Taman Menchali Indah	100	5	Rumah super-link (teres) 1 tingkat / 8 blok	50	5	Jln Menchali Indah 1, Jln Menchali Indah 2, Jln Menchali Indah 3, Jln Menchali Indah 4, Jln Menchali Indah 5	50	100	14 Sept 2017

PAHANG		FAKTA TEKNIKAL PERUMAHAN			PENSAMPELAN OLEH PERUNDING					TARIKH LAWAT PERIKSA
NAMA PPR (REKOD JPN)	NAMA TERKINI	Bil Unit	Bil Lorong	Jenis Rumah / Jum Blok	Bil Unit	Bil Lorong	Nama Lorong	Peratusan Unit	Peratusan Lorong	
PERUMAHAN ATAS TANAH										
PPR Parit Raja	PPR Pontian Jaya	150	7	Rumah super-link (teres) 1 tingkat / 15 blok	81	7	Lorong Pontian Jaya 1, Lorong Pontian Jaya 2, Lorong Pontian Jaya 3, Lorong Pontian Jaya 4, Lorong Pontian Jaya 5, Lorong Pontian Jaya 6, Lorong Pontian Jaya 7	54	100	15 Sept 2017
PPR Kampung Hijrah	Perumahan Rakyat Kampung Hijrah Perdana	150	6	Rumah super-link (teres) 1 tingkat / 13 blok	93	6	Lorong Kg. Hijrah Perdana 1, Lorong Kg. Hijrah Perdana 2, Lorong Kg. Hijrah Perdana 3, Lorong Kg. Hijrah Perdana 4, Lorong Kg. Hijrah Perdana 5, Lorong Kg. Hijrah Perdana 6	62	100	16 Sept 2017
PPR Kampung Baru Gambang	PPR Gambang Makmur	150	6	Rumah super-link (teres) 1 tingkat / 12 blok	84	6	Lorong Gambang Makmur 1, Lorong Gambang Makmur 2, Lorong Gambang Makmur 3, Lorong Gambang Makmur 4, Lorong Gambang Makmur 5, Lorong Gambang Makmur 6	56	100	17 Sept 2017
PPR Sri Jaya	Taman Sri Jaya Makmur	150	7	Rumah super-link (teres) 1 tingkat / 13 blok	84	7	Lorong Sri Jaya Makmur 1, Lorong Sri Jaya Makmur 2, Lorong Sri Jaya Makmur 3, Lorong Sri Jaya Makmur 4, Lorong Sri Jaya Makmur 5, Lorong Sri Jaya Makmur 6, Lorong Sri Jaya Makmur 7	56	100	18 Sept 2017

Jadual 3.14: Pensampelan Kajian di PPR Negeri Sabah

SABAH		FAKTA TEKNIKAL PERUMAHAN			PENSAMPELAN OLEH PERUNDING					TARIKH LAWAT PERIKSA
NAMA PPR (REKOD JPN)	NAMA TERKINI	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras	Bil Unit	Bil Blok	Nama Blok	Peratusan Unit	Peratusan Blok	
PPR Batu 4, Sandakan	Taman Mesra	1000	57	5	104	6	43, 44, 45, 24, 25, 26	10%	10.5%	14 Okt 2017
PPR Batu 7, Jln Army Camp, Sandakan	PPR Taman Murni	500	7	5	70	1	C	14%	14.3%	14 Okt 2017
PPR Jln Lintas Sibugar, Sandakan	PPR Lintas Sibugar	500	7	5	80	1	5	14%	16%	14 Okt 2017
PPR Jalan Labuk, Sandakan	PPR Sungai Manila	1000	14	5	140	2	3, 10	14%	14%	13 Okt 2017
PPR Bt 8, Jalan Apas, Tawau	Taman Sri Apas	900	8	5	225	2	D & E	25%	25%	16 Okt 2017
PPR Balung II, Tawau	Taman Sri Balung	972	16	5	54	3	A1-A, A1-B & A1-C	5.5%	18%	16 Okt 2017

3.3.3 Rujukan Garis Panduan Pemeriksaan

Kajian fizikal keadaan bangunan ini dilakukan dengan merujuk kepada Garis Panduan Pemeriksaan dan Penilaian Keadaan; Bangunan Sedia Ada, Jabatan Kerja Raya JKR 21602 – 0004 – 13 (Rujuk Rajah 3.1). Skop pemeriksaan adalah seperti berikut:

iii) Fizikal bangunan; elemen harta bersama (*common properties*) termasuk perkhidmatan bangunan; dan

iv) Fasiliti kejiranan dan persekitaran.

Rajah 3.1: Garis Panduan Pemeriksaan dan Penilaian Keadaan; Bangunan Sedia Ada, Jabatan Kerja Raya (JKR 21602 – 0004 – 13)

3.3.4 Peralatan Pemeriksaan

Bagi tujuan pemeriksaan visual, peralatan asas yang digunakan ialah kamera digital, *crack ruler* dan pita pengukur. Foto 3.1 menunjukkan peralatan yang digunakan ketika pemeriksaan bangunan dilakukan.

Kamera Digital

Pita Pengukur



Crack Ruler

Foto 3.1: Peralatan pemeriksaan bangunan bagi kajian fizikal keadaan bangunan

3.3.5 Kaedah Merekod dan Menganalisis Data

Hasil pemeriksaan visual di tapak dicatatkan ke dalam *checklist* khusus yang merangkumi jenis dan punca kerosakan pada elemen-elemen bangunan dan tahap kerosakan. Data ini kemudiannya direkodkan ke dalam helaian kecacatan dan seterusnya dianalisis menggunakan kaedah *Building Condition Assessment Rating System* (BCARS) seperti yang ditetapkan dalam garis panduan yang dirujuk.

Merujuak kepada BCARS, dapatan pemeriksaan dihasilkan dalam bentuk matrik seperti yang dinyatakan dalam formula di bawah:

Matrik = Kondisi x Keutamaan

Nota: Kondisi = Tahap Keadaan Fizikal Komponen Bangunan
Keutamaan = Tahap Keutamaan Tindakan Penyelenggaraan

Jadual 3.15 dan 3.16 menunjukkan penerangan bagi tahap keadaan fizikal komponen bangunan dan tahap keutamaan tindakan penyelenggaraan yang digunakan dalam pengiraan matrik. Jadual 3.15 menunjukkan huraian ‘Kondisi’ bagi setiap tahap kondisi/keadaan yang diberikan pada setiap kerosakan/kecacatan. Manakala bagi penandaan tahap ‘Keutamaan’, penilaian di berikan berdasar kepada tahap keutamaan penyelenggaraan yang perlu di ambil perhatian.

Jadual 3.15 Tahap Keadaan Fizikal Komponen Bangunan

Gred	Skala Pemeriksaan	Ringkasan	Huraian
1	Sangat baik	SB	· Tiada kecacatan; · Keadaan sangat baik; dan · Boleh berfungsi dengan baik
2	Baik	B	· Terdapat kecacatan atau kerosakan minor; · Keadaan baik; dan · Boleh berfungsi dengan baik
3	Sederhana	S	· Terdapat kecacatan atau kerosakan major; · Keadaan sederhana; dan · Masih boleh berfungsi tetapi perlu dipantau
4	Kritikal	K	· Tiada/ terdapat kecacatan atau kerosakan major/ minor; · Keadaan kritikal; dan · Tidak dapat berfungsi mengikut tahap perkhidmatan dipersetujui
5	Sangat Kritikal	SK	· Keadaan sangat kritikal; · Tidak dapat berfungsi; dan · Berisiko yang boleh menyebabkan kecelakan dan/ atau kecederaan

Sumber: Garis Panduan Pemeriksaan dan Penilaian Keadaan Bangunan Sedia ada, JKR (Jadual 4, ms 021)

Jadual 3.16: Tahap Keutamaan Tindakan Penyelenggaraan

Keutamaan	*Skala Penilaian*	*Ringkasan*	*Huraian*
Normal	1	N	· Tiada tanda kecacatan atau kerosakan · Komponen/ elemen diselenggara dengan baik, tiada keperluan pembaikan
Rutin	2	R	· Kerosakan/ kecacatan minor · Perlu dipantau, dibaiki dan diganti untuk mengelakkan kecacatan/ kerosakan yang lebih serius
Pembaikan	3	PB	· Kerosakan/ kecacatan major · Perlu pembaikan major, perlu dibaiki/ diganti
Pemulihan	4	PM	· Kerosakan/ kecacatan serius · Keperluan kepada pembaikan yang mendesak, perlu segera dan serta merta
Penggantian	5	PG	· Kerosakan/ kecacatan sangat serius, · Keperluan kepada penggantian/ pembaikan yang mendesak, perlu segera dan serta merta · Memerlukan pemeriksaan terperinci pakar

Sumber: Garis Panduan Pemeriksaan dan Penilaian Keadaan Bangunan Sedia ada, JKR (Jadual 5, ms 022)

Bagi mendapatkan skor penarafan keseluruhan keadaan fizikal bagi setiap tapak PPR, jumlah Matrik dibahagikan dengan jumlah kecacatan yang diperolehi. Skor yang diperolehi seterusnya dibandingkan dengan klasifikasi penarafan bangunan seperti Jadual 3.17.

Jadual 3.17: Klasifikasi Penarafan Bangunan

Gred Penarafan	Keadaan/ Kondisi	Matrik Tindakan	Skor
A	Sangat Baik	Penyelenggaraan berjadual	1 hingga 5
B	Baik	Penyelenggaraan berdasarkan keadaan (*Condition based*)	6 hingga 10
C	Sederhana	Pembaikan	11 hingga 15
D	Kritikal	Pemulihan	16 hingga 20
E	Sangat Kritikal	Penggantian	21 hingga 25

Sumber: Garis Panduan Pemeriksaan dan Penilaian Keadaan Bangunan Sedia ada, JKR Jadual 7, ms 023)

Penarafan yang diperolehi akan menentukan keadaan bangunan dan keperluan tindakan penambahbaikan yang perlu di ambil seterusnya.

3.3.6 Limitasi Kajian

Kajian keadaan fizikal bangunan ini mempunyai limitasi seperti berikut:

i) Pemeriksaan berdasarkan pemeriksaan visual sahaja. Tiada sebarang ujian diadakan;

ii) Skop pemeriksaan pada c*ommon properties* tidak termasuk unit kediaman;

iii) Bahagian atau ruang yang tidak dapat di akses atas faktor risiko keselamatan tidak di lawat periksa;

iv) Pemeriksaan dan analisis terhad kepada jenis dan punca kecacatan/kerosakan sahaja, dan

v) Laporan ini tidak memberi cadangan kepada pembaikan pada setiap kerosakan/kecacatan.

3.4 Kajian Tadbir urus

3.4.1 Pendahuluan

Skop kajian tadbir urus ini adalah meliputi pengurusan kerajaan negeri, tempatan dan juga pihak pengurusan yang terlibat didalam kerja penyelenggaraan PPR.

Objektif kajian: Memperkukuhkan sistem tadbir urus *stakeholder* (Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri) dalam pengurusan perumahan PPR.

3.4.2 Metodologi Kajian:

i) Responden terdiri daripada pegawai yang bertanggung jawab terhadap pengurusan perumahan PPR;

ii) Kaedah pengumpulan data adalah dengan menggunakan kaedah temubual bersemuka dengan pegawai yang bertanggungjawab; dan

iii) Tempoh pengumpulan data adalah 4 bulan.

3.5 Dapatan dan Rumusan

Skop kajian: Cadangan dan penambahbaikan

Objektif: Memberi input dan maklumat berkenaan hasil penemuan kajian kepada Kerajaan ke arah penubuhan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3P)

Metodologi kajian:

i) Bengkel–bengkel penyatuan dapatan (sintesis dan penilaian) diantara kumpulan perunding dan pihak JPN

BAB 4

ANALISIS DATA, INDIKATOR & PENARAFAN:

KAJIAN SOAL SELIDIK

4.0 Pendahuluan

Bab ini merumuskan analisis data yang terbahagi kepada tiga iaitu analisis deskriptif, pembentukan indikator dan pembentukan penarafan dari dapatan kajian soal selidik yang telah dijalankan sehingga tempoh Oktober 2017.

4.1 Profil Responden

4.1.1 Status Responden

Kajian telah dilakukan ke atas sejumlah responden seramai 6487 orang, 45.1 peratus adalah ketua isi rumah manakala yang selebihnya adalah wakil ketua isi rumah. Seramai 56.5 peratus daripada mereka yang ditemuduga adalah wakil ketua isi rumah yang terdiri dari suami atau isteri kepada ketua isi rumah, anak, ibu/bapa ketua isi rumah serta lain-lain peserta. Majoriti responden adalah perempuan (ketua/isteri kepada ketua isi rumah) iaitu dalam lingkungan 61.3 peratus dan selebihnya adalah lelaki. Secara purata, setiap unit kediaman didiami oleh lebih kurang 4.3 orang.

Jadual 4.1: Status Responden

Status Responden		**Taburan**	**Peratus**
Isi Rumah	Ya	2927	45.1
	Tidak	3560	54.9
	JUMLAH	6487	100.0

Jadual 4.2: Wakil ketua Isi Rumah

Wakil Ketua Isi Rumah	**Taburan**	**Peratus**
Suami/Isteri	2282	64.1
Anak	818	23.0
Bapa/Ibu	217	6.1
Lain-lain	243	6.8
JUMLAH	**3560**	**100.0**

Jadual 4.3: Jantina Responden

Jantina Responden	***Taburan***	***Peratus***
Lelaki	2508	38.7
Perempuan	3979	61.3
JUMLAH	**6487**	**100.0**

Responden yang terlibat di dalam kajian ini adalah terdiri dari 69.2 peratus kaum Melayu, diikuti oleh kaum Cina 6.4 peratus dan India 12.5 peratus, manakala Bumiputra Sabah/Sarawak dan lain-lain kumpulan 12 peratus.

Jadual 4.4: Kumpulan Etnik Responden

Kumpulan Etnik	**Peratus (%)**
Melayu	69.2
Cina	6.4
India	12.5
Bumiputra Sabah / Sarawak	8.2
Lain-lain Bangsa	3.3
Bukan Warganegara	0.5
JUMLAH	100

4.1.2 Status Perkahwinan

Status perkahwinan responden pula didapati, sudah berkahwin 77 peratus diikuti oleh 13.4 peratus berstatus bujang, manakala janda dan duda masing-masing 8.0 peratus dan 1.6 peratus.

Jadual 4.5: Status Perkahwinan

Status	***Peratus***
Bujang	13.4
Berkahwin	77.0
Janda	8.0
Duda	1.6
Jumlah	**100.0**

4.2 Taburan Responden mengikut Kumpulan Umur dan Kediaman Asal

4.2.1 Taburan Umur Respoden

Keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri dari mereka di dalam lingkungan umur 20 hingga 65 tahun atau lebih. Sehubungan dengan itu dapatan dari kajian ini adalah hasil dari pandangan mereka yang sudah boleh membuat keputusan. Taburan umur responden adalah seperti yang tertera di dalam jadual berikut



Rajah 4.1: Taburan Umur Responden

4.2.2 Kediaman Asal

Selain daripada umur, jantina dan taraf perkahwinan, latar belakang responden terutama dari segi tempat tinggal sebelum mereka berhijrah ke unit kediaman sekarang adalah penting di dalam kajian kesejahteraan. Ini membolehkan ukuran dibuat terhadap persepsi penghuni di dalam pelbagai bidang kerana mereka dapat merasakan dan membandingkan dua keadaan yang berbeza.

Dalam hal ini, sebelum mendiami rumah sekarang, responden telah mendiami di antaranya rumah sewa, sewa di projek perumahan kerajaan (kuarters kerajaan), berkongsi rumah dengan saudara/kawan, tinggal di rumah setinggan dan lain-lain.

Oleh yang demikian, semua responden sudah mempunyai pengalaman tinggal di tempat lain dan berupaya untuk menanda aras sesuatu perkhidmatan yang boleh dibandingkan dengan suasana baru yang mereka alami iaitu di rumah PPR.

Dapatan daripada soal selidik ini menunjukkan 42 peratus pernah tinggal di rumah sewa, 11.5 peratus pernah menyewa di projek perumahan kerajaan, 9.8 peratus pernah berkongsi rumah dengan kawan/saudara, 28.6 peratus pernah tinggal di rumah setinggan manakala selebihnya adalah lain-lain kediaman.

4.3 Latar Belakang Sosio-Ekonomi Responden

Responden telah diajukan beberapa soalan berkaitan dengan sosio-ekonomi mereka dan keluarga di antaranya ialah pendapatan bulanan, status pemilikan rumah, bayaran sewa rumah (jika ada) dan beberapa lagi soalan yang ada hubung kait dengan sosio-ekonomi. Ukuran ini penting untuk mengukur tahap latar belakang sosio-ekonomi responden.

4.3.1 Pendapatan Isirumah/Ketua Keluarga

Pendapatan ketua keluarga dijadikan proksi kepada pendapatan isi rumah. Ini disebabkan oleh faktor masa dan lain-lain kekangan yang bakal dihadapi semasa kerja lapangan dijalankan. Secara umumnya purata pendapatan bulanan ketua isi rumah bagi komuniti PPR di seluruh negara ialah k RM1786. Taburan pendapatan bulanan keseluruhan responden adalah seperti rajah 4.2.



Rajah 4.2: Taburan Pendapatan Bulanan

Kesimpulannya taburan pendapatan bulanan ketua keluarga tertumpu di bahagian berpendapatan yang rendah. Hampir 65 peratus tergolong daripada mereka yang berpendapatan kurang dari RM2000 sebulan. Sekiranya matlamat kerajaan untuk menyediakan rumah kepada golongan yang berpendapatan rendah (B40), maka situasi ini boleh diandaikan sebagai satu kejayaan ke atas objektif pembangunan PPR.

Sebagai perbandingan, pendapatan purata bulanan bagi negeri-negeri yang terlibat adalah seperti jadual 4.6.

Jadual 4.6: Anggaran Pendapatan Bulanan Mengikut Negeri

Negeri	**Anggaran Purata Pendapatan Bulanan (RM)**
Perak	1302.5
Selangor	2039.4
Pahang	1942.8
Johor	1834.9
Kedah	1506.8
Melaka	2573.7
Negeri Sembilan	1964.3
Pulau Pinang	1437.0
Perlis	966.7
Sabah	1155.0
Terengganu	1750.0
W.P Kuala Lumpur	1994.4
Keseluruhan	**1786.8**

Pendapatan purata ketua isi rumah PPR di kebanyakan negeri adalah di bawah paras RM2000 sebulan dan ini jauh lebih rendah berbanding dengan purata pendapatan ketua keluarga nasional B40 yang dianggarkan sebanyak RM2484 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016). Kesimpulannya, secara relatif keseluruhan penduduk di kawasan PPR boleh dikategorikan sebagai miskin bandar.

4.3.2 Isirumah Yang Bekerja

Hampir 95 peratus daripada ketua isi rumah bekerja (samada bekerja sepenuh masa atau bekerja separuh masa). Ketua isi rumah yang tidak bekerja adalah tergolong dari warga emas atau mereka yang kurang upaya, mengganggur, bersara atau belum mendapatkan pekerjaan yang sesuai.

Dapatan menunjukkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya seorang isi rumah yang bekerja bagi setiap rumah (59 peratus), 2 orang bekerja (29 peratus), 3 orang bekerja (9 peratus), malah terdapat lebih dari 4 orang bekerja (2 peratus). Kesimpulannya 62 peratus isi rumah (termasuk ketua isirumah) bekerja secara sepenuh masa dan 24 peratus bekerja separuh masa, 12 peratus menganggur dan sebagainya.

4.3.3 Status Pemilikan Rumah

Status pemilikan rumah yang didiami samada menyewa atau membeli; dan sekiranya menyewa, daripada siapa mereka menyewa rumah tersebut (Pihak Bekuasa Tempatan (PBT) atau dari Individu). Dapatan menunjukkan bahawa 82 peratus daripada responden mengakui bahawa mereka menyewa rumah tersebut, hanya 18 peratus sahaja yang membeli. Bagi mereka yang menyewa unit rumah, 86 peratus menyewa daripada agensi kerajaan seperti PBT, selebihnya menyewa daripada orang perseorangan (14 peratus sahaja).

Terdapat juga rumah yang duduki telah dibeli daripada pemaju (kerajaan), di mana bilangan mereka yang membeli adalah lebih ramai daripada mereka yang menyewa iaitu Melaka (58 peratus) dan Pahang (52.4 peratus). Manakala di tiga buah negeri iaitu Kedah, Negeri Sembilan dan Perlis, kesemua mereka yang di temuduga melaporkan bahawa mereka adalah menyewa.

Taburan pecahan mengikut status pemilikan rumah samada menyewa atau membeli adalah seperti jadual 4.7.

Jadual 4.7: Status Pemilikan Mengikut Negeri

Negeri	***Status Pemilikan Unit Rumah***	
	Beli	**Sewa**
Perak	9.6%	90.4%
Selangor	25.9%	74.1%
Pahang	52.4%	47.6%
Johor	1.1%	98.9%
Kedah	0.0%	100.0%
Melaka	58.0%	42.0%
Negeri Sembilan	0.0%	100.0%
Pulau Pinang	0.8%	99.2%
Perlis	0.0%	100.0%
Sabah	2.4%	97.6%
Terengganu	6.9%	93.1%
WP Kuala Lumpur	10.7%	89.3%

4.3.4 Jenis Kediaman yang diduduki

Dalam konteks kajian ini, rumah PPR dikategorikan kepada 3 kategori, iaitu, Rumah Kediaman Bertanah/Bertanah (Bertanah), Rumah Kediaman Bertingkat Tinggi dengan lif (Tinggi) dan Rumah Kediaman Bertingkat Rendah tanpa lif (*Walk-up)*. Sebanyak 75 peratus daripada unit kediaman adalah dalam kategori strata (Tinggi dan *Walk-up*) dan selebihya ialah rumah teres setingkat, rumah berkembar setingkat dan rumah kluster setingkat.

Jadual 4.8: Jenis Kediaman

Jenis Kediaman	**Bilangan**	**Peratus**
Bertanah	1633	25.2
Tinggi	2970	45.8
Walk-up	1884	29.0
JUMLAH	**6487**	**100.0**

Berdasarkan Jadual 4.8 di atas, taburan jenis kediaman mengikut negeri, adalah dari jenis *Walk-Up* terdapat di Sabah, Negeri Sembilan, Melaka dan Kedah manakala jenis Rumah Bertanah terdapat di negeri Pahang, Perak, Johor dan Perlis. Jenis kediaman di negeri-negeri lain adalah dari ketiga-tiga kategori.

4.3.5 Status Kediaman

Dari aspek status pemilikan rumah, kadar penghuni yang menyewa adalah 86 peratus dan yang membeli adalah 14 peratus. Kajian ini mendapati peratusan mereka yang pernah menyewa di kediaman lain sebelumnya mempunyai kecenderungan tinggi untuk membeli rumah PPR berbanding dengan mereka yang berkongsi rumah atau tinggal di rumah setinggan. Keadaan ini jelas berlaku di Pahang, Melaka dan Terengganu.

Jadual 4.9: Status kediaman

Rumah Terdahulu	Situasi Sekarang	
	Beli	**Sewa**
Sewa rumah	20.8%	79.2%
Sewa di projek perumahan kerajaan	18.1%	81.9%
Berkongsi rumah dengan kawan/saudara	9.1%	90.9%
Tinggal dirumah setinggan	7.1%	92.9%
Lain-lain	11.5%	88.5%

4.3.6 Kadar Sewa Rumah

Bayaran sewa yang dijelaskan adalah pelbagai. Kadar sewa yang paling minima ialah RM62 sebulan manakala kadar sewa yang paling tinggi ialah RM900 sebulan. Kadar-kadar sewa ini berbeza mengikut lokaliti, projek dan jenis pemilikan rumah.

Perbandingan kadar sewa yang dibayar ditunjukkan di rajah 4.3



Rajah 4.3: Kadar Sewa Bulanan (RM)

Terdapat PBT yang mengenakan kadar sewa RM124, RM174, RM200 dan RM250 sebulan. Walaubagaimanapun, terdapat juga kadar sewa yang

berlebihan dibayar oleh penyewa dan ini boleh diandaikan bahawa peserta asal telah menyewakan semula unit tersebut kepada pihak ketiga.

Taburan kadar sewa yang dibayar oleh penyewa samada kepada pihak PBT atau orang perseorangan mengikut jenis rumah adalah seperti jadual 4.10.

Jadual 4.10: Kadar Sewa Bulanan Mengikut Jenis Kediaman

Kadar Sewa (RM/bulan)	**Kediaman Bertanah (%)**	**Kediaman Tinggi (%)**	**Kediaman Walk-up (%)**
124 dan kebawah	20.5	85.1	49.2
125 - 174	3.2	6	38.5
175 - 200	6.6	4.4	3.6
201 - 250	16.3	1.5	4.1
251 dan keatas	53.3	3	4.1
Min Sewa/Bulan	**RM 219.6**	**RM 107.2**	**RM 130.1**

Secara keseluruhan purata sewa yang dibayar oleh penyewa ialah RM164 sebulan.

4.4 Analisis Kajian Kesejahteraan Komuniti PPR

Untuk menilai atau mengukur Kesejahteraan Komuniti PPR, soal selidik yang dikemukakan telah dicerakinkan kepada **4 Tonggak Utama** iaitu **Tonggak Fizikal, Tonggak Luaran, Tonggak Asas dan Tonggak Komuniti.** Setiap tonggak samada boleh berdiri dengan sendiri atau saling bergantung antara satu sama lain. Nilai Kesejahteraan kemudiannya diukur hasil daripada elemen-elemen yang dikemukakan melalui tonggak yang berkenaan.

Tonggak Fizikal merangkumi elemen-elemen seperti Keperluan, Keselamatan, Sokongan dan Kesihatan**. Tonggak Luaran** merangkumi pekerjaan, dan gaya hidup; **Tonggak Asas** merangkumi Peluang, Kompeten, Kepunyaan dan Keyakinan manakala **Tonggak Komuniti** merangkumi budaya, ekonomi, dan kebebasan peribadi.

Keperluan Rumah

Maklumat-maklumat dalam elemen ini merangkumi pemilikan unit, tempoh mendiami unit, keperluan keluarga, keperluan sokongan, keperluan keselamatan dan keperluan kesihatan.

Tempoh mendiami digunakan sebagai salah satu ukuran keperluan kerana ini dapat menggambarkan pola permintaan unit rumah. Ini juga bertujuan untuk menunjukkan tahap kepentingan dan kedesakan (*urgency*) untuk memiliki/mendiami rumah yang stabil dan baik. Berdasarkan rajah 4.4, secara purata responden telah mendiami unit rumah tersebut selama 6.7 tahun. Didapati bahawa 21.3 peratus responden mendiami unit kediaman diantara 1 hingga 2 tahun, 16.6 peratus mendiami unit dalam tempoh 3 hingga 4 tahun. Manakala mereka yang mendiami unit kediaman melebihi 19 tahun ialah 0.48 peratus.

Tempoh yang paling panjang penghuni mendiami unit tersebut adalah selama 34 tahun. Ini boleh diandaikan bahawa terdapat keluarga yang telah mendiami PPR menerusi dua generasi atau lebih.

Jika dilihat dari latar belakang kediaman sebelumnya, mereka yang mendiami dalam tempoh di antara 1 hingga 2 tahun adalah terdiri daripada 64 peratus penyewa di tempat lain, 16 peratus berasal dari mereka yang berkongsi rumah dengan kawan atau saudara, manakala 15 peratus adalah berpindah dari penempatan setinggan.

Dari segi umur, tempoh mereka yang mendiami unit kediaman dari 1 hingga 2 tahun berumur di antara 20 hingga 24 tahun (11.8 peratus), 14.4 peratus berumur 25 hingga 29 tahun, 20.1 peratus berumur 30 hingga 34 tahun dan yang selebihnya ialah berumur lebih dari 35 tahun.



Rajah 4.4: Tempoh Mendiami Rumah PPR

Penilaian Terhadap Perkhidmatan Keperluan Asas

Keperluan asas merupakan salah satu ukuran kepada kesejahteraan penduduk. Keperluan asas seperti penyelenggaraan, bekalan air, elektrik, kemudahan lif, pembentungan dan kumbahan, pungutan sampah dan aduan.

Penilaian yang digunakan bagi mengukur **SKOR** kepuasan adalah jumlah kepuasan perkhidmatan yang disediakan/diberikan yang diukur dalam bentuk peratusan bagi **SETUJU dan AMAT SETUJU SAHAJA**.

Jadual 4.11: Jangkaan Kepuasan dan Pengakuan Perkhidmatan

Jangkaan Kepuasan dan Pengakuan Perkhidmatan	***SKOR***	***Pangkat***
Selenggaraan adalah memuaskan	**83.1**	**7**
Yuran Penyelenggaraan bagi unit adalah Patut	**91.2**	**2**
Urusan Penyediaan Air Paip	**84.5**	**6**
Urusan Elektrik	**95.8**	**1**
Urusan Lift	**36.4**	**9**
Pembentongan dan Kumbahan	**88.1**	**4**
Perkhidmatan Pungutan Sampah	**88.0**	**5**
Respon Terhadap Aduan	**73.4**	**8**
Bayaran Yuran Penyelenggaraan Tepat Waktu	**90.0**	**3**

Secara perbandingan, persepsi penghuni (responden) yang mendiami unit kediaman (Bertanah, Tinggi dan *Walk-up*) terhadap perkhidmatan yang disediakan didapati tidak berbeza di antara ketiga-tiga jenis kediaman tersebut, kecuali urusan perkhidmatan lif (perkhidmatan lif hanya disediakan untuk rumah kediaman tinggi sahaja).

Begitu juga ukuran persepsi yang diberikan oleh mereka yang menyewa dan yang membeli unit PPR tersebut adalah sama secara keseluruhan.

Secara umumnya, responden memberikan skor yang tinggi kepada perkhidmatan yang disediakan kecuali perkhidmatan lif (Pangkat 9) dan perkhidmatan terhadap aduan awam (Pangkat 8).

Sekiranya **SKOR 70.0** menjadi penanda aras, adalah dicadangkan perkhidmatan lif dan aduan awam yang menerima skor yang relatif rendah, di buat penambahbaikan.

Responden telah memberikan komitmen yang tinggi dan menyokong urusan penyelengaraan dengan memberi “pengakuan” yang tinggi terhadap yuran penyelenggaraan (Pangkat 2) dan akan membayar yuran perkhidmatan pada waktu yang ditetapkan (Pangkat 3) agar perkhidmatan dapat berjalan dengan lancar sepanjang masa.

Walaubagaimanapun, responden yang membeli unit kediaman telah memberikan skor yang agak rendah rendah iaitu 76.7 peratus berbanding dengan 91.1 peratus daripada mereka yang menyewa ke atas kesesuaian yuran penyelenggaraan rumah.

Penilaian Keperluan Yang berkaitan dengan Unit Rumah

Keperluan-keperluan asas bagi memenuhi keperluan individu atau responden seperti saiz rumah, bilangan bilik, kemudahan parkir, keselamatan dan privasi memainkan peranan di dalam kesejahteraan penduduk atau penghuni. Keselesaan penghuni bergantung kepada saiz isi rumah dan keperluan asas unit kediaman. Jadual 4.12 memberikan penilaian keperluan terhadap aspek unit kediaman.

Jadual 4.12: Penilaian Keperluan (Aspek Unit Kediaman)

Penilaian Keperluan	***Saiz Rumah***	***Bilangan Bilik***	***Kemudahan Parkir***	***Keselamatan Rumah***	***"Privacy" Rumah***
Sangat Tidak Setuju	0.7	0.9	13.5	3.9	2.1
Tidak Setuju	5.4	5.3	19.3	12.4	8.8
Setuju	57.1	56.9	40.4	54.2	58.6
Sangat Setuju	36.8	36.9	26.8	29.4	30.5
SKOR	**93.9**	**93.8**	**67.2**	**83.7**	**89.1**
Pangkat	**1**	**2**	**5**	**4**	**3**

PPR jenis kediaman Tinggi mendapat skor penilaian rendah terhadap kemudahan parkir. Ini disebabkan oleh pertambahan bilangan isi rumah yang mempunyai kenderaan tetapi bilangan yang disediakan tidak berubah atau bertambah.

Perbandingan juga dibuat ke atas persepsi mereka yang membeli dan menyewa di mana kemudahan parkir memberikan skor 63.1 peratus berbanding dengan skor 83.6 peratus yang diberikan oleh mereka yang membeli unit. Perbezaan ini mungkin disebabkan mereka yang membeli unit kediaman mempunyai kecenderungan dalam memperuntukkan parkir masing-masing. Pecahan skor yang diberikan kepada kemudahan parkir berbanding dengan faktor-faktor lain oleh responden dari kedua-dua jenis pemilikan rumah adalah seperti jadual 4.13.

Jadual 4.13: Keperluan Unit Rumah Mengikut Status Pemilikan Rumah

Keperluan Unit Rumah	*Status pemilikan Unit Rumah*	
	Beli	**Sewa**
Saiz Rumah	93.4%	93.9%
Bilangan Bilik	94.3%	93.7%
Kemudahan Parkir	83.6%	63.1%
Keselamatan Rumah	91.9%	81.8%
Privacy Rumah	93.7%	88.0%

Sekiranya **SKOR 70.0** menjadi tanda aras keselesaan penghuni, kemudahan parkir perlu penambahbaikan.

Tekanan terhadap permintaan kemudahan parkir amat dirasai oleh mereka yang mendiami semua jenis kediaman bukan sahaja disebabkan oleh bilangan penghuni yang semakin meningkat tetapi di sebabkan oleh pemilikan kenderaan yang berganda bagi setiap keluarga. Data yang diperolehi menunjukkan **89.5** peratus penghuni kediaman bertanah mempunyai 2 jenis kenderaan iaitu kereta dan motorsikal. Sebagai perbandingan terdapat **71.7** peratus penghuni kediaman tinggi mempunyai 2 jenis kenderaan kereta dan motosikal, manakala **49.8** peratus penghuni kediaman *Walk up* mempunyai 2 jenis kenderaan kereta dan motosikal.

Dari segi pemilikan kenderaan 16.0 peratus mereka yang mendiami kediaman bertanah, 36.3 peratus bagi mereka yang mendiami kediaman tinggi dan 43.7 peratus yang mendiami kediaman *Walk Up* tidak mempunyai kenderaan langsung.

Persepsi berkaitan dengan keselamatan PPR, jenis kediaman Tinggi mendapat Skor 77.9 peratus iaitu secara relatifnya adalah rendah**.** Ini berkemungkinan dari kepadatan penduduk yang mempengaruhi keselamatan.

Faktor "*privacy*" juga memberi impak kepada kesejahteraan penghuni rumah. Berdasarkan Skor yang diberikan sebanyak 89.1, persepsi baik dari responden boleh dikaitkan dengan kepuasan mereka terhadap kemudahan-kemudahan yang disediakan.

Penilaian Keperluan Individu dan Keluarga

Keperluan asas setiap individu perlu dipertimbangkan bagi memenuhi keselesaan ahli keluarga.

Secara keseluruhannya jadual 4.14 menunjukkan skor penilaian terhadap kemudahan perkhidmatan. Keperluan elektrik, pungutan sampah dan pembentungan/kumbahan mendapat skor yang tinggi. Manakala Bekalan Air Paip dan Telefon adalah dua yang terendah disebabkan oleh kekerapan berlaku gangguan bagi kedua-dua perkhidmatan tersebut.

Jadual 4.14: Penilaian Keperluan (Aspek kemudahan)

Penilaian Keperluan	***Air Paip***	***Kuasa Elektrik***	***Telefon***	***Pembentungan dan Kumbahan***	***Pungutan Sampah***
Sangat Tidak Setuju	3.4	0.8	6.1	1.8	2.2
Tidak Setuju	7.1	2.2	11.7	6.1	5.9
Setuju	55.3	59.8	55.1	59.6	59.2
Sangat Setuju	34.2	37.3	27.0	32.5	32.7
SKOR	**89.5**	**97.1**	**82.1**	**90.1**	**91.9**
Pangkat	**4**	**1**	**5**	**3**	**2**

Secara perbandingan, jenis kediaman Tinggi dan *Walk Up* tidak menampakkan perbezaan yang nyata dengan keseluruhan dapatan. Tetapi perbezaan yang relatif besar terhadap penilaian kemudahan di rumah kediaman Bertanah terutama bagi keperluan telefon (jadual 4.15 dan 4.16).

Jadual 4.15: Penilaian Kemudahan di Kediaman Bertanah

Penilaian Keperluan	**Air Paip**	**Kuasa Elektrik**	**Telefon**	**Pembentungan dan Kumbahan**	**Pungutan Sampah**
Sangat Tidak Setuju	5.5	0.5	14.4	5.5	2.5
Tidak Setuju	4.4	1.2	10.9	3.7	1.8
Setuju	45.1	46.8	45.4	47.3	49.2
Sangat Setuju	45.1	51.6	29.2	43.6	46.5
SKOR	**90.2**	**96.4**	**74.7**	**90.9**	**95.7**
Pangkat	**4**	**1**	**5**	**3**	**2**

Jadual 4.16: Penilaian Kemudahan mengikut status pemilikan rumah

Keperluan Bekalan	***Status pemilikan Unit Rumah***	
	Beli	***Sewa***
Bekalan Air Paip	89.1%	89.6%
Bekalan Kuasa Elektrik	97.7%	96.9%
Bekalan Telefon	71.5%	84.8%
Pembentungan dan Kumbahan	90.3%	92.7%
Pungutan Sampah	93.2%	91.5%

Penilaian Keperluan Kelengkapan Rumah

Penilaian kajian ini seterusnya merujuk kepada kelengkapan rumah yang disediakan sendiri oleh penghuni. Kelengkapan rumah yang disenaraikan adalah berbentuk keperluan tambahan yang dianggap perlu disediakan oleh ketua isi rumah.

Maklumat ini penting di dalam mengukur tahap kemampuan ketua isi rumah menyediakan kelengkapan untuk keselesaan tempat tinggal dan menyumbang kepada tahap kualiti kehidupan (*Quality of Life*).

Jadual 4.17 menunjukkan peratusan unit kediaman yang mempunyai kelengkapan yang disenaraikan mengikut negeri.

Jadual 4.17: Keperluan Kelengkapan Rumah yang Di tambah

Memiliki / Negeri	***Pendingin Udara***	***Peti Sejuk***	***Pancur Air Panas***	***Mesin Basuh***	***TV Flat Screen***	***Kemudahan Internet***	***Motokar***	***Motosikal***
Perak	14.8%	98.5%	13.3%	92.3%	71.0%	6.2%	55.9%	76.9%
Selangor	17.9%	95.2%	15.7%	88.2%	70.9%	8.9%	62.9%	68.1%
Pahang	20.2%	98.5%	17.6%	98.2%	77.7%	15.6%	84.7%	90.2%
Johor	11.4%	96.5%	9.6%	93.5%	91.1%	12.7%	75.2%	69.1%
Kedah	8.3%	96.2%	12.8%	95.5%	89.7%	9.0%	59.6%	80.1%
Melaka	39.3%	100%	25.0%	100%	94.6%	44.6%	85.7%	78.6%
Negeri Sembilan	8.0%	100%	6.0%	99.0%	96.0%	68.0%	95.0%	68.0%
P.Pinang	0.0%	94.6%	16.2%	92.3%	90.0%	13.1%	57.7%	80.0%
Perlis	6.4%	94.3%	29.3%	92.9%	75.7%	10.0%	52.9%	87.1%
Sabah	34.0%	96.4%	9.9%	92.5%	89.6%	20.5%	63.3%	24.7%
Trengganu	7.2%	97.3%	12.7%	94.2%	77.0%	14.4%	79.0%	80.1%
W.P Kuala Lumpur	23.0%	97.2%	24.0%	91.8%	74.9%	20.6%	62.1%	65.6%
Keseluruhan	**19.6%**	**97.1%**	**17.2%**	**93.3%**	**80.2%**	**17.5%**	**67.9%**	**67.1%**
Pangkat	**6**	**1**	**8**	**2**	**3**	**7**	**4**	**5**

Hampir kesemua unit kediaman di setiap negeri memiliki kelengkapan peti sejuk (pangkat 1) dan mesin basuh (pangkat 2) yang mana kedua-dua kelengkapan ini boleh dianggap sebagai keperluan kepada setiap kediaman. Ini diikuti dengan pemilikan televisyen walaupun mempunyai pola peratusan pemilikan yang berbeza mengikut negeri.

Kelengkapan berupa pendingin udara (pangkat 6) secara relatifnya adalah rendah dan ini berkemungkinan disebabkan faktor kemampuan dan juga dasar di sesetengah negeri seperti di Pulau Pinang yang tidak membenarkan pemasangan kelengkapan tersebut. Kelengkapan lain yang dianggap mewah seperti kemudahan internet dan pancur air panas tidak dimiliki oleh sebahagian besar unit kediaman. Usaha menyediakan kemudahan internet oleh pihak kerajaan secara berpusat di kebanyakan PPR seluruh negara juga merupakan faktor kurangnya keperluan penyediaan kemudahan ini di unit kediaman.

Analisis dapatan seterusnya menunjukkan kelengkapan pendingin udara dan pancur air panas adalah relatif tinggi di Melaka (39.3 peratus), yang mempunyai status rumah yang dimiliki. Penyediaan kemudahan internet juga adalah relatif tinggi di Negeri Sembilan (68.0 peratus) dan Melaka (44.6 peratus).

Secara perbandingan mengikut jenis kediaman, jenis kelengkapan yang disediakan oleh ketua isi rumah tidak menunjukkan perbezaan di antara jenis kediaman Bertanah, Kediaman Tinggi dan Kediaman *Walk Up* seperti dalam jadual 4.18.

Jadual 4.18: Jenis Kelengkapan mengikut Kediaman

Jenis Peralatan	***Kediaman Bertanah***	***Kediaman Tinggi***	***Kediaman Walk Up***
Pendingin Udara	19.8	17.8	22.4
Peti Sejuk	98.1	96.9	96.8
Pancur Air Panas	17.8	20.3	11.7
Mesin Basuh	96.7	91.9	93.6
TV Flat Screen	78.1	77.0	86.7
Kemudahan Internet	14.0	17.9	18.9
Motokar	79.8	64.5	66.6
Motosikal	88.4	68.9	52.0

Jadual 4.18 menunjukkan secara konsisten kelengkapan peti sejuk dan mesin basuh merupakan keperluan asas setiap unit kediaman dan diikuti oleh kelengkapan TV *Flat Screen*. Ini boleh juga dirumuskan bahawa kelengkapan-kelengkapan ini sememangnya telah disediakan oleh ketua isi rumah dan dibawa bersama apabila berpindah ke kediaman sekarang (Jadual 4.19).

Jadual 4.19: Jenis Kelengkapan Mengikut Taburan Kediaman Terdahulu

Kelengkapan Tambahan	***Sewa rumah***	***Sewa di projek perumahan kerajaan***	***Berkongsi rumah dengan kawan/saudara***	***Tinggal di rumah setinggan***	***Lain-lain***
Pendingin Udara	19.5	24.1	16.5	19.9	20.7
Peti Sejuk	97.9	97.1	95.4	96.1	97.4
Pancur Air Panas	14.4	20.8	14.0	19.6	21.9
Mesin Basuh	94.8	92.3	89.3	92.0	90.7
TV Flat Screen	82.4	74.7	80.2	78.4	82.2
Kemudahan Internet	16.6	21.5	16.3	17.7	18.9
Motokar	67.6	62.7	64.5	64.7	66.7
Motosikal	69.8	69.2	53.7	61.8	63.7

Perbandingan pemilikan kelengkapan mengikut status pemilikan rumah tidak menunjukkan perbezaan yang nyata seperti di dalam jadual 4.20.

Jadual 4.20: Kelengkapan tambahan mengikut status pemilikan rumah

Alat Kelengkapan	***Status pemilikan Unit Rumah***	
	Beli	***Sewa***
Pendingin Udara	**98.0%**	96.8%
Peti Sejuk	**19.5%**	16.7%
Pncur Air Panas	**96.6%**	92.4%
Mesin Basuh	79.4%	80.6%
TV Flat Screen	79.4%	80.6%
Kemudahan Internet	**19.1%**	17.2%
Motokar	82.8%	64.4%
Motosikal	81.5%	63.5%

Penilaian Masalah Kerosakan

Penilaian kerosakan dibuat bertujuan mendapatkan maklumat berkenaan keadaan pembaikan elemen-elemen penting di dalam unit kediaman. Atas faktor teknikal dan tahap pengetahuan responden, elemen-elemen unit kediaman yang dikenalpasti dinyatakan dalam bentuk paling mudah difahami seperti dinding, siling, lantai, sistem paip air dan bekalan eletrik sahaja. Responden hanya perlu memilih samada elemen-elemen yang dinyatakan dalam keadaan baik atau sebaliknya.

Secara keseluruhannya, skor bagi tiada kerosakan bagi kesemua elemen-elemen adalah tinggi. Ini bermaksud, responden tiada mengalami kerosakan serius ke atas elemen-elemen di dalam unit kediaman. Pecahan skor bagi tiada kerosakan mengikut jenis kediaman adalah seperti di jadual 4.21.

Jadual 4.21: Skor Tiada Kerosakan mengikut Kediaman

Jenis Kerosakan	***Kediaman Bertanah (%)***	***Kediaman Tinggi (%)***	***Kediaman Walk up (%)***	***SKOR KESELURUHAN***
Lantai	90.9	87.7	85.3	**87.6**
Dinding	81.8	81.9	80.8	**81.5**
Siling	82.2	85.2	83.1	**84.0**
Sistem Perpaipan	85.5	72.5	80.9	**77.4**
Sistem Pendawaian Elektrik	94.1	91.5	93.2	**92.5**

Walaupun demikian, skor bagi elemen perpaipan air adalah relatif rendah berkemungkinan dari perkaitan yang rapat antara elemen tersebut dengan bekalan air yang diterima responden. Bekalan air terutama di kediaman jenis tinggi sering mengalami putus bekalan dan ini mempengaruhi dapatan untuk elemen ini. Analsis mengikut negeri, skor yang relatif rendah bagi sistem perpaipan diperolehi di WP Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Sabah, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor (Jadual 4.22).

Kerosakan elemen-elemen seperti dinding dan siling pula sering berlaku di kediaman bertanah bertanah.

Jadual 4.22: Skor Tiada Kerosakan Mengikut Negeri

Negeri	*Lantai*	*Dinding*	*Siling*	*Sistem Perpaipan*	*Sistem Pendawaian Elektrik*
Perak	92.0	79.3	86.7	82.7	91.4
Selangor	87.2	79.2	86.9	78.6	90.7
Pahang	91.1	81.1	83.5	85.2	94.0
Johor	82.7	77.0	84.1	79.8	91.0
Kedah	98.7	85.3	90.4	82.7	94.9
Melaka	88.9	88.9	94.4	88.9	90.7
Negeri Sembilan	91.9	88.0	79.0	79.0	93.0
Pulau Pinang	86.2	87.7	80.8	76.2	96.2
Perlis	92.9	89.3	67.9	88.6	96.4
Sabah	80.3	78.6	77.5	77.3	94.1
Terengganu	97.6	95.9	98.6	85.9	97.9
WP Kuala Lumpur	87.1	81.4	84.3	69.7	90.8
SKOR	**87.6**	**81.5**	**84.0**	**77.4**	**92.5**

Perbandingan juga dibuat bagi mengenalpasti jika terdapat perbezaan skor kerosakan elemen kediaman berdasarkan kepada jenis pemilikan. Jadual 4.23 merumuskan skor tiada kerosakan oleh pemilik adalah lebih tinggi dari penyewa. Ini bermaksud pemilik kediaman lebih mementingkan aspek penyelenggaraan berbanding penyewa ke atas unit kediaman masing-masing.

Jadual 4.23: Kerosakan mengikut status pemilikan rumah

Tiada Kerosakan	**Status pemilikan Unit Rumah**	
	Beli	**Sewa**
Lantai	90.4%	86.8%
Dinding	83.2%	81.1%
Siling	85.4%	83.6%
Sistem Perpaipan	80.7%	76.5%
Sistem Pendawaian Letrik	93.6%	92.2%

Penilaian Kemudahan Sokongan

Banyak kemudahan sokongan yang secara langsung dan tidak langsung memberi impak kepada tahap kesejahteraan penduduk atau penghuni sesebuah kawasan perumahan. Kemudahan-kemudahan ini juga merupakan faktor penting sebagai prasyarat kepada keputusan untuk tinggal di sesebuah lokaliti. Kemudahan sokongan ini merangkumi kemudahan yang disediakan oleh pemaju (di kawasan PPR tersebut) atau kemudahan yang disediakan oleh agensi-agensi lain di lingkungan kawasan perumahan PPR, yang mana penduduk PPR boleh mendapat manfaat secara langsung. Jadual 4.24 di bawah menunjukkan penilaian terhadap skor kemudahan mengikut jenis kediaman.

Jadual 4.24: Skor Kemudahan Mengikut Jenis kediaman

Kemudahan		***SKOR***		
	Kediaman Bertanah	***Kediaman Tinggi***	***Kediaman Walk Up***	***Skor Keseluruhan***
Kemudahan Kesihatan dan Kecemasan	85.0	91.5	94.0	**94.0**
Kemudahan Pengangkutan Awam	64.6	96.1	91.4	**80.9**
Kemudahan Beribadah	94.7	92.6	96.2	**94.1**
Kemudahan Rekreasi dan Riadah	82.6	89.1	92.4	**89.0**
Kemudahan Sekolah	85.1	88.7	90.3	**88.5**
Kemudahan Kedai dan ATM	71.5	87.0	81.6	**82.5**
Kemudahan Asuhan Kanak-kanak	76.0	82.5	76.2	**78.9**
Kemudahan Bantuan Orang Tua dan OKU	60.9	76.1	63.8	**69.6**
Kemudahan Dewan Serbaguna	60.5	86.4	77.4	**78.8**
Mudah ke tempat Kerja	85.2	87.2	91.3	**88.1**

Komuniti PPR berada di dalam situasi yang baik memandangkan kepada banyak kemudahan sokongan yang disediakan oleh kerajaan kepada mereka. Oleh itu, skor yang tinggi bagi penilaian kemudahan sokongan adalah intipati penghargaan mereka terhadap apa yang telah disediakan oleh kerajaan. Hampir kesemua kemudahan sokongan yang diperlukan oleh sesebuah kawasan perumahan terdapat di PPR. Ini jauh berbeza dengan program perumahan kos rendah yang lain dan mampu memberi impak yang besar ke atas aspek fizikal dan mental terhadap komuniti PPR.

Mengikut keutamaan, kemudahan ibadah merupakan kemudahan yang dapat memenuhi keperluan kejiranan (pangkat 1) diikuti oleh kemudahan kesihatan dan kecemasan (pangkat 2), kemudahan riadah (pangkat 3) dan kemudahan sekolah (pangkat 4).

Bagi keperluan kejiranan berdasarkan jenis rumah pula, kajian mendapati bahawa tahap kepuasan bagi mereka yang mendiami kediaman bertanah adalah sederhana dari segi penyediaan tiga jenis kemudahan iaitu, kemudahan dewan sebaguna (Skor 60.5), kemudahan bantuan orang tua dan OKU (Skor 60.9) dan kemudahan pengangkutan awam (Skor 64.6).

Kemudahan bantuan orang tua dan OKU juga adalah paling rendah terutama bagi mereka yang tinggal di kediaman jenis *Walk Up*. Kemudahan dewan serbaguna dan kemudahan asuhan kanak-kanak juga didapati kurang di kediaman jenis *Walk Up*.

Dari segi status pemilikan, skor yang rendah didapati di bawah kategori kediaman yang dibeli dan sebahagian besar kediaman ini adalah dari jenis bertanah. Kemudahan kejiranan yang dikenalpasti mempunyai skor yang rendah adalah kemudahan pengangkutan awam, kedai, bantuan orang tua dan OKU dan dewan serbaguna. Kebanyakan kediaman jenis bertanah tidak disediakan kemudahan seperti yang terdapat di kediaman jenis tinggi dan *walk up*. Faktor lokasi yang berasingan dan agak terpencil juga mempengaruhi skor kemudahan kejiranan ini dalam aspek pengangkutan awan dan kedai.

Jadual 4.25: Kemudahan mengikut status pemilikan rumah

Kemudahan Fizikal	***Status pemilikan Unit Rumah***	
	Beli	***Sewa***
Kemudahan Kesihatan dan Kecemasan	84.7%	92.6%
Kemudahan Pengangkutan Awam	65.0%	84.6%
Kemudahan Beribadah	93.8%	94.1%
Kemudahan Rekreasi dan Riadah	83.5%	90.2%
Kemudahan Sekolah	84.3%	89.5%
Kemudahan Kedai dan ATM	71.3%	85.1%
Kemudahan Asuhan Kanak kanak	74.1%	80.0%
Kemudahan Bantuan Orang Tua dan OKU	60.1%	71.8%
Kemudahan Dewan Serbaguna	63.1%	82.5%
Mudah Ke Tempat Kerja	84.1%	89.0%

Keselamatan Awam kawasan kejiranan

Keselamatan awam dan kebersihan kejiranan adalah faktor sokongan yang berbentuk kualitatif yang mempengaruhi kesejahteraan penduduk secara langsung atau tidak langsung. Oleh yang demikian pengurusan keselamatan perlu efisien, kolektif dan proaktif supaya kesejahteraan penduduk dilestarikan. Kajian mendapati skor kedua-dua aspek keselamatan dan kebersihan adalah amat baik seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.26.

Jadual 4.26: Penilaian terhadap Keselamatan Awam dan Kebersihan Kejiranan

Penilaian	***Keselamatan Awam***	***Kebersihan Kejiranan***
Sangat Tidak Setuju	3.9	4.6
Tidak Setuju	12.4	11.4
Setuju	54.2	56.1
Sangat Setuju	29.4	27.9
SKOR	**83.6**	**84.0**

Kajian juga mendapati bahawa dari aspek keselamatan awam bagi penghuni rumah kediaman bertanah adalah tinggi. Ini bermakna mereka yang tinggal di rumah jenis ini merasa lebih selesa terhadap keselamatan awam di kawasan kejiranan mereka.

Tahap keselamatan kejiranan bagi jenis kediaman *Walk-Up* juga adalah baik dan antara faktor penyumbang kepada keadaan ini adalah kepadatan penduduk yang sederhana serta rekabentuk bangunan yang membolehkan penduduk sering berinteraksi.

Berbeza dengan mereka yang mendiami rumah kediaman Tinggi pula memberikan skor yang relatif rendah. Kepadatan penduduk boleh memberi kesan sampingan seperti vandalisma dan kerosakan kepada sistem perkhidmatan bangunan terutamanya lif.

Kebersihan di kawasan kejiranan

Tahap kebersihan di kawasan kejiranan diukur untuk mendapatkan pandangan tentang tahap kebersihan di kejiranan PPR. Secara keseluruhannya, responden berpuashati dengan memberikan skor **84.0**, tetapi skor yang rendah telah diberikan oleh responden di kediaman jenis tinggi.

Bagi responden yang membeli rumah, mereka memberikan respon **berpuas hati dan amat berpuas hati** ke atas keselamatan awam dan kebersihan di kawasan kejiranan mereka. Skor yang agak tinggi diberikan pemilik rumah berbanding dengan penyewa rumah. Perbezaan ini mungkin di sebabkan oleh kepadatan penduduk di kawasan PPR yang disewa seperti mana telah dijelaskan di atas.

Jadual 4.27: Tahap kepuasan mengikut status pemilikan rumah

Berpuashati berkaiatan dengan	**Status pemilikan Unit Rumah**	
	Beli	***Sewa***
Keselamatan Awam	90.7%	82.5%
Kebersihan	91.4%	82.4%

Aktiviti Sosial Kejiranan

Selain masalah keselamatan dan kebersihan yang merupakan pengukuran kepada tahap kepuasan kejiranan, keterlibatan penduduk dalam aktiviti sosial boleh dijadikan ukuran kepada semangat kejiranan.

Jadual 4.28: Tahap Kepuasan Aktiviti Sosial Kejiranan

	SKOR			
Tahap kepuasan terhadap:	**Kediaman Bertanah**	**Kediaman Tinggi**	**Kediaman Walk up**	**SKOR KESELURUHAN**
Pelaksanaan Aktiviti Sosial	89.8%	87.7%	89.7%	**88.7%**
Semangat Kejiranan di Kalangan Penduduk	95.8%	91.6%	92.2%	**92.5%**

Hasil soal selidik mendapati bahawa responden berpuas hati terhadap semangat kejiranan dengan skor **92.5**. Skor yang tinggi juga diberikan kepada semangat keterlibatan penduduk di dalam pelaksanaan aktiviti sosial yang dianjurkan dari masa ke semasa dengan skor **88.7**.

Sekiranya kedua-dua aktiviti ini diukur mengikut jenis kediaman, didapati bahawa responden di kediaman Tinggi memberikan skor yang relatif rendah **87.7** berbanding dengan **88.7** skor keseluruhan bagi keterlibatan di dalam pelaksanaan aktiviti sosial. Begitu juga mereka memberikan Skor **91.6** berbanding dengan **92.5** skor keseluruhan untuk semangat kejiranan. Faktor kepadatan penduduk mungkin menjadi pendorong kepada perbezaan skor tersebut.

Selari dengan persepsi yang diberikan oleh responden dari ketiga-tiga jenis kediaman tadi, terhadap aktiviti sosial dan semangat kejiranan yang diberikan di kalangan penduduk mengikut status pemilikan juga tinggi melebihi paras 88 peratus seperti di jadual 4.29.

Jadual 4.29: Tahap kepuasan mengikut status pemilikan rumah

Berpuashati	**Status pemilikan Unit Rumah**	
	Beli	***Sewa***
Aktiviti Sosial	91.1%	88.2%
Semangat Kejiranan	95.7%	91.8%

Jadual 4.30: Tahap Kepuasan Ciri-ciri Komuniti

Tahap kepuasan terhadap ciri-ciri Komuniti	*SKOR*			**SKOR KESELURUHAN**
	Kediaman Bertanah	**Kediaman Tinggi**	**Kediaman Walk Up**	
Penduduk Mempunyai Semangat Kerjasama	95.8%	91.9%	92.4%	**92.8%**
Penduduk Mempunyai Semangat Bersatupadu	95.9%	91.7%	85.7%	**90.6%**

Jadual 4.30 menunjukkan skor bagi tahap kepuasan terhadap ciri-ciri komuniti PPR di tempat responden tinggal. Ciri-ciri komuniti ini boleh memberi impak kepada komuniti samada secara positif atau negatif untuk jangka panjang tentang kesejahteraan komuniti itu.

Secara keseluruhan, responden memberikan skor yang tinggi kepada kedua-dua ciri iaitu **92.8** bagi semangat kerjasama dan **90.0** kepada semangat bersatu padu. Walau bagaimanapun, terdapat ruang untuk penambah baikan untuk meningkatkan lagi semangat kerjasama dan semangat bersatu padu bagi penduduk yang tinggal di kediaman jenis Tinggi dan *Walk Up*.

Senario yang sama dari ciri-ciri komuniti ini jika diukur dari segi status pemilikan dengan skor yang tinggi.

Jadual 4.31: Semangat komuniti mengikut status pemilikan rumah

Semangat Komuniti	***Status pemilikan Unit Rumah***	
	Beli	***Sewa***
Semangat Kerjasama	96.2%	91.9%
Semangat Bersatu Padu	96.0%	89.3%

Kajian ini mengemukakan soalan-soalan dan kenyataan-kenyataan yang berbentuk negative. Kenyataan-kenyataan ini adalah seperti **“Adakah anda Setuju bahawa penduduk dikomuniti ini TIDAK menjaga kebersihan?”** dan **“Adakah anda setuju bahawa penduduk TIDAK bertegur sapa?”.** Sekiranya jawapan yang diberikan adalah **SETUJU dan AMAT SETUJU**, ini memberi maksud bahawa responden telah **bersetuju dan amat setuju** ke atas soalan atau kenyataan yang dikemukakan. Semakin rendah skor yang diberikan memberi maksud bahawa penduduk amat menjaga kebersihan dan amat bertegur sapa.

Jadual 4.32: Tahap Kepuasan Ciri-ciri Komuniti

Tahap ketidak puasan terhadap ciri-ciri Komuniti	*SKOR*			**SKOR KESELURUHAN (%)**
	Kediaman Bertanah (%)	**Kediaman Tinggi (%)**	**Kediaman *Walk Up* *(%)***	
Penduduk Tidak Menjaga Kebersihan	17.5	41.2	32.3	**34.2**
PendudukTidak Suka Bertegur sapa	17.1	29.2	26.7	**26.2**

Jadual 4.32 menunjukkan skor responden yang tidak menyokong kenyataan yang diberikan. Sebahagian besar responden tidak bersetuju jika dikatakan penduduk tidak menjaga kebersihan dan juga tidak bertegur sapa.

Jadual 4.33: Tahap Kepuasan Ciri-ciri Komuniti

Tahap kepuasan terhadap ciri-ciri Komuniti	*SKOR*			**SKOR KESELURUHAN**
	Kediaman Bertanah (%)	**Kediaman Tinggi (%)**	**Kediaman *Walk Up* *(%)***	
Penduduk Tidak Menjaga Kebersihan	82.5	58.8	67.7	**65.8**
PendudukTidak Suka Bertegur sapa	82.9	70.8	73.3	**73.8**

Mengikut jenis kediaman pula, persepsi yang rendah telah diberikan oleh responden yang bersetuju dengan kenyataan itu. Seperti paparan jadual 4.34 pula, dapatan yang hampir sama dari segi persepsi mereka yang membeli dan menyewa unit kediaman dengan tidak menampakkan perbezaan yang ketara, sama seperti mengikut jenis kedaiman.

Sebaliknya, sekiranya jawapan yang diberikan ialah **AMAT TIDAK SETUJU** dan **TIDAK SETUJU**, maka hasil soal selidik tersebut adalah seperti tertera di dalam jadual 4.34 menikut status pemilikan.

Jadual 4.34: Semangat komuniti mengikut status pemilikan rumah

Semangat Komuniti	***Status pemilikan Unit Rumah***	
	Beli	***Sewa***
Tidak Menjaga Kebersihan	**26.1%**	**36.4%**
Tidak Bertegur sapa	**23.2%**	**27.1%**

Dari dapatan ini, beberapa langkah yang konstruktif perlu diadakan agar persepsi tersebut dapat ditingkatkan dan keharmonian komuniti dapat dipelihara.

Penilaian Keyakinan

Kesejahteraan adalah terdiri daripada peluang untuk membeli rumah, kompeten atau berkeupayaan, kepunyaan dan keyakinan. Sebahagian daripada kriteria, terutama kriteria kompeten dan keupayaan/kebanggaan telah diterangkan dengan jelas bersama dengan kriteria yang lain secara langsung atau tidak langsung.

Keyakinan merupakan ciri penting bagi ketua isi rumah atau isi rumah memilih untuk tinggal di kawasan perumahan PPR berbanding menyewa rumah, berkongsi rumah bersama kawan/ teman, mendiami rumah setinggan dan lain-lain. Keyakinan bermaksud ketua isi rumah/ isi rumah mempunyai keyakinan yang tinggi dan berterusan untuk meneruskan penghidupan di PPR dengan membuat penilaian terhadap kelebihan dan kekurangan dalam kehidupan mereka sebelum dan selepas mendiami PPR.

Jadual 4.35 menyenaraikan situasi yang berkemungkinan dialami oleh responden selepas tinggal di PPR. Responden boleh memilih satu atau lebih situasi tentang kelebihan tinggal di PPR.

Jadual 4.35: Kelebihan Tinggal di PPR

Kelebihan tinggal di rumah PPR	***Pangkat***
Rasa lebih tenteram	1
Rasa lebih berupaya menjalani kehidupan harian	2
Rasa sebahagian dari masyarakat setempat	3
Rasa berupaya memperbaiki situasi kerja	6
Berupaya mengurus sewaan/kewangan dengan lebih baik	4
Mempunyai akses kepada perkhidmatan yang lebih baik	5
Tiada Apa-apa Kelebihan	7

Menikut senarai keutamaan, ketenteraman untuk menjalani kehidupan harian adalah situasi utama yang dialami oleh penghuni PPR. Dengan ketenteraman yang dinikmati, mereka mampu untuk menjalani kehidupan harian dengan lebih selesa dan memberi tumpuan terhadap aktiviti harian dan sumber kewangan dengan lebih terurus. Mereka merasakan kenteraman merupakan satu aspek penggerak untuk mereka memperbaiki kualiti hidup diri dan keluarga secara keseluruhan.

Pelaksanaan Inisiatif Perumahan Kerajaan

Bagi mengetahui inisiatif responden dalam meningkatkan kualiti kehidupan melalui pemilikan rumah yang lain, responden diajukan soalan tentang kesedaran pelaksanaan inisiatif perumahan kerajaan seperti MyHome, MyDeposit, Rumah Transit 1 Malaysia (RT1M), Skim Pinjaman Perumahan Jabatan Perumahan Negara dan Projek Perumahan Awam 1 Malaysia (PPA1M). Dapatan daripada soal selidik adalah seperti di jadual 4.36.

Jadual 4.36: Tahap Kesedaran terhadap Inisiatif Perumahan Kerajaan

Jenis Pelaksanaan	***Peratus Kesedaran***
MyHome	16.6
My Deposit	15.2
Rumah Transit 1 Malaysia	30.2
SKP Jabatan Perumahan Negara	28.3
Projek Perumahan Awam 1 Malaysia	38.1

Secara keseluruhannya, kesedaran tentang pelaksanaan inisiatif perumahan kerajaan amat mendukacitakan kerana kesedaran mereka amat rendah. Ini mungkin disebabkan oleh dua faktor iaitu pertama, tiada inisiatif responden untuk mengetahui peluang perumahan selain PPR yang disediakan oleh kerajaan dan kedua, kurangnya promosi dari pihak kerajaan sendiri kepada penduduk PPR yang juga merupakan golongan sasar.

Pendidikan

Pendidikan dan tahap pendidikan penting bagi seseorang individu dan sesebuah keluarga. Ia merupakan satu kaedah yang berkesan kepada proses transformasi meningkatkan ekonomi sesebuah keluarga.

Atas kepentingan aspek ini, kajian ini membuat soal selidik untuk mendapatkan maklumat tentang tahap pendidikan isi rumah PPR. Tahap pendidikan diklasifikasikan kepada pendidikan sepenuh masa dan separuh masa. Peringkat pendidikan pula dibahagikan kepada peringkat sekolah rendah, menengah, dan pengajian tinggi (IPT). Tujuan maklumat ini adalah untuk melihat struktur isi rumah PPR sedia ada dari aspek pendidikan generasi kedua dan seterusnya menjadi ukuran tahap kebergantungan (dependency) sesebuah isi rumah kepada PPR dalam jangka masa panjang.

Rumusan yang boleh dibuat ialah 91 peratus isi rumah di dalam lingkungan umur 7 hingga 20 tahun yang tinggal di PPR sedang menerima pendidikan formal di sekolah rendah dan menengah. Namun, hanya 18 peratus sahaja isi rumah dalam lingkungan umur 21 hingga 40 tahun sedang mengikuti pendidikan formal atau tidak formal di IPT.

Berdasarkan maklumat ini penduduk PPR merupakan salah satu sumber tenaga manusia yang baik. Peluang pendidikan dan latihan di dalam bidang-bidang yang berasaskan keusahawanan dan kemahiran perlu diberikan kepada mereka yang berumur 21 hingga 40 tahun yang tidak mengikuti pengajian di IPT.

4.5 Analisis Indikator Dapatan Soal selidik Ke Atas Kediaman PPR

4.5.1 Pengenalan

Bahagian ini melaporkan hasil kajiselidik untuk menilai unit-unit kediaman di Projek Perumahan Rakyat (PPR) di dalam aspek-aspek berikut:

i) Penilaian mengenai rumah yang didiami di dalam aspek-aspek tertentu;

ii) Tahap kelengkapan yang dimiliki oleh isi rumah;

iii) Masalah/kerosakan rumah; dan

iv) Ciri kejiranan/persekitaran perumahan.

Metrik yang digunapakai untuk analisis ialah peratus responden yang menyatakan “setuju” atau “amat setuju” bagi soalan-soalan yang respons masing-masing menggunakan skala “amat tak setuju”, “tak setuju”, “setuju” dan “amat setuju”. Bagi soalan-soalan yang respons masing-masing menggunakan skala “Ya” dan “Tidak” atau “Ada” dan “Tiada” metrik yang digunapakai ialah peratus “Ya” dan peratus “Ada”.



Rajah 4.5: Taburan Jumlah Responden Mengikut Negeri

Sejumlah 6,487 responden yang terdiri dari ketua isirumah atau wakil telah ditemuduga di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta sebelas (11) negeri melalui kaedah temuduga berdepan dengan menggunakan satu set borang

soal selidik. Taburan jumlah responden mengikut negeri dipamerkan sebagai Rajah 4.5.

4.5.2 Penilaian Perumahan: (A) Penilaian Rumah, (B) Penilaian Persekitaran dan Kejiranan, (C) Persepsi Kelebihan PPR, (D) Kepekaan/Kesedaran Mengenai Initiatif Perumahan Rakyat Kerajaan

Penilaian Rumah

Penilaian rumah menggunakan respons kepada soalan-soalan yang mengukur persepsi berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

i) tahap kualiti kerja-kerja penyelenggaraan blok;

ii) sama ada yuran penyelenggaraan blok berpatutan atau tidak;

iii) kepuasan yang berkaitan dengan pengurusan perkhidmatan dan bekalan yang merangkumi bekalan air paip, elektrik, pengurusan lif bagi rumah-rumah jenis tinggi (*high rise*), pembentungan dan kumbahan, perkhidmatan sampah serta, kualiti respons terhadap aduan-aduan;

iv) sama ada penduduk membayar sewa dan caj perkhidmatan tepat pada waktu yang ditetapkan;

v) sama ada rumah memadai untuk kehidupan penghuni dari segi saiz rumah, bilangan bilik, kemudahan parkir, keselamatan dan "*privacy*";

vi) sama ada rumah yang didiami memenuhi keperluan penghuni bagi kemudahan-kemudahan yang merangkumi bekalan air, bekalan elektrik, kemudahan telefon, pembentungan dan kumbahan serta pungutan sampah;

vii) pemilikan kelengkapan rumah yang merangkumi pendingin udara, peti sejuk, *hot shower*, mesin basuh, TV (*flat screen*), kemudahan internet, motokar dan motosikal; dan

viii) sama ada wujud kerosakan di bahagian-bahagian tertentu rumah. Ini merangkumi lantai, dinding, siling, sistem perpaipan dan sistem pendawaian elektrik.

Penilaian Persekitaran dan Kejiranan

Penilaian persekitaran kejiranan menggunakan respons kepada soalan-soalan yang mengukur tahap berpuas hati dengan persekitaran perumahan (lokasi/kawasan) yang berkaitan dengan kemudahan-kemudahan berikut:

i) kesihatan dan kecemasan;
ii) pengangkutan awam;
iii) kemudahan ibadah;
iv) rekreasi dan riadah;
v) sekolah;
vi) kedai dan ATM;
vii) kemudahan asuhan kanak-kanak;
viii) kemudahan bantuan orang tua dan OKU;
ix) dewan serbaguna; dan
x) kemudahan pengangkutan dan perjalanan (*route*) ke tempat kerja.

Penilaian kawasan kejiranan (*neighbourhood*) menggunakan respons kepada soalan-soalan yang mengukur tahap berpuas hati dengan faktor-faktor kejiranan berikut:

i) keselamatan awam;
ii) kebersihan;
iii) kemeriahan aktiviti sosial; dan
iv) kewujudan semangat kejiranan.

Penilaian ciri komuniti kejiranan (*neighbourhood*) menggunakan respons kepada soalan-soalan yang mengukur kewujudan ciri-ciri berikut di dalam komuniti:

i) semangat kerjasama;
ii) semangat bersatu padu;
iii) sifat menjaga kebersihan; dan
iv) sifat suka bertegur sapa.

Penilaian Persepsi Kelebihan PPR

Penilaian persepsi kelebihan Program Perumahan Rakyat menggunakan respons kepada soalan-soalan yang mengukur perasaan mengenai kelebihan PPR di kalangan responden. Kelebihan tinggal di PPR yang disenaraikan adalah:

i) perasaan lebih tenteram;
ii) perasaan lebih berupaya menjalani kehidupan harian;
iii) perasaan sebagai sebahagian dari masyarakat setempat;
iv) perasaan berupaya memperbaiki situasi kerja;
v) perasaan berupaya mengurus sewaan/kewangan dengan lebih baik;
vi) perasaan mempunyai akses kepada perkhidmatan yang lebih baik; dan
vii) lain-lain perasaan.

Responden juga ditanya sama ada mereka ada perasaan bahawa PPR tidak memberi apa-apa kelebihan kepada mereka.

Kepekaan/Kesedaran Initiatif Perumahan Rakyat Kerajaan

Penilaian kepekaan dan kesedaran mengenai initiatif kerajaan bagi menangani perumahan rakyat menggunakan respons kepada soalan-soalan yang menanyakan sama ada responden mengetahui akan kewujudah initiatif-initiatif berikut:

i) MyHome;
ii) MyDeposit;
iii) Rumah Transit 1 Malaysia;
iv) Skim Pinjaman Perumahan Jabatan Perumahan Negara; dan
v) Projek Perumahan Awam 1 Malaysia (PPA1M).

4.5.2.1Penilaian Rumah

Penyelenggaraan Perumahan

Keseluruhannya, kadar responden yang bersetuju[3] bahawa perumahan mereka telah diselenggarakan dengan memuaskan dalam 12 bulan kebelakangan adalah 83.1%. Ini bermakna bahawa 83.1% daripada 6,487 ketua isirumah yang memberi respons kepada soalan ini bersetuju bahawa blok masing-masing telah diselenggarakan dengan memuaskan. Kadar persetujuan bahawa penyelenggaraan memuaskan bagi setiap daripada sebelas (11) negeri yang dilibatkan serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di dalam kajian ini dipamerkan sebagai Rajah 4.6.



Rajah 4.6: Indikator Penyelenggaraan Memuaskan Mengikut Negeri

Kecuali di Selangor, Melaka dan Kuala Lumpur, majoriti responden bersetuju bahawa perumahan mereka telah diselenggarakan dengan baik dengan peratus yang melebihi 80.0%. Perbandingan mengikut jenis rumah menunjukkan bahawa persepsi responden di rumah-rumah bertanah dan rumah-rumah pangsa jenis *walk-up* bahawa rumah mereka diselenggara dengan baik adalah lebih tinggi berbanding responden di kediaman tinggi.

[3] Kadar "setuju" yang digunapakai di dalam analisis ini merangkumi jumlah responden yang yang memberi respons "setuju" atau "sangat setuju".

Dengan menggunakan kadar-kadar ini sebagai indikator bagi tahap penyelenggaraan adalah dirumuskan bahawa secara amnya, dalam persepsi penghuni, perumahan PPR telah diselenggarakan dengan baik.



Rajah 4.7: Indikator Penyelenggaraan Memuaskan Mengikut Jenis Rumah

Yuran Penyelenggaraan

Indikator yang digunakan bagi mengukur sama ada yuran penyelenggaraan yang dikenakan adalah berpatutan ialah kadar (peratus) respons kepada soalan sama ada yuran yang dikenakan adalah berpatutan. Pada keseluruhannya, kadar yang berkaitan ialah 91.2%. Dengan menggunakan kadar-kadar ini sebagai indikator bagi tahap penyelenggaraan bolehlah dirumuskan bahawa secara amnya responden-responden yang menjadi wakil-wakil penduduk bersetuju bahawa yuran penyelenggaraan adalah berpatutan. Nilai indikator mengikut negeri dan jenis perumahan dipamerkan sebagai Rajah 4.8 dan Rajah 4.9.



Rajah 4.8: Indikator Yuran Penyelenggaraan Berpatutan Mengikut Negeri



Rajah 4.9: Indikator Yuran Penyelenggaraan Berpatutan Mengikut Jenis Perumahan

Kecuali di Selangor, majoriti responden bersetuju bahawa yuran selenggaraan yang mereka bayar berpatutan dengan peratus yang melebihi 80.0%. Perbandingan mengikut jenis perumahan menunjukkan bahawa persepsi responden di semua jenis perumahan adalah melebihi 90.0%. Dengan menggunakan kadar-kadar ini sebagai indikator bagi yuran penyelenggaraan adalah dirumuskan bahawa secara amnya, dalam persepsi penghuni, yuran penyelenggaraan yang dikenakan di perumahan PPR adalah berpatutan.

Pengurusan Perkhidmatan & Bekalan

Indikator yang mengukur kepuasan di dalam aspek-aspek pengurusan perkhidmatan dan bekalan dibina dengan mengkompositkan peratus yang terbit dari respons "setuju" dan "amat setuju" kepada enam (6) kenyataan positif yang, masing-masing, berkaitan dengan pengurusan bekalan air, elektrik, pengurusan lif, pembentungan dan kumbahan, pungutan sampah serta kepantasan respons kepada aduan.



Rajah 4.10: Nilai-Nilai Indikator Pengurusan Perkhidmatan & Bekalan Mengikut Negeri

Keseluruhannya, peratus komposit yang berkaitan ialah 77.7%. Ini bermakna bahawa secara puratanya 77.7% daripada keseluruhan ketua isi rumah yang memberi respons “setuju” dan “amat setuju”. Kadar ini digunakan sebagai indikator yang berkaitan. Indikator mengikut negeri dan jenis perumahan dipamerkan sebagai Rajah 4.10.



Rajah 4.11 Nilai-Nilai Indikator Pengurusan Perkhidmatan & Bekalan Mengikut Jenis Perumahan

Satu fenomena yang agak ketara di dalam hasil soal selidik ini ialah nilai-nilai yang rendah bagi peratus responden yang menyatakan perkhidmatan pengurusan lif adalah memuaskan. Peratus yang kurang daripada 40% dicatatkan di semua negeri. Peratus-peratus bagi negeri-negeri dipamerkan sebagai Rajah 4.12 manakala peratus mengikut jenis perumahan dipamerkan sebagai Jadual 4.13.



Rajah 4.12 Nilai-Nilai Indikator Pengurusan Lif Mengikut Negeri

Rajah 4.13 Nilai-Nilai Indikator Pengurusan Lif Mengikut Jenis Perumahan[4]

[4] Lift tidak dipasang di bangunan –bangunan bertanah dan *walkup flats*.

Ketepatan Masa Dalam Membuat Caj Perkhidmatan dan Sewa

Sebahagian besar responden mendakwa bahawa mereka membayar caj penyelenggaraan atau sewaan untuk rumah yang diduduki tepat pada masanya. Ini dapat dilihat daripada kadar yang memberi respons positif kepada soalan yang berkaitan adalah tinggi di setiap negeri, iaitu melebihi 0.80 (lihat Rajah 4.14).



Rajah 4.14 Peratus Responden Yang Mengaku Membayar Tepat Pada Waktu Mengikut Negeri

Kecuali di Melaka dan Sabah, peratus responden yang mengaku bahawa mereka membayar sewa dan caj penyelenggaraan bertepatan dengan waktu yang ditetapkan melebihi 80.0%. Di Melaka, peratus berkenaan ialah 59.6%. Angka ini mungkin lebih menggambarkan realiti berbanding di negeri-negeri lain. Peratus di Sabah ialah 79.7%, tidak jauh berbeza daripada negeri-negeri selain Melaka. Perbandingan mengikut jenis perumahan menunjukkan bahawa peratus berkenaan adalah melebihi 87.0% di semua jenis perumahan.

Dengan menggunakan kadar-kadar ini sebagai indikator bagi ketepatan waktu dalam pembayaran caj penyelenggaraan dan sewaan adalah dirumuskan bahawa secara amnya, berdasarkan kepada pengakuan penduduk, sebahagian besar penduduk PPR membayar tepat pada waktunya. Walau

bagaimanapun, pengakuan ini perlu disemak melalui perbandingan dengan fakta sebenar yang diperolehi daripada pihak-pihak yang mengendalikan kutipan.



Rajah 4.15 Peratus Responden Yang Mengaku Membayar Tepat Pada Waktu Mengikut Jenis Perumahan

Sama Ada Rumah Yang Didiami ”Memadai” Untuk Keperluan Penghuni Di Dalam Aspek Saiz Rumah, Bilangan Bilik, Keselamatan, Kemudahan Parkir & “Privacy”

Indikator yang mengukur sama ada rumah yang didiami ”memadai” untuk keperluan penghuni dari aspek saiz rumah, bilangan bilik, keselamatan, kemudahan parkir & “privacy” dibina dengan mengkompositkan peratus-peratus yang terbit dari respons positif kepada lima (5) kenyataan positif yang berkaitan dengan aspek-aspek di atas.

Pada keseluruhannya, peratus komposit yang berkaitan dengan penilaian berkaitan ialah 85.4%. Ini bermakna bahawa secara amnya 85.4% daripada keseluruhan responden menyatakan setuju atau amat setuju bahawa rumah yang mereka huni “memadai” untuk kehidupan penghuni dalam lima (5) aspek yang disebutkan di atas. Kadar ini digunakan sebagai indikator yang

berkaitan. Indikator untuk setiap daripada sepuluh (11) negeri berserta Kuala Lumpur dipamerkan sebagai Rajah 4.16. Perlu diambil maklum bahawa nilai indikator bagi Kuala Lumpur adalah rendah berbanding negeri-negeri.

Kecuali di Kedah dan Kuala Lumpur, nilai indikator petunjuk bahawa rumah yang didiami memadai untuk penghuni melebihi 81.0%. Di Kuala Lumpur nilai indikator berkenaan ialah 76.2%. Nilai bagi Melaka ialah 79.7%. Perbandingan nilai indikator mengikut jenis kediaman menunjukkan nilai melebihi 85.0% bagi kediaman bertanah dan kediaman tinggi. Kediaman jenis "*walk-up*" mencatatkan nilai 79.2% bagi indikator berkenaan.



Rajah 4.16 Indikator Yang Memberi Petunjuk Bahawa Rumah Yang Didiami "Memadai" Untuk Penghuni Mengikut Negeri

Sama Ada Rumah Yang Didiami Memenuhi Keperluan Keluarga Dalam Aspek Bekalan Air, Elektrik, Telefon, Pembentungan & Kumbahan serta Kutipan Sampah.

Indikator yang mengukur sama ada rumah yang didiami memenuhi keperluan penghuni dalam lima (5) aspek yang dipilih dibina dengan mengkompositkan peratus yang terbit dari respons positif kepada lima (5) kenyataan positif yang berkaitan dengan aspek-aspek yang berkaitan.



Rajah 4.17 Indikator Yang Memberi Petunjuk Bahawa Rumah Yang Didiami "Memadai" Untuk Penghuni Mengikut Jenis Perumahan

Pada keseluruhannya, kadar komposit yang berkaitan dengan penilaian ini ialah 90.5%. Ini bermakna bahawa secara puratanya 90.5% daripada semua ketua isirumah (atau wakil) yang ditemuduga memberi respons positif yang tinggi kepada soalan-soalan sama ada rumah yang didiami memenuhi keperluan penghuni dari lima aspek yang disebutkan di atas. Peratus ini digunakan sebagai indikator yang berkaitan. Nilai indikator untuk setiap negeri berserta dengan Kuala Lumpur dipamerkan sebagai Rajah 4.18.



Rajah 4.18 Indikator Petunjuk Bahawa Rumah Yang Didiami Memenuhi Keperluan Penghuni Mengikut Negeri

Nilai indikator petunjuk bahawa rumah yang didiami memenuhi keperluan penghuni melebihi 80.0% di semua negeri. Negeri Perlis mencatatkan nilai indikator 99.1% hasil daripada peratus yang melebihi 98.5% daripada responden yang menyatakan setuju atau sangat setuju dengan kenyataan positif mengenai setiap satu daripada aspek perumahan; bekalan air, elektrik, telefon, pembentungan & kumbahan serta kutipan sampah. Sementara itu, perbandingan nilai indikator mengikut jenis kediaman menunjukkan nilai melebihi 90.0% bagi kediaman tinggi dan kediaman jenis "*walk-up*". Sebaliknya kediaman bertanah mencatatkan nilai indikator bernilai 89.9%.



Rajah 4.19 Indikator Petunjuk Bahawa Rumah Yang Didiami Memenuhi Keperluan Penghuni Mengikut Jenis Perumahan

Pemilikan Peralatan Rumah

Penilaian kelengkapan rumah dilakukan dengan menggunakan respons kepada lapan (8) soalan yang berbentuk senarai semak (*checklist*) yang dikemukakan kepada ketua isi rumah (atau wakil) bagi tujuan menyemak kelengkapan (alat) rumah yang dimiliki. Lapan kelengkapan yang dipilih merangkumi pendingin udara, peti sejuk, "*hot shower*", mesin basuh, TV "*flat screen*", kemudahan internet, motokar dan motosikal. Respons dalam bentuk "ada/tiada" bagi setiap soalan menghasilkan peratus "ada" yang digunakan sebagai indikator bagi penilaian setiap kelengkapan rumah yang disenaraikan. Indikator yang yang menjadi petunjuk kepada "tahap pemilikan peralatan" dibina dengan mengkompositkan kadar-kadar yang terbit dari respons kepada setiap satu soalan di dalam senarai semak yang tersebut.

Pada keseluruhannya, peratus responden yang melaporkan memiliki lima jenis peralatan yang diklafikasikan sebagai peralatan asas (peti sejuk, mesin basuh, TV, motokar dan motosikal) berjulat di antara 67.1% (motosikal) hingga 97.1% (peti sejuk). Ini menghasilkan nilai peratus purata 81.1% yang menjadi indikator komposit bagi tahap pemilikan peralatan asas. Indikator pemilikan peralatan asas bagi setiap negeri dipamerkan sebagai Rajah 4.20.

Dari rajah tersebut dapat dilihat bahawa nilai indikator berkenaan mengikut negeri mempunyai julat daripada 73.2% (Sabah) kepada 91.8% (Melaka).

Kadar-kadar yang melebihi 86.9% bagi pemilikan kelengkapan peti sejuk dan mesin basuh telah dicatatkan di semua negeri. Ini bermakna bahawa secara puratanya lebih dari 86.9% daripada keseluruhan rumah dilengkapkan dengan peti sejuk dan mesin basuh.



Rajah 4.20 Indikator Petunjuk Tahap Pemilikan Peralatan Asas Mengikut Negeri

Secara amnya, peratus bagi tiga peralatan yang diklasifikasikan sebagai mewah, iaitu pendingin udara, "*hot shower*" dan kemudahan internet masing-masing mencatatkan nilai-nilai 19.6%, 17.2% dan 17.5% Ini menghasilkan indikator pemilikan peralatan mewah yang bernilai 18.1%. Indikator untuk setiap negeri dipamerkan sebagai Rajah 4.22. Nilai indikator pemilikan peralatan mewah mengikut negeri mempunyai julat di antara 9.7% (Pulau Pinang) hingga 36.3% (Melaka). Ini bermakna bahawa pemilikan peralatan mewah di setiap negeri adalah 36.3% dan ke bawah.



Rajah 4.21 Indikator Petunjuk Tahap Pemilikan Peralatan Asas Mengikut Jenis Perumahan



Rajah 4.22 Indikator Petunjuk Tahap Pemilikan Kelengkapan Mewah (Pendingin Udara, "Hot Shower" dan Kemudahan Internet) Mengikut Negeri



Rajah 4.23 Indikator Petunjuk Tahap Pemilikan Kelengkapan Mewah (Pendingin Udara, "Hot Shower" dan Kemudahan Internet) Mengikut Jenis Perumahan

Kerosakan Rumah

Penilaian masalah dan/atau kerosakan rumah dilakukan dengan menggunakan respons kepada enam (6) soalan yang berbentuk senarai semak (*checklist*) yang dikemukakan kepada ketua isi rumah (atau wakil) bagi tujuan menyemak sama ada bahagian-bahagian tertentu rumah masing-masing mengalami kerosakan atau masalah. Enam bahagian rumah yang disenaraikan merangkumi lantai, dinding, siling, sistem perpaipan dan sistem pendawaian elektrik. Respons dalam bentuk "ada/tiada" kerosakan bagi setiap soalan menghasilkan kadar-kadar "ada kerosakan-tak serius", "ada kerosakan-serius" dan "tiada kerosakan" yang digunakan sebagai petunjuk bagi penilaian masalah/kerosakan rumah. Indikator yang menilai "tahap kesihatan[5]" rumah dibina dengan mengkompositkan peratus yang terbit dari respons kepada enam (6) soalan di dalam senarai semak yang tersebut di atas.

[5] rumah dianggap "sihat" jika kadar "tiada kerosakan" tinggi.



Rajah 4.24 Indikator "Kesihatan" Rumah Mengikut Negeri

Pada keseluruhannya, nilai indikator yang menunjukkan tiada kerosakan ialah 84.6%. Ini bermakna bahawa secara puratanya 84.6% daripada keseluruhan rumah telah dilaporkan oleh ketua-ketua isi rumah sebagai tidak mempunyai kerosakan. Dalam erti kata lain, sekitar 5.4% sahaja ketua isi rumah yang melaporkan bahawa rumah masing-masing menghadapi kerosakan. Indikator mengikut negeri dan jenis perumahan masing-masing dipamerkan sebagai Rajah 4.24 dan 4.25. Peratus rumah yang dilaporkan sebagai tiada kerosakan adalah melebihi 82.8%.



Rajah 4.25 Indikator "Kesihatan" Rumah Mengikut Jenis Perumahan



Rajah 4.26 Peratus Rumah Yang Mengalami "Kerosakan Tak Serius" Mengikut Jenis Perumahan

Di kalangan rumah yang rosak serius peratus tertinggi dicatat oleh jenis kediaman tinggi. Yang paling ketara ialah kerosakan serius sistem perpaipan (12.4%). Seterusnya sistem perpaipan juga mencatat peratus tertinggi di kalangan kediaman tinggi. Peratus rumah yang mengalami kerosakan serius dan tak serius mengikut jenis perumahan masing-masing dipamerkan sebagai Rajah 4.26 dan 4.27.



Rajah 4.27 Peratus Rumah Yang Mengalami "Kerosakan Serius" Mengikut Jenis Perumahan

4.5.2.2Penilaian Persekitaran dan Kejiranan

Penilaian kejiranan merangkumi (i) penilaian ke atas sepuluh (10) kemudahan yang wujud di dalam kejiranan, (ii) penilaian kepuasan kejiranan di dalam empat (4) aspek, iaitu keselamatan awam, kebersihan, aktiviti sosial dan semangat kejiranan, (iii) penilaian komuniti di kejiranan dari aspek kerjasama, semangat bersatu padu, sikap menjaga kebersihan dan sikap suka bertegur sapa.

Kemudahan Yang Wujud Di Kejiranan

Penilaian kemudahan yang wujud di kejiranan dilakukan dengan menggunakan respons kepada sepuluh (10) kenyataan positif yang berbentuk senarai semak (*checklist*) yang dikemukakan kepada ketua isi rumah bagi tujuan menyemak sama ada kemudahan fizikal yang tersenarai memenuhi keperluan keluarga masing-masing. Senarai sepuluh (10) kemudahan fizikal ini dipamerkan sebagai Jadual 4.37

Jadual 4.37 Senarai Kemudahan Fizikal Di Kejiranan

1	Kemudahan Kesihatan dan Kecemasan	6	Kemudahan kedai dan ATM
2	Kemudahan pengangkutan awam	7	Kemudahan asuhan kanak-kanak
3	Kemudahan Beribadah	8	Kemudahan bantuan orang tua & orang kurang upaya (OKU)
4	Kemudahan rekreasi dan riadah	9	Kemudahan Dewan Serbaguna
5	Kemudahan Sekolah	10	Mudah ketempat kerja

Indikator bagi tahap kepuasan bagi kemudahan yang wujud di kejiranan ialah respons kepada soalan sama ada responden setuju bahawa kemudahan fizikal yang tersenarai memenuhi keperluan keluarga masing-masing. Keseluruhannya, kadar responden yang bersetuju[6] bahawa kemudahan fizikal yang tersenarai memenuhi keperluan keluarga masing-masing adalah 84.2%.

[6] Kadar “setuju” yang digunapakai di dalam analisis ini merangkumi jumlah responden yang yang memberi respons “setuju” atau “sangat setuju”.

Ini bermakna bahawa 84.2% daripada ketua isirumah atau wakil yang memberi respons kepada soalan ini bersetuju. Nilai-nilai indikator kemudahan yang wujud di kejiranan mengikut negeri dipamerkan sebagai Rajah 4.28.



Rajah 4.28 Indikator Kemudahan Di Kejiranan Mengikut Negeri

Kadar yang tinggi di setiap negeri telah dicatatkan bagi Indikator Kemudahan Di Kejiranan. Nilai hampir "*perfect*", iaitu 99.9% dan 99.7% telah dicatat di negeri-negeri Kedah dan Pulau Pinang. Ini bererti bahawa hampir semua responden di negeri-negeri tersebut ada setuju atau paling setuju bahawa setiap kemudahan yang disenaraikan memenuhi keperluan keluarga masing-masing. Indikator yang berkenaan bagi setiap jenis perumahan di pamerkan sebagai Rajah 4.29.



Rajah 4.29 Indikator Kemudahan Di Kejiranan Mengikut Jenis Perumahan

4.5.2.3Penilaian Kejiranan Di Dalam Aspek Keselamatan Awam, Kebersihan, Aktiviti Sosial Dan Semangat Kejiranan

Penilaian kepuasan kejiranan di dalam aspek keselamatan awam, kebersihan, aktiviti sosial dan semangat kejiranan dilakukan dengan menggunakan respons kepada empat (4) kenyataan positif yang menyatakan responden berpuas hati dengan setiap aspek kejiranan yang disenaraikan.

Keseluruhannya, peratus responden yang bersetuju bahawa mereka berpuas hati dengan kejiranan di dalam aspek-aspek yang tersenarai ialah 76.6%. Ini bermakna bahawa 76.6% daripada semua ketua isirumah atau wakil yang memberi respons kepada soalan ini berpuas hati dengan kejiranan di dalam aspek-aspek berkenaan.

Nilai indikator mengikut negeri dipamerkan sebagai Rajah 4.30. Semua negeri, kecuali Perak dan Selangor mencatatkan nilai indikator melebihi 80.0%. Sementara itu nilai-nilai indikator mengikut jenis kediaman dipamerkan sebagai Rajah 4.31. Semua jenis kediaman didapati mencatatkan

nilai indikator melebihi 83.5% dan kediaman Tinggi mencatat nilai peratus yang rendah daripada kediaman bertanah dan kediaman "*walk up*".



Rajah 4.30 Indikator Kepuasan Terhadap Kejiranan Dalam Aspek-Aspek Keselamatan Awam, Kebersihan, Aktiviti Sosial Dan Semangat Kejiranan Mengikut Negeri



Rajah 4.31 Indikator Kepuasan Terhadap Kejiranan Dalam Aspek-Aspek Keselamatan Awam, Kebersihan, Aktiviti Sosial Dan Semangat Kejiranan Mengikut Jenis Kediaman

Penilaian Komuniti Di Dalam Aspek Kerjasama, Semangat Bersatu Padu, Sikap Menjaga Kebersihan Dan Sikap Suka Bertegur Sapa

Penilaian komuniti di dalam aspek kerjasama, semangat bersatu padu, sikap menjaga kebersihan dan sikap suka bertegur sapa dilakukan dengan menggunakan respons kepada empat (4) kenyataan positif[7] yang menyatakan komuniti berkenaan mempunyai ciri-ciri yang disenaraikan.

Keseluruhannya, kadar responden yang bersetuju bahawa bahawa komuniti masing-masing mempunyai ciri-ciri positif yang tersenarai ialah 80.7%. Ini bermakna bahawa 80.7% daripada ketua isirumah atau wakil yang memberi respons kepada soalan ini berpuas hati dengan komuniti di dalam aspek-aspek berkenaan. Nilai indikator bagi setiap negeri dipamerkan sebagai Rajah 4.32. Indikator komuniti perumahan mencatatkan nilai di antara 48.6% (Kedah, Perlis) hingga 70.9% (Selangor).



Rajah 4.32: Indikator Komuniti Perumahan Mengikut Negeri

[7] Peratus-peratus persetujuan bagi Sikap Menjaga Kebersihan Dan Sikap Suka Bertegur Sapa yang digunakan ialah nilai peratus bagi "amat tak setuju" dan "tak setuju" yang diperolehi dari respons kepada kenyataan negatif yang digunakan di dalam borang soal selidik, iaitu" komuniti perumahan saya tidak menjaga kebersihan" dan "komuniti perumahan saya tidak suka bertegur sapa"

Peratus Responden Yang Memberi Respons “setuju” atau “”amat setuju” bagi kenyataan-kenyataan mengenai Komuniti Perumahan Mengikut Jenis Perumahan di pamerkan sebagai Rajah 4.33. NIlai peratusan bagi semangat kerjasama dan semangat bersatupadu adalah paling tinggi bagi perumahan jenis bertanah. Peratus-peratus berkenaan bagi kediaman Tinggi juga tinggi, iaitu melebihi 91.0%. Sebaliknya peratus-peratus yang berkaitan dengan penjagaan kebersihan dan sikap bertegur sapa adalah lebih rendah. Misalnya bagi kediaman tinggi peratus bagi sikap menjaga kebersihan hanya mencatatkan 58.8% (100% - 41.2%) manakala sikap bertegur sapa di kalangan komuniti mencatat 60.8% sahaja.



Rajah 4.33 Peratus Responden Yang Memberi Respons “setuju” atau “”amat setuju” bagi kenyataan-kenyataan mengenai Komuniti Perumahan Mengikut Jenis Kediaman

Kelebihan Tinggal Di Projek Perumahan Rakyat.

Penilaian persepsi kelebihan tinggal di PPR menggunakan respons kepada soalan-soalan yang mengukur perasaan mengenai kelebihan PPR di kalangan responden. Kelebihan tinggal di PPR yang disenaraikan merangkumi perasaan lebih tenteram, perasaan lebih berupaya menjalani kehidupan harian, perasaan sebagai sebahagian dari masyarakat setempat, perasaan berupaya memperbaiki situasi kerja, perasaan berupaya mengurus sewaan/kewangan dengan lebih baik, dan perasaan mempunyai akses kepada perkhidmatan yang lebih baik, lain-lain perasaan. Responden juga ditanya sama ada mereka ada perasaan bahawa PPR tidak memberi apa-apa kelebihan kepada mereka.



Rajah 4.34 Indikator Kelebihan Tinggal Di PPR Mengikut Negeri

Pada keseluruhannya nilai indikator bagi persepsi kelebihan tinggal di PPR mempunyai julat di antara 21.8% (tiada apa-apa kelebihan) hingga 65.3% (Rasa lebih tenteram). NIlai komposit bagi indikator yang merangkumi lapan (8) kelebihan yang disenaraikan mempunyai nilai 37.2%. NIlai indikator ini mengikut negeri dipamerkan sebagai Rajah 4.34.

Peratus Responden Yang Memberi Respons "Ya" bagi kenyataan-kenyataan mengenai kelebihan tinggal di perumahan PPR di pamerkan sebagai Rajah 4.35. NIlai-nilai peratus bagi perasaan "lebih tenteram" adalah paling tinggi bagi perumahan jenis bertanah. Peratus-peratus berkenaan bagi kediaman tinggi adalah lebih rendah, iaitu tidak melebihi 63.9%. Sebaliknya peratus-peratus yang berkaitan dengan lain-lain perasaan adalah lebih rendah. Misalnya bagi kediaman tinggi peratus bagi perasaan "sebahagian dari masyarakat setempat" hanya mencatatkan 57.2% manakala "akses kepada perkhidmatan yang lebih baik" mencatat 20.4% sahaja.



Rajah 4.35 Peratus Responden Yang Memberi Respons "Ya" bagi kenyataan-kenyataan mengenai Kelebihan Tinggal Di PPR Mengikut Jenis Kediaman

Kepekaan/Kesedaran Initiatif Perumahan Rakyat Kerajaan

Penilaian kepekaan dan kesedaran mengenai initiatif kerajaan bagi menangani perumahan rakyat menggunakan respons kepada soalan-soalan yang menanyakan sama ada responden mengetahui akan kewujudah initiatif-initiatif yang merangkumi MyHome, MyDeposit, Rumah Transit 1 Malaysia, Skim Pinjaman Perumahan Jabatan Perumahan Negara, dan Projek Perumahan Awam 1 Malaysia (PPA1M).



Rajah 4.36 Peratus Responden Yang Memberi Respons "Ya" bagi kenyataan-kenyataan mengenai Kesedaran Lima (5) Initiatif Kerajaan Bagi Perumahan Rakyat Mengikut Jenis Kediaman

Secara amnya, peratus kesedaran atau pengetahuan mengenai lima initiatif perumahan rakyat kerajaan adalah rendah. Initiatif yang paling tidak diketahui ialah MyHome yang mencatatkan peratus 16.3% sahaja di kalangan responden yang mendiami kediman Tinggi. Peratus-peratus ini berjulat dari 14.6% (MyDeposit-Kediaman Tinggi) ke 39.6% (PPA1M- Kediaman Tinggi).

Nilai-nilai peratus berkenaan bagi setiap initiatif dan setiap jenis kediaman dipamerkan sebagai Rajah 4.36.

NIlai-nilai Indikator Kepekaan Intiatif Perumahan Kerajaan Mengikut Negeri di pamerkan sebagai Rajah 4.37. Keseluruhannya nilai indikator komposit yang dicatatkan ialah 25.7%. Hasil perbandingan di antara negeri mendapati bahawa kesedaran adalah amat rendah di Pulau Pinang (5.2%) dan Kedah (6.5%). NIlai indikator yang lebih tinggi dicatit di Sabah (31.9%) dan Pahang (30.1%).



Rajah 4.37 Indikator Kepekaan Intiatif Perumahan Kerajaan Mengikut Negeri

RUMUSAN:

Nilai-nilai Indikator Mengikut Jenis Penilaian

Lima (5) indikator telah dibangunkan untuk memberi gambaran kepada hasil penilaian yang telah dilakukan di kalangan 6,487 unit rumah PPR. Nilai-nilai indikator bagi setiap komponen disenaraikan sebagai Jadual 4.38. Nilai keseluruhan indikator ialah 64.3%. Nilai-nilai kadaran terperinci mengikut negeri dipaparkan sebagai Jadual-Jadual Lampiran Bab 4.

Jadual 4.38: Nilai-Nilai Indikator Mengikut Jenis Penilaian

	Jenis Penilaian	Komponen	Nilai	Nilai Komposit
1	**Penilaian Rumah**	*Penyelenggaraan Blok*	83.1%	**86.4%**
		Yuran Penyelenggaraan (Berpatutan)	91.2%	
		Pengurusan Perkhidmatan & Bekalan	77.7%	
		Ketepatan Masa Dalam Membuat Bayaran Penyelenggaran	90.1%	
		Rumah Yang Didiami "Memadai" Untuk Keperluan Keluarga	85.5%	
		Rumah Yang Didiami Memenuhi Keperluan Keluarga	90.5%	
2	**Penilaian Peralatan Rumah**	*Peralatan Asas*	81.1%	**49.6%**
		Peralatan Mewah	18.1%	
3	**Penilaian Masalah atau Kerosakan Rumah**	*--tiada --*	84.6%	**84.6%**
4	**Penilaian Kejiranan**	*Kemudahan Yang Wujud Di Kejiranan*	84.2%	**85.8%**
		Penilaian Kejiranan Di Dalam Aspek Keselamatan Awam, Kebersihan, Aktiviti Sosial Dan Semangat Kejiranan	87.4%	
5	**Penilaian Komuniti**	*--tiada --*	80.7%	**80.7%**
6	**Kelebihan tinggal di PPR**	*--tiada --*	37.2%	**37.2%**
7	**Kepekaan Initiatif Perumahan Kerajaan**	*--tiada --*	25.7%	**25.7%**
	Indikator Keseluruhan			**64.3%**

4.6 Penarafan Rumah Mengikut Projek

Bahagian 4.4 telah membincangkan bagaimana Tujuh (7) indikator bagi menilai perumahan PPR telah dibangunkan untuk memberi gambaran kepada hasil penilaian yang telah dilakukan di kalangan lebih daripada 6,000 unit rumah PPR. Rumusan nilai-nilai indikator disenaraikan sebagai Jadual 4.38. manakala perincian nilai-nilai indikator mengikut negeri dan jenis perumahan dipamerkan sebagai Jadual-Jadual Lampiran Bab 4.

Bahagian ini memperihalkan bagaimana hasil proses penarafan rumah-rumah PPR mengikut projek diperolehi. Senarai projek mengikut negeri dipamerkan sebagai Jadual di Lampiran Bab 4. Sejumlah 85 projek akan diberi penarafan mengikut klasifikasi seperti di Jadual 4.39.

Jadual 4.39 Klasifikasi Penarafan Projek Perumahan PPR

Julat Skor Penarafan	Penarafan	Keterangan
1-5	**A**	***Sangat Baik***
6-10	**B**	***Baik***
11-15	**C**	***Sederhana***
15-20	**D**	***Kritikal***
21-25	**E**	***Sangat Kritikal***

Untuk melakukan penarafan indikator yang digunakan di Bahagian 4.4 yang mempunyai skala 0 hingga 1 (0% hingga 100%) dijelmakan ke dalam skala 1 hingga 25 secara terbalik (*inverse*) untuk membolehkannya dilekapkan (*fitted*) ke dalam klasifikasi seperti di Jadual 4.39. Untuk tujuan itu rumus yang digunakan ialah,

$$Y = 41 - 40X; Y \leq 25;$$

di mana Y ialah skor di dalam skala 1 hingga 25; X ialah nilai indikator asal di dalam skala 0 hingga 1.

Penarafan Perumahan Mengikut Projek

Proses penarafan projek dilaksanakan dengan membuat penarafan mengikut lima (5) indikator komposit yang dihasilkan dengan menggunakan indikator-indikator yang diperolehi di Bahagian 4.4. Senarai indikator penarafan disenaraikan sebagai Jadual 4.39. Komponen bagi setiap indikator disenaraikan sebagai Jadual Lampiran Bab 4.

Jadual 4.40: Senarai Indikator Penarafan Projek Perumahan PPR

1	Penyelenggaraan	4	Persekitaran & Komuniti
2	Perkhidmatan	5	Kepekaan Kpd Initiatif Perumahan Kerajaan (Kepekaan)
3	Keadaan Rumah		

Rajah "Cobweb" Untuk Tujuan Perbandingan Hasil Penarafan Projek

Untuk melalkukan perbandingan di antara projek secara kualitatif bagi setiap indikator rajah "cobweb" digunakan. Contoh rajah yang terhasil dari perbandingan penarafan sebenar bagi tujuh projek beserta 5 piawai penarafan seperti yang tersenarai di Jadual 4.39 bagi negeri Perak dipamerkan sebagai Rajah 4.38. Jelas bahawa, di dalam aspek ***penyelenggaraan***, misalnya, semua tujuh projek PPR di negeri Perak menerima penarafan yang baik seperti yang tertera di Jadual 4.41

Tiga aspek lain, perkhidmatan, keadaan rumah dan persekitaran & komuniti juga menerima penarafan yang baik. Walau bagaimanapun aspek ***kepekaan terhadap initiatif perumahan kerajaan (kepekaan)*** telah mencatatkan penarafan ***sangat kritikal*** **(**Rujuk Rajah 4.38 bersama-sama Rajah 4.39)



Rajah 4.38: Ilustrasi Perbandingan Penarafan Tujuh (7) Projek di Negeri Perak dengan Taraf-Taraf piawai

Jadual 4.41: Penarafan *Penyelenggaraan* Tujuh (7) Projek PPR di Negeri Perak

	PROJEK PPR DI NEGERI PERAK						
	PPR KAMPAR	*PPR SUNGKAI KTM*	*PPR BT GAJAH KTM*	*PPR IPOH KTM*	*PPR TANJUNG MALIM*	*PPR BUNTUNG*	*PPR BATU 2 1/2 TAIPING*
Nilai Indikator	11	7	2	3	3	6	3
Penarafan	*C*	*B*	*A*	*A*	*A*	*A*	*A*



Rajah 4.39: Perbandingan Penarafan Tujuh (7) Projek di Negeri Perak Bagi Di Dalam (4) Indikator: Perkhidmatan, Keadaan Rumah, Persekitaran & Komuniti dan Kepekaan

Perbandingan Skor Penarafan Projek Mengikut Jenis Perumahan: Bertanah, Tinggi, dan *Walk-up*

Perbandingan skor penarafan bagi projek-projek perumahan PPR dilakukan mengikut klasifikasi jenis kediaman, iaitu Bertanah (*landed*) , Tinggi (*High Rise*) dan *walk-up* (rumah pangsa lima (5) tingkat atau kurang). Perbandingan projek dilakukan melalui rajah *cobweb.* Setiap rajah membandingkan sebilangan projek berkaitan dengan satu daripada lima (5) indikator penarafan yang digunakan, iaitu penyelenggaraan, perkhidmatan, keadaan rumah, persekitaran dan komuniti dan kepekaan.

PERBANDINGAN SKOR PENARAFAN PERUMAHAN BERTANAH (DI PAHANG DAN PERAK)

Rajah 4.40 membandingkan skor penarafan di dalam aspek penyelenggaraan di kalangan 25 projek perumahan bertanah di negeri Pahang.



Rajah 4.40: Perbandingan Penarafan Penyelenggaraan di Kalangan Dua Puluh Lima (25) Projek PPR Bertanah di Pahang

Rajah di atas jelas menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada projek-projek ini menerima penarafan yang baik, kecuali PPR Jerantut dan PPR Kuala Pahang. Ini jelas kelihatan daripada plot skor penarafan bagi dua projek ini yang jauh daripada pusat rajah dan menghampiri bulatan luar[8].



Rajah 4.41: Perbandingan Penarafan Penyelenggaraan Di Kalangan Empat (4) Projek PPR Bertanah di Perak

Rajah 4.41 membandingkan skor penarafan di dalam aspek penyelenggaraan di kalangan 4 projek perumahan bertanah di negeri Perak. Rajah jelas menunjukkan bahawa semua projek menerima penarafan yang baik. Ini jelas kelihatan daripada plot skor penarafan bagi dua projek ini yang jauh daripada bulatan luar.

Rajah 4.42 hingga Rajah 4.43 mempamerkan perbandingan skor penarafan di dalam kaedah yang sama di dalam empat lagi aspek penarafan; perkhidmatan, keadaan rumah, persekitaran & komuniti, serta kepekaan terhadap initiatif perumahan kerajaan. Dari lapan rajah ini dapat disimpulkan bahawa sebahagian besar daripada projek perumahan PPR jenis bertanah telah mencatatkan penarafan yang baik atau sederhana di dalam aspek-aspek perkhidmatan, keadaan rumah, persekitaran & komuniti.

[8] Pusat rajah dibentuk oleh skor penarafan yang bernilai 1 (A: Amat Baik) manakala bulatan yang paling luar dibentuk oleh skor penarafan 25 (Sangat Kritikal)



Rajah 4.42: Perbandingan Penarafan Perkhidmatan di Kalangan Dua Puluh Lima (25) Projek PPR Bertanah di Pahang



Rajah 4.43: Perbandingan Penarafan Perkhidmatan Di Kalangan Empat (4) Projek PPR Bertanah di Perak

Walau bagaimanapun di dalam aspek kepekaan hampir semua projek menerima penarafan “E: sangat kritikal”. Ini jelas dapat dilihat di Rajah 4.44 dan Rajah 4.45 di mana skor penarafan yang diperolehi oleh hampir semua projek berada berhampiran dengan bulatan yang paling luar.



Rajah 4.44: Perbandingan Penarafan Keadaan Rumah di Kalangan Dua Puluh Lima (25) Projek PPR Bertanah di Pahang



Rajah 4.45: Perbandingan Penarafan Keadaan Rumah Di Kalangan Empat (4) Projek PPR Bertanah di Perak



Rajah 4.46: Perbandingan Penarafan Persekitaran & Komuniti di Kalangan Dua Puluh Lima (25) Projek PPR Bertanah di Pahang



Rajah 4.47: Perbandingan Penarafan Persekitaran & Komuniti Di Kalangan Empat (4) Projek PPR Bertanah di Perak



Rajah 4.48: Perbandingan Penarafan Kepekaan di Kalangan Dua Puluh Lima (25) Projek PPR Bertanah di Pahang



Rajah 4.49: Perbandingan Penarafan Kepekaan Di Kalangan Empat (4) Projek PPR Bertanah di Perak

PERBANDINGAN SKOR PENARAFAN PERUMAHAN TINGGI (KUALA LUMPUR, PERAK, SELANGOR, JOHOR, PULAU PINANG, PERLIS, TERENGGANU)

Rajah 4.50 membandingkan skor penarafan di dalam aspek penyelenggaraan di kalangan 25 projek perumahan Tinggi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Rajah di bawah jelas menunjukkan bahawa semua 25 projek ini menerima penarafan yang baik. Ini jelas kelihatan daripada plot skor penarafan bagi semua 25 projek ini yang jauh daripada bulatan luar.



Rajah 4.50: Perbandingan Penarafan Penyelenggaraan di Kalangan Dua Puluh Lima (25) PPR Tinggi di Kuala Lumpur

Rajah 4.50 membandingkan skor penarafan di dalam aspek penyelenggaraan di kalangan lapan (8) projek Tinggi PPR di Perak, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Terengganu dan Perlis. Rajah jelas menunjukkan bahawa semua projek menerima penarafan yang baik, kecuali PPR Lembah Subang I yang menerima penarafan sederhana. Ini jelas kelihatan daripada plot skor penarafan bagi projek ini yang berada di antara bulatan 10.0 dan 15.0.



Rajah 4.51: Perbandingan Penarafan Penyelenggaraan Di Kalangan Lapan (8) PPR Tinggi di Perak, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Trengganu dan Perlis



Rajah 4.52: Perbandingan Penarafan Perkhidmatan di Kalangan Dua Puluh Lima (25) PPR Tinggi di Kuala Lumpur

Rajah 4.50 hingga Rajah 4.59 mempamerkan perbandingan skor penarafan di dalam kaedah yang sama di dalam empat lagi aspek penarafan; perkhidmatan, keadaan rumah, persekitaran & komuniti, serta kepekaan terhadap initiatif perumahan kerajaan. Dari lapan rajah ini dapat disimpulkan

bahawa sebahagian besar daripada projek perumahan PPR jenis Tinggi telah mencatatkan penarafan yang baik atau sederhana di dalam aspek-aspek perkhidmatan, keadaan rumah, persekitaran & komuniti.

Walau bagaimanapun di dalam aspek ***kepekaan*** hampir semua projek menerima penarafan “E: sangat kritikal”. Ini jelas dapat dilihat di Rajah 4.58 dan Rajah 4.59 di mana skor penarafan yang diperolehi oleh hampir semua projek berada berhampiran dengan bulatan yang paling luar.



Rajah 4.53: Perbandingan Penarafan Perkhidmatan Di Kalangan Lapan (8) PPR Tinggi di Perak, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Terengganu dan Perlis



Rajah 4.54: Perbandingan Penarafan Keadaan Rumah di Kalangan Dua Puluh Lima (25) PPR Tinggi di Kuala Lumpur



Rajah 4.55: Perbandingan Penarafan Keadaan Rumah Di Kalangan Lapan (8) PPR Tinggi di Perak, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Terengganu dan Perlis



Rajah 4.56: Perbandingan Penarafan Persekitaran & Komuniti di Kalangan Dua Puluh Lima (25) PPR Tinggi di Kuala Lumpur



Rajah 4.57: Perbandingan Penarafan Persekitaran & Komuniti Di Kalangan Lapan (8) PPR Tinggi di Perak, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Terengganu dan Perlis



Rajah 4.58: Perbandingan Penarafan Kepekaan Kepada Initiatif Kerajaan di Kalangan Dua Puluh Lima (25) PPR Tinggi di Kuala Lumpur



Rajah 4.59: Perbandingan Penarafan Kepekaan Kepada Initiatif Kerajaan Di Kalangan Lapan (8) PPR Tinggi di Perak, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Terengganu dan Perlis

PERBANDINGAN SKOR PENARAFAN PERUMAHAN *WALK-UP* (PERAK, SELANGOR, JOHOR, KEDAH, MELAKA, NEGERI SEMBILAN, PULAU PINANG, SABAH)

Rajah 4.60 membandingkan skor penarafan di dalam aspek **penyelenggaraan** di kalangan 20 projek Dua Puluh (20) *Walk-Up* di Perak, Selangor, Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah. Rajah ini jelas menunjukkan bahawa semua projek ini menerima penarafan yang baik di dalam aspek penyelenggaraan. Ini jelas kelihatan daripada plot skor penarafan bagi semua projek ini yang terletak jauh daripada bulatan luar.



Rajah 4.60: Perbandingan Penarafan Penyelenggaraan di Kalangan Dua Puluh (20) PPR *Walk-Up* di Perak, Selangor, Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah

Rajah 4.61 hingga Rajah 4.62 mempamerkan perbandingan skor penarafan di dalam kaedah yang sama di dalam empat lagi aspek penarafan; perkhidmatan, keadaan rumah, persekitaran & komuniti, serta kepekaan terhadap initiatif perumahan kerajaan. Dari empat rajah ini dapat disimpulkan bahawa sebahagian besar daripada projek perumahan PPR jenis *walk up* telah mencatatkan penarafan yang baik atau sederhana di dalam aspek-aspek perkhidmatan, keadaan rumah, persekitaran & komuniti.



Rajah 4.61: Perbandingan Penarafan Perkhidmatan di Kalangan Dua Puluh (20) PPR *Walk-Up* di Perak, Selangor, Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah



Rajah 4.62: Perbandingan Penarafan Keadaan Rumah di Kalangan Dua Puluh (20) PPR *Walk-Up* di Perak, Selangor, Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah



Rajah 4.63: Perbandingan Penarafan Persekitaran & Komuniti di Kalangan Dua Puluh (20) PPR *Walk-Up* di Perak, Selangor, Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah



Rajah 4.64: Perbandingan Penarafan Kepekaan Initiatif Kerajaan di Kalangan Dua Puluh (20) PPR *Walk-Up* di Perak, Selangor, Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah

Di dalam aspek kepekaan hampir semua 20 projek menerima penarafan “E: sangat kritikal”. Ini jelas dapat dilihat di Rajah 4.64. di mana skor penarafan yang diperolehi oleh hampir semua projek berada berhampiran dengan bulatan yang paling luar. Terkecuali di dalam hal ini ialah projek PPR Jalan Lintas yang mencatatkan taraf “kritikal”.

RUMUSAN PERBANDINGAN PENARAFAN

Perbandingan skor penarafan bagi lapan puluh lima (85) projek di sebelas (11) negeri berserta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati bahawa hampir semua rumah mencatatkan skor penarafan yang baik dan amat baik di dalam aspek-aspek penyelenggaraan, perkhidmatan, keadaan rumah, serta persekitaran & komuniti. Walau bagaimanapun hampir semua projek penerima penarafan “sangat kritikal” di dalam aspek kepekaan masyarakat kepada initiatif perumahan kerajaan.

BAB 5

ANALISIS DATA DAN DAPATAN:

KAJIAN FIZIKAL KEADAAN BANGUNAN

5.0 Pendahuluan

Merujuk kepada Garis Panduan Pemeriksaan dan Penilaian Keadaan; Bangunan Sedia Ada, Jabatan Kerja Raya (JKR 21602 – 0004 – 1), dapatan hasil Kajian Fizikal Keadaan Bangunan dianalisis bagi menentukan skor penarafan keadaan bangunan seperti yang telah diterangkan di dalam Bab 3. Analisis seterusnya mengenalpasti punca-punca kerosakan/kecacatan di bangunan PPR. Untuk dapatan yang lebih terperinci, analisis hubung kait di antara data keterangan tapak dan skor penarafan juga dilaporkan. Analisis kecacatan/kerosakan di PPR dirumuskan sebagai kesimpulan hasil dapatan kajian fizikal keadaan bangunan.

5.1 Keterangan Tapak

Bahagian ini menerangkan maklumat teknikal PPR yang telah dilawat periksa. Bagi tujuan rekod aset, maklumat-maklumat ini amat penting untuk dikemaskini sebagai rujukan semasa dan akan datang oleh pihak JPN, KPKT.

Maklumat yang dikemaskini adalah seperti berikut:

i) Nama PPR terkini;
ii) Jenis kediaman;
iii) Tarikh serahan;
iv) Jenis pengisian ;
v) Bilangan unit;
vi) Bilangan blok;
vii) Bilangan aras setiap blok; dan
viii) Kaedah pengurusan penyelengaraan.

Jadual 5.1 hingga 5.12 menunjukkan maklumat keterangan tapak yang telah dikemaskini. Secara keseluruhan nama PPR yang direkodkan oleh pihak JPN telah ditukar kepada nama baru di peringkat negeri. Dari segi kategori kediaman, kediaman bertingkat mendominasi keseluruhan kategori kediaman PPR berbanding kediaman bertanah. Kediaman bertingkat terdiri daripada kediaman bertingkat tanpa perkhidmatan lif (*walk-up*,) dan kediaman dengan perkhidmatan lif (tinggi). Sebagai contoh, PPR jenis bertingkat kediaman dengan perkhidmatan lif (tinggi) didominasi oleh PPR di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Manakala, kesemua PPR di Negeri Pahang adalah kediaman bertanah (*landed property*) dengan majoritinya kediaman jenis rumah teres satu tingkat diikuti rumah berkembar satu tingkat. Lain-lain negeri menunjukkan kombinasi kedua-dua jenis kediaman bertanah dan bertingkat (*walk-up* dan tinggi).

5.1.1 Keterangan Tapak PPR Wilayah Pesekutuan Kuala Lumpur

Merujuk Jadual 5.1, perumahan PPR di Zon Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mula diserahkan seawal tahun 2003 dengan majoritinya adalah kediaman bertingkat dengan perkhidmatan lif. Ketinggian kediaman bangunan majoritinya melebihi 17 aras dengan kapasiti unit melebihi 500 unit per lokasi. Terdapat juga PPR yang mempunyai lebih daripada 2000 unit per lokasi iaitu di PPR Kampung Baru Air Panas Tambahan, PPR Kampung Batu Muda dan PPR Kampung Muhibbah. Pengurusan PPR keseluruhannya adalah di bawah pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Jadual 5.1: Keterangan Tapak PPR Wilayah Pesekutuan Kuala Lumpur

Nama PPR (Rekod JPN)	Nama Terkini	Jenis Kediaman (Bertanah /Bertingkat)	Tahun /Tarikh Serah (diduduki)	Jenis Pengisian (sewa/jual)	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras/Blok	Pengurusan
PPR Bukit Jalil I	PPR Pinggiran Bukit Jalil	Bertingkat (tinggi)	02.02.2013	Sewa	1896	5	18 – 20	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR Bukit Jalil II	PPR Pinggiran Bukit Jalil	Bertingkat (tinggi)	2014-2016	Sewa	1896	5	18 - 20	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR Kg. Muhibbah	PPR Kg. Muhibbah	Bertingkat (tinggi)	22.12.2006	Sewa & Jual	2844	8	17	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR Lembah Pantai, Kerinchi	PPR Kerinchi	Bertingkat (tinggi)	31.3.2007	Sewa & Jual	1896	6	17	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR KL Linear City II, Fasa I	PPR Pantai Ria	Bertingkat (tinggi)	08.08.2007	Sewa & Jual	1264	4	17	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR KL Linear City II, Fasa II	PPR Seri Cempaka	Bertingkat (tinggi)	08.08.2007	Sewa & Jual	632	2	17	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR Kg. Limau Pantai Dalam	PPR Kg. Limau	Bertingkat (tinggi)	15.10.2005	Sewa & Jual	632	2	17	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR Salak Selatan	PPR Salak Selatan	Bertingkat (tinggi)	24.06.2004	Sewa & Jual	632	2	17	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR KL Linear City I	PPR Seri Anggerik	Bertingkat (tinggi)	15.01.2003	Sewa & Jual	316	1	17	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR Kg Seri Malaysia	PPR Kg Seri Malaysia	Bertingkat (tinggi)	03.10.2007	Sewa & Jual	632	2	17	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR Jln Lapangan Terbang Lama F1	PPR Seri Alam 1	Bertingkat (*walk-up* & tinggi)	29.04.2004	Sewa & Jual	660	5	5, 8, 10	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Nama PPR (Rekod JPN)	Nama Terkini	Jenis Kediaman (Bertanah /Bertingkat)	Tahun /Tarikh Serah (dipunyai)	Jenis Pengisian (sewa/jual)	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras/Blok	Pengurusan
PPR Jln Lapangan Terbang Lama F2	PPR Seri Alam 2	Bertingkat (*walk-up* & tinggi)	12.07.2010	Sewa & Jual	920	7	5, 8, 13	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR Pudu Ulu	PPR Pudu Ulu	Bertingkat (tinggi)	15.01.2003	Sewa & Jual	948	3	17	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR Kg Malaysia Permai	PPR Raya Permai	Bertingkat (tinggi)	20.06.2006	Sewa & Jual	1,264	4	17	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR Jln Cochrane	PPR Perkasa	Bertingkat (tinggi)	25.04.2005	Sewa & Jual	1620	3	14 & 15	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR Pekan Kepong	PPR Pekan Kepong	Bertingkat (tinggi)	08.04.2010	Sewa & Jual	948	3	17	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR Taman Wahyu II	PPR Wahyu	Bertingkat (tinggi)	07.04.2002	Sewa & Jual	948	3	17	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR Taman Wahyu I	PPR Beringin	Bertingkat (tinggi)	31.03.2003	Sewa & Jual	1896	6	17	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR Kg. Batu Muda	PPR Batu Muda	Bertingkat (tinggi)	31.12.2006	Sewa & Jual	2132	7	17 & 13 (Blok A)	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR Pekan Batu	PPR Pekan Batu	Bertingkat (tinggi)	03.12.2002	Sewa & Jual	632	2	17	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR Kg. Baru Air Panas Tambahan	PPR Kg. Baru Air Panas	Bertingkat (tinggi)	10.05.2007	Sewa & Jual	2528	8	17	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR Sg. Bunus Air Jernis	PPR Seri Semarak	Bertingkat (tinggi)	14.02.2005	Sewa & Jual	632	2	17	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
	PPR Sg. Bonus	Bertingkat (tinggi)	14.02.2005	Sewa & Jual	1580	5	17	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR Ampang Hiliran	PPR Hiliran Ampang	Bertingkat (tinggi)	16.12.2004	Sewa & Jual	948	3	17	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Nama PPR (Rekod JPN)	Nama Terkini	Jenis Kediaman (Bertanah /Bertingkat)	Tahun /Tarikh Serah (diduduki)	Jenis Pengisian (sewa/jual)	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras/Blok	Pengurusan
PPR Sungai Besi	PPR Desa Petaling	Bertingkat (tinggi)	19.08.2002	Sewa & Jual	632	2	17	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
PPR Intan Baiduri	PPR Intan Baiduri	Bertingkat (tinggi)	15.04.2004	Sewa & Jual	1834	6	17	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

5.1.2 Keterangan Tapak PPR Negeri Selangor

Berdasarkan Jadual 5.2, perumahan PPR di negeri Selangor yang ditetapkan oleh pihak JPN terdiri daripada kediaman bertanah, bertingkat dengan perkhidmatan lif (tinggi) dan tanpa perkhidmatan lif (*walk-up*). PPR Lembah Subang I mempunyai bilangan unit tertinggi iaitu 3004 unit. Unit PPR ini mula didiami pada tahun 2003 dan terkini ialah pengisian unit di PPR Lembah Subang II. Kecuali PPR Lembah Subang II yang diuruskan oleh ejen pengurusan, lain-lain PPR di negeri Selangor diuruskan oleh pihak berkuasa tempatan masing-masing.

Jadual 5.2: Keterangan Tapak PPR Negeri Selangor

Nama PPR (Rekod JPN)	Nama Terkini	Jenis Kediaman (Bertanah /Bertingkat)	Tahun /Tarikh Serah (diduduki)	Jenis Pengisian (sewa/jual)	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras/Blok	Pengurusan
PPR Lembah Subang I	PPR Lembah Subang 1	Bertingkat (tinggi)	21.05.2002	Sewa beli	3,004	8	17	Kerajaan Negeri (pihak berkuasa tempatan)
PPR Serendah KTM	PPR Serendah (Pangsapuri Seri Kiambang)	Bertingkat (*walk-up*)	31.07.2003	Sewa beli	300	2	5	Kerajaan Negeri (pihak berkuasa tempatan)
PPR Lembah Subang II	PPR Lembah Subang 2	Bertingkat (tinggi)	Jual- 2014 Sewa beli - 2017	Jual & Sewa beli	1,580	5	13	Lantikan Ejen Pengurusan
PPR Kg Hassan	PPR Taman Danau, Kg. Hassan	Bertanah (teres setingkat)	2016	Sewa beli	300	-	-	Kerajaan Negeri (pihak berkuasa tempatan)

5.1.3 Keterangan Tapak PPR Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak

Bagi negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, pihak JPN telah menetapkan kajian di dua lokasi PPR untuk setiap negeri. Merujuk kepada Jadual 5.3, negeri Perlis mempunyai kedua-dua jenis kategori kediaman bertanah dan bertingkat (tinggi). PPR Mukim Sena, Kangar mempunyai 480 unit dengan 2 unit blok pada aras ketinggian sebanyak 13 aras dan diurus oleh ejen pengurusan yang dilantik oleh kerajaan negeri. Manakala PPR kediaman bertanah di Perlis adalah kategori sewa beli dan masih di bawah tanggungjawab kerajaan negeri.

Jadual 5.4 menunjukkan kedua-dua PPR di negeri Kedah adalah jenis pengisian sewaan, mula dihuni pada tahun 2003, merupakan perumahan bertingkat jenis *walk-up* dan diurus oleh kerajaan negeri. Manakala bagi negeri Pulau Pinang, Jadual 5.5 menunjukkan kedua-dua PPR adalah jenis pengisian sewaan, bertingkat dengan lif dan diuruskan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang.

Bagi keterangan tapak PPR di negeri Perak, kesemua PPR adalah di bawah pengisian sewaan. Merujuk kepada Jadual 5.6, pengisian bermula pada tahun 2001. Taburan unit PPR di negeri Perak adalah rendah terutamanya bagi kategori kediaman bertanah. Bagi kategori bertingkat (tinggi), PPR terbaru iaitu PPR di Batu 2 ½ Taiping, mula dididuki pada tahun 2014 dengan kapasiti sebanyak 240 unit. Lain-lain PPR diuruskan oleh Lembaga Perumahan Negeri Perak, kecuali PPR Buntung yang diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Jadual 5.3: Keterangan Tapak PPR Negeri Perlis

Nama PPR (Rekod JPN)	Nama Terkini	Jenis Kediaman (Bertanah /Bertingkat)	Tahun /Tarikh Serah (diduduki)	Jenis Pengisian (sewa/jual)	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras/Blok	Pengurusan
PPR Mukim Sena Kangar	Pangsapuri Sri Sena	Bertingkat (tinggi)	29.03.2006	Sewa	480	2	13	Lantikan Ejen Pengurusan oleh Kerajaan Negeri
PPR Kampung Wai	Taman Wai Permai	Bertanah (Kluster)	15.01.2015	Sewa Beli	200	-	-	Kerajaan Negeri (SUK)

Jadual 5.4: Keterangan Tapak PPR Negeri Kedah

Nama PPR (Rekod JPN)	Nama Terkini	Jenis Kediaman (Bertanah /Bertingkat)	Tahun /Tarikh Serah (diduduki)	Jenis Pengisian (sewa/jual)	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras/Blok	Pengurusan
PPR Paya Nahu	PPR Paya Nahu 2	Bertingkat (*walk-up*)	31.12.2003	Sewa	1472	22	5	Kerajaan Negeri (SUK)
PPR Langkawi	RPA Taman Dahlia	Bertingkat (*walk-up*)	15.06.2003	Sewa	422	8	5	Kerajaan Negeri (SUK)

Jadual 5.5: Keterangan Tapak PPR Negeri Pulau Pinang

Nama PPR (Rekod JPN)	Nama Terkini	Jenis Kediaman (Bertanah /Bertingkat)	Tahun /Tarikh Serah (diduduki)	Jenis Pengisian (sewa/jual)	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras/Blok	Pengurusan
PPR Lorong Selamat, Georgetown	PPR Taman Manggis	Bertingkat (tinggi)	19.10.2006	Sewa	316	1	14	Kerajaan Negeri (SUK)
PPR Jln Thamby, Butterworth	Taman Bagan Jaya	Bertingkat (tinggi)	02.08.2005	Sewa	382	3	8	Kerajaan Negeri (SUK)

Jadual 5.6: Keterangan Tapak PPR Negeri Perak

Nama PPR (Rekod JPN)	Nama Terkini	Jenis Kediaman (Bertanah /Bertingkat)	Tahun /Tarikh Serah (diduduki)	Jenis Pengisian (sewa/jual)	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras/Blok	Pengurusan
PPR Kampar	Taman Mesra Rakyat,Kampar	Bertingkat (*walk-up*)	06.04.2007	Sewa	29	8	2 (unit PPR di tingkat atas sahaja)	Kerajaan Negeri (Lembaga Perumahan)
PPR Sungai KTM	Desa Idaman,Sungkai	Bertanah (teres setingkat)	16.10.2002	Sewa	64	-	-	Kerajaan Negeri (Lembaga Perumahan)
PPR BT Gajah KTM	Taman Bandar Tasik Idaman	Bertanah (teres setingkat)	27.11.2001	Sewa	9	-	-	Kerajaan Negeri (Lembaga Perumahan)
PPR Ipoh KTM	Rumah Pangsa Buntong Permai	Bertingkat (*walk-up*)	20.02.2003	Sewa	112	3	4	Kerajaan Negeri (Lembaga Perumahan)
PPR Tanjung Malim	Taman Bernam Permai	Bertanah (teres setingkat)	27.10.2003	Sewa	45	-	-	Kerajaan Negeri (Lembaga Perumahan)
PPR Buntung	Rumah Pangsa Taman Harmoni Buntong	Bertingkat (*walk-up*)	2007	Sewa	416	26	5	Kerajaan Negeri (Pihak Berkuasa Tempatan)
PPR Batu 2 1/2 Taiping	PPR Simpang Perdana,Taiping	Bertingkat (tinggi)	20.02.2014	Sewa	240	1	13	Kerajaan Negeri (Lembaga Perumahan)

5.1.4 Keterangan Tapak PPR Negeri Sembilan, Melaka dan Johor

Bagi PPR di negeri-negeri selatan Semenanjung Malaysia iaitu Negeri Sembilan, negeri Melaka dan Johor, kesemuanya didominasi oleh kediaman bertingkat jenis *walk-up* (Rujuk Jadual 5.7, 5.8 dan 5.9). PPR di Negeri Sembilan dengan 420 unit adalah disewa dan diuruskan oleh kerajaan negeri (SUK). Di Melaka, PPR Sungai Putat adalah kategori dijual dan di bawah pengurusan Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body*) bersama kerajaan negeri.

Merujuk kepada Jadual 5.9 bagi negeri Johor, kategori kediaman PPR adalah pelbagai. PPR di luar Johor Bahru iaitu di daerah Segamat dan Yong Peng adalah dibawah kategori kediaman PPR bertanah. Kedua-dua PPR ini diuruskan secara terus oleh Kerajaan Negeri (SUK). Manakala PPR di sekitar Johor Bahru adalah kombinasi kediaman bertingkat tinggi dan *walk-up.* Kesemua PPR di Johor Bahru diuruskan oleh ejen pengurusan yang dilantik oleh kerajaan negeri, kecuali PPR Plentong yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri (SUK).

Jadual 5.7: Keterangan Tapak PPR Negeri Sembilan

Nama PPR (Rekod JPN)	Nama Terkini	Jenis Kediaman (Bertanah /Bertingkat)	Tahun /Tarikh Serah (diduduki)	Jenis Pengisian (sewa/jual)	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras/Blok	Pengurusan
PPR Senawang	Rumah Pangsa PPR Bersepadu Senawang	Bertingkat (*walk-up*)	05.09.2006	Sewa	420	24	5 dan 6	Kerajaan Negeri (SUK)

Jadual 5.8: Keterangan Tapak PPR Negeri Melaka

Nama PPR (Rekod JPN)	Nama Terkini	Jenis Kediaman (Bertanah /Bertingkat)	Tahun /Tarikh Serah (diduduki)	Jenis Pengisian (sewa/jual)	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras/Blok	Pengurusan
PPR Batu Berendam	PPR Sungai Putat	Bertingkat (*walk-up*)	2013	Jual	336	6	5	Badan Pengurusan Bersama (JMB)

Jadual 5.9: Keterangan Tapak PPR Negeri Johor

Nama PPR (Rekod JPN)	Nama Terkini	Jenis Kediaman (Bertanah /Bertingkat)	Tahun /Tarikh Serah (diduduki)	Jenis Pengisian (sewa/jual)	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras/Blok	Pengurusan
PPR Sri Stulang	PPR Sri Stulang	Bertingkat (*walk-up*)	27.12.2007	Sewa	1500	22	5	Lantikan Ejen Pengurusan oleh Kerajaan Negeri
PPR Tebrau	PPR Taman Desa Mutiara	Bertingkat (*walk-up*)	15.07.2008	Sewa	2000	22	5	Lantikan Ejen Pengurusan oleh Kerajaan Negeri
PPR Pasir Pelangi	PPR Iskandar	Bertingkat (*walk-up*)	2009	Sewa	960	9	5	Lantikan Ejen Pengurusan oleh Kerajaan Negeri
PPR Plentong	Rumah Pangsa Bandar Sri Alam	Bertingkat (*walk-up*)	21.11.2002	Sewa	240	3	5	Kerajaan Negeri (SUK)
PPR Tampoi	PPR Taman Kempas Permai	Bertingkat (tinggi)	2009 (masih di dalam proses penempatan penyewa)	Sewa	2252	7	17	Lantikan Ejen Pengurusan oleh Kerajaan Negeri
PPR Sungai Melana	PPR Melana Indah	Bertingkat (tinggi)	2015 (masih di dalam proses penempatan penyewa)	Sewa	1170	3	11 - 12	Lantikan Ejen Pengurusan oleh Kerajaan Negeri
PPR Batu Anam, Segamat	Rumah Rakyat Batu Anam	Bertanah (teres setingkat)	27.04.2011	Sewa	102	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Yong Peng Fasa II, Batu Pahat	Taman JPN, Yong Peng	Bertanah (teres setingkat)	27.04.2011	Sewa	54	-	-	Kerajaan Negeri

5.1.5 Keterangan Tapak PPR Negeri Terengganu dan Pahang

Untuk kajian ini, hanya satu PPR yang disenaraikan oleh JPN di negeri Terengganu yang mula didiami pada tahun 2015 (rujuk Jadual 5.10). Bangunan 3 blok setinggi 13 tingkat dengan jumlah unit sebanyak 1002, diuruskan oleh anak syarikat kerajaan negeri.

Berdasarkan Jadual 5.11, kesemua PPR di negeri Pahang adalah jenis kediaman bertanah (rumah teres dan rumah berkembar) dan kesemua unit PPR ini adalah unit dijual. Buat masa kini, pengurusan adalah di bawah kerajaan negeri Pahang.

Jadual 5.10: Keterangan Tapak PPR Negeri Terengganu

Nama PPR (Rekod JPN)	Nama Terkini	Jenis Kediaman (Bertanah /Bertingkat)	Tahun /Tarikh Serah (diduduki)	Jenis Pengisian (sewa/jual)	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras/Blok	Pengurusan
PPR Padang Hiliran	PPR Padang Hiliran	Bertingkat (tinggi)	20.09.2015	Sewa	1002	3	17	Anak Syarikat Kerajaan Negeri

Jadual 5.11: Keterangan Tapak PPR Negeri Pahang

Nama PPR (Rekod JPN)	Nama Terkini	Jenis Kediaman (Bertanah /Bertingkat)	Tahun /Tarikh Serah (diduduki)	Jenis Pengisian (sewa/jual)	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras/Blok	Pengurusan
PPR Tanjung Putus	Taman Perumahan Lechar	Bertanah (teres setingkat)	24.03.2008	Jual	100	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Batu 17 Tersang	Taman Dato' Tengku Paris	Bertanah (teres setingkat)	04.09.2008	Jual	150	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Padang Tengku	Taman Dahlia	Bertanah (teres setingkat)	08.06.2007	Jual	100	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Kerambit	Taman Kerambit Jaya	Bertanah (teres setingkat)	24.02.2009	Jual	100			Kerajaan Negeri
PPR Jerantut	Taman PAKR Bandar Baru (Taman Empat Ratus Sepuloh)	Bertanah (teres setingkat)	21.07.2014	Jual	47	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Paya Sok	Taman Desa Seroja	Bertanah (teres setingkat)	04.11.2009	Jual	100	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Ibol Tunggal	Taman Ibol Jaya	Bertanah (teres setingkat)	20.04.2009	Jual	100	-	-	Kerajaan Negeri

Nama PPR (Rekod JPN)	Nama Terkini	Jenis Kediaman (Bertanah /Bertingkat)	Tahun /Tarikh Serah (dididuki)	Jenis Pengisian (sewa/jual)	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras/Blok	Pengurusan
PPR Jengka	Taman Jengka Impian	Bertanah (teres setingkat)	11.08.2008	Jual	300	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Pamah Kaseh	Taman Pamah Kasih	Bertanah (teres setingkat)	28.11.2006	Jual	150	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Bolok Hilir	Taman Lanchang Permai	Bertanah (teres setingkat)	18.12.2008	Jual	150	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Bukit Mendi	Taman Tanjung Jaya	Bertanah (teres setingkat)	29.07.2008	Jual	150	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Muadzam Shah	Taman Desa Cempaka	Bertanah (teres setingkat)	22.03.2007	Jual	150	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Paloh Hinai	Taman Selasih	Bertanah (teres setingkat)	09.07.2008	Jual	150	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Tanjung Selangor Fasa I	Taman Sri Tanjung Selangor	Bertanah (teres setingkat)	05.11.2008	Jual	100	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Tanjung Selangor Fasa II	Taman Sri Tanjung Selangor	Bertanah (berkembar setingkat)	16.04.2010	Jual	62	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Kuala Pahang Fasa I	Taman Melor	Bertanah (berkembar setingkat)	31.10.2008	Jual	318	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Kuala Pahang Fasa II	Taman Melati	Bertanah (berkembar setingkat)	16.07.2010	Jual	32	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Tanjung Agas	Taman Tanjung Agas Rosa	Bertanah (teres setingkat)	28.08.2008	Jual	150	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Tanjung Batu	Taman Bunga Tanjung	Bertanah (berkembar setingkat)	24.02.2009	Jual	150	-	-	Kerajaan Negeri

Nama PPR (Rekod JPN)	Nama Terkini	Jenis Kediaman (Bertanah /Bertingkat)	Tahun /Tarikh Serah (diduduki)	Jenis Pengisian (sewa/jual)	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras/Blok	Pengurusan
PPR Pandan Luar Nenasi	Taman Seri Pandan	Bertanah (berkembar setingkat)	05.09.2014	Jual	164	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Leban Chondong	Taman Menchali Indah	Bertanah (teres setingkat)	11.06.2014	Jual	100	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Parit Raja	PPR Pontian Jaya	Bertanah (teres setingkat)	08.03.2008	Jual	150	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Kampung Hijrah	Perumahan Rakyat Kampung Hijrah Perdana	Bertanah (teres setingkat)	15.11.2008	Jual	150	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Kampung Baru Gambang	PPR Gambang Makmur	Bertanah (teres setingkat)	29.09.2008	Jual	150	-	-	Kerajaan Negeri
PPR Sri Jaya	Taman Sri Jaya Makmur	Bertanah (teres setingkat)	11.02.2013	Jual	150	-	-	Kerajaan Negeri

5.1.6 Keterangan Tapak PPR Negeri Sabah

Jadual 5.12 merujuk kepada keterangan tapak PPR di negeri Sabah yang terletak di daerah Sandakan dan Tawau. Kesemua PPR disewa ini merupakan kediaman bertingkat *walk-up* dengan kapasiti unit di antara 500 hingga 1000 unit. PPR Sandakan mula diduduki pada tahun 2006 dan kesemuanya diuruskan oleh pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Perbandaran Sandakan. Bagi PPR di Tawau pula, ejen pengurusan dilantik oleh pihak kerajaan negeri bagi mengurus ke dua-dua PPR berkenaan.

Jadual 5.12: Keterangan Tapak PPR Negeri Sabah

Nama PPR (Rekod JPN)	Nama Terkini	Jenis Kediaman (Bertanah /Bertingkat)	Tahun /Tarikh Serah (diduduki)	Jenis Pengisian (sewa/jual)	Bil Unit	Bil Blok	Bil Aras/Blok	Pengurusan
PPR Batu 4, Sandakan	Taman Mesra	Bertingkat (*walk-up*)	23.01.2006	Sewa	1000	57	5	Kerajaan Negeri (Pihak Berkuasa Tempatan)
PPR Batu 7, Jln Army Camp, Sandakan	PPR Taman Murni	Bertingkat (*walk-up*)	11.01.2011	Sewa	500	7	5	Kerajaan Negeri (Pihak Berkuasa Tempatan)
PPR Jln Lintas Sibugar, Sandakan	PPR Lintas Sibugar	Bertingkat (*walk-up*)	20.01.2014	Sewa	500	7	5	Kerajaan Negeri (Pihak Berkuasa Tempatan)
PPR Jalan Labuk, Sandakan	PPR Sungai Manila	Bertingkat (*walk-up*)	01.03.2014	Sewa	1000	14	5	Kerajaan Negeri (Pihak Berkuasa Tempatan)
PPR Bt 8, Jalan Apas, Tawau	Taman Sri Apas	Bertingkat (*walk-up*)	17.04.2010	Sewa	900	8	5	Lantikan Ejen Pengurusan oleh Kerajaan Negeri
PPR Balung II, Tawau	Taman Sri Balung	Bertingkat (*walk-up*)	28.08.2004	Sewa	972	16	5	Lantikan Ejen Pengurusan oleh Kerajaan Negeri

5.2 Penemuan Dan Perbandingan Skor Penarafan PPR Mengikut Negeri

Berdasarkan dapatan penarafan keadaan di setiap lokasi tapak PPR, laporan ini menganalisis perbandingan penarafan skor BCARS (*Building Condition Assessment Rating System*) bagi setiap negeri. Perbandingan ini bertujuan mendapatkan gambaran pebezaan skor bagi setiap negeri.

Penarafan skor di lakukan terhadap dua elemen iaitu bangunan (blok kediaman) dan infra (infrastruktur dan fizikal persekitaran). Pembahagian kepada dua elemen ini adalah disebabkan faktor penggunaan dan keutamaan penyelenggaraan.

Jadual 5.13 menunjukkan klasifikasi penarafan bangunan bagi setiap skor BCARS yang diperolehi.

Jadual 5.13: Klasifikasi Penarafan Bangunan

Gred Penarafan	Keadaan/ Kondisi	Matrik Tindakan	Skor
A	Sangat Baik	Penyelenggaraan berjadual	1 hingga 5
B	Baik	Penyelenggaraan berdasarkan keadaan (*Condition based*)	6 hingga 10
C	Sederhana	Pembaikan	11 hingga 15
D	Kritikal	Pemulihan	16 hingga 20
E	Sangat Kritikal	Penggantian	21 hingga 25

Sumber: Garis Panduan Pemeriksaan dan Penilaian Keadaan Bangunan Sedia ada, JKR Jadual 7, ms 023)

Rajah 5.1 hingga Rajah 5.12 menunjukkan perbandingan skor penarafan mengikut negeri.

5.2.1 Analisis Skor Penarafan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Rajah 5.1 menunjukkan skor penarafan bagi 26 tapak PPR di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Skor penarafan bagi majoriti PPR ini dapat dirumuskan sebagai Baik bagi bangunan dan infra. Merujuk kepada jadual klasifikasi penarafan, secara umumnya penyelenggaraan berdasarkan keadaan (*condition based*) adalah cadangan tindakan yang perlu dipraktikan oleh pihak pengurusan penyelenggaran PPR di Wilayah Persekutuan. Walaubagaimanapun sebagai penambahbaikan untuk jangka masa panjang, penyelenggaraan berjadual perlu diberi penekanan.

Hanya PPR Salak Selatan, PPR Intan Baiduri dan PPR Bukit Jalil I menunjukkan penarafan Sederhana bagi bangunan dan infra. Manakala, PPR Lembah Pantai Kerinchi, PPR KL Linear City II FI, PPR KL Linear City II FII, PPR Kg Baru Air Panas Tambahan dan PPR Jalan Cochrane mencatatkan skor penarafan Sederhana bagi infra.



	SUNGAI	WAHYU I	WAHYU II	PEKAN	BATU	PANTAI	PUDU	INTAN	LIN I	LIN II,FI	LIN II, FII	SALAK	SERI	PERMAI	BUNUS I	BUNUS II	BARU	MUH	COCH	LIMAU	AMPANG	LAP F1	LAP F2	KEPONG	JALIL I	JALIL II
Bangunan	8.4	7.8	9.9	9.2	8.2	9.7	10.1	10.9	9.9	8.4	9.7	11.5	8.1	7.9	7.6	6.9	9.6	9.3	10.1	8.9	8.5	8.1	8	9.8	14.5	14.3
Infra	9.4	8.7	10.1	8.1	8	11.5	9.2	10.6	10.2	10.6	10.7	11	7.9	10.2	6.9	7.7	11	9.1	11.9	7.1	9.4	9.7	9.7	8.9	11.9	7.7

Petunjuk :

SUNGAI	*PPR Sungai Besi*
WAHYU I	*PPR Taman Wahyu I*
WAHYU II	*PPR Taman Wahyu II*
PEKAN	*PPR Pekan Batu*
BATU	*PPR Kg. Batu Muda*
PANTAI	*PPR L. Pantai Kerinchi*
PUDU	*PPR Pudu Ulu*
INTAN	*PPR Intan Baiduri*
LIN I	*PPR KL Linear City I*
LIN II, FI	*PPR KL Linear City II, FI*
LIN II, FII	*PPR KL Linear City II, FII*
SALAK	*PPR Salak Selatan*
SERI	*PPR Kg Seri Malaysia*
PERMAI	*PPR Kg Malaysia Permai*
BUNUS I	*PPR Sungai Bunus Air Jernis (Seri Semarak)*
BUNUS II	*PPR Sungai Bunus Air Jernis (Sg. Bonus)*
BARU	*PPR Kg Baru Air Panas Tambahan*
MUH	*Kg Muhibbah Jln Puchong*
COCH	*PPR Jln Cochrane*
LIMAU	*PPR Kg Limau Pantai Dalam*
AMPANG	*PPR Ampang Hilir*
LAP F1	*PPR Jalan Lapangan Terbang Lama F1*
LAP F2	*PPR Jalan Lapangan Terbang Lama F2*
KEPONG	*PPR Pekan Kepong*
JALIL I	*PPR Bukit Jalil I*
JALIL II	*PPR Bukit Jalil II*

Rajah 5.1: Skor Penarafan PPR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
PPR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

5.2.2 Analisis Skor Penarafan bagi Negeri Selangor

Rajah 5.2 menunjukkan skor penarafan empat (4) lokasi PPR di Selangor. Analisis menunjukkan skor penarafan bangunan dan infra bagi PPR Lembah Subang I adalah Sederhana secara keseluruhannya. Manakala, penarafan bangunan dan infra PPR Lembah Subang II berada dalam keadaan Baik. Bagi PPR Serendah KTM, skor penarafan adalah Sederhana bagi bangunan dan Baik bagi infra. Sebaliknya, PPR Kg Hassan merekodkan skor penarafan Baik bagi bangunan dan Sederhana bagi infra.

Merujuk kepada jadual klasifikasi penarafan, skor Sederhana memerlukan tindakan pembaikan mengikut keutamaan terhadap kecacatan dan kerosakan seperti yang telah direkodkan.



Rajah 5.2: Skor Penarafan PPR Negeri Selangor

5.2.3 Analisis Skor Penarafan bagi Negeri Perlis

Rajah 5.3 menunjukkan skor penarafan bagi PPR di negeri Perlis. Dua (2) PPR terlibat dalam kajian ini iaitu PPR Mukim Sena dan PPR Taman Wai Permai. Analisis menunjukkan skor penarafan bangunan dan infra bagi PPR Taman Wai Permai secara keseluruhannya berada dalam keadaan Baik. Penarafan bangunan dan infra bagi PPR Mukim Sena berada dalam keadaan Baik dan Sederhana, Merujuk kepada klasifikasi penarafan, pihak pengurusan PPR Mukim Sena perlu melaksanakan tindakan pembaikan mengikut keutamaan terhadap kecacatan dan kerosakan elemen infra seperti yang direkodkan.



Rajah 5.3: Skor Penarafan PPR Negeri Perlis

5.2.4 Analisis Skor Penarafan bagi Negeri Kedah

Rajah 5.4 menunjukkan skor penarafan bagi PPR di Negeri Kedah. Dua (2) PPR terlibat dalam kajian ini iaitu PPR Paya Nahu dan PPR Kuah. Analisis menunjukkan skor penarafan infra bagi kedua-dua PPR berada dalam keadaan Sederhana. Bagi penarafan bangunan, PPR Kuah berada dalam keadaan Baik, manakala penarafan bangunan bagi PPR Paya Nahu adalah Sederhana. Pihak pengurusan PPR iaitu kerajaan negeri perlulah melaksanakan tindakan penyelenggaran pembaikan berdasarkan keutamaan khususnya kerosakan yang boleh menjejaskan aspek keselamatan penghuni, bangunan dan persekitaran seperti yang telah direkodkan.



Rajah 5.4: Skor Penarafan PPR Negeri Kedah

5.2.5 Analisis Skor Penarafan bagi Negeri Pulau Pinang

Rajah 5.5 menunjukkan skor penarafan bagi dua (2) lokasi PPR di Negeri Pulau Pinang. Kedua-dua PPR ini adalah kategori kediaman bertingkat dengan lif (tinggi). Analisis menunjukkan skor penarafan infra dan bangunan bagi PPR Lorong Selamat dalam keadaan Baik. Skor penarafan Baik bermaksud PPR berkenaan memerlukan penyelenggaraan berdasarkan keadaan (*condition based*), Manakala, penarafan bangunan dan infra PPR Jalan Thamby berada dalam keadaan Sederhana. Pihak pengurusan PPR iaitu kerajaan negeri perlulah melaksanakan tindakan penyelenggaran pembaikan berdasarkan keutamaan khususnya kerosakan yang boleh menjejaskan aspek keselamatan penghuni, bangunan dan persekitaran seperti yang telah direkodkan.



Rajah 5.5: Skor Penarafan PPR Negeri Pulau Pinang

5.2.6 Analisis Skor Penarafan bagi Negeri Perak

Rajah 5.6 menunjukkan skor penarafan bagi 6 tapak PPR di Negeri Perak. Skor penarafan bangunan dan infra bagi majoriti PPR ini dapat dirumuskan sebagai Baik. Merujuk kepada jadual klasifikasi penarafan, secara umumnya penyelenggaraan berdasarkan keadaan (*condition based*) perlu dipratikkan oleh pihak pengurusan penyelenggaran PPR di masa akan datang.

Selain itu, hanya PPR Batu 2 ½ Taiping mencatatkan skor penarafan Sederhana bagi infra dan PPR Kampar mencatatkan skor penarafan Sederhana bagi bangunan. Penarafan Sederhana ini memerlukan pihak pengurusan melaksanakan tindakan pembaikan terhadap kecacatan dan kerosakan elemen infra seperti yang telah direkodkan.



Petunjuk:

KAMPAR	*PPR kampar*	*IPOH*	*PPR Ipoh KTM*	*BNTG*	*PPR Buntung*
SUNGAI	*PPR Sungai KTM*	*MALIM*	*PPR Tanjung Malim*	*BATU*	*PPR Batu 2 ½ Taiping*
KTM	*PPR Batu Gajah KTM*				

Rajah 5.6: Skor Penarafan PPR Negeri Perak

5.2.7 Analisis Skor Penarafan bagi Negeri Sembilan

Rajah 5.7 menunjukkan skor penarafan bagi PPR di Negeri Sembilan. Hanya satu (1) PPR terlibat dalam kajian ini iaitu PPR Senawang. Analisis menunjukkan penarafan bangunan dan infra bagi PPR berada dalam keadaan Sederhana. Berdasarkan garis panduan, penarafan Sederhana memerlukan pihak pengurusan melaksanakan tindakan pembaikan terhadap kecacatan dan kerosakan elemen bangunan dan infra seperti yang telah direkodkan.



Rajah 5.7: Skor Penarafan PPR Negeri Sembilan

5.2.8 Analisis Skor Penarafan bagi Negeri Melaka.

Rajah 5.8 menunjukkan skor penarafan bagi PPR di Negeri Melaka. Hanya satu (1) PPR terlibat dalam kajian ini iaitu PPR Batu Berendam. Analisis menunjukkan penarafan bagi bangunan adalah Baik. Berdasarkan garis panduan, penarafan Baik memerlukan tindakan penyelenggaraan berdasarkan keadaan (*condition based*). Manakala, keputusan penarafan bagi infra pula berada dalam keadaan Sederhana. Tindakan penyelenggaraan pembaikan perlu ditekankan oleh pihak Badan Pengurusan Bersama.



Rajah 5.8: Skor Penarafan PPR Negeri Melaka

5.2.9 Analisis Skor Penarafan bagi Negeri Johor

Rajah 5.9 menunjukkan skor penarafan bagi 8 lokasi PPR di Negeri Johor. Bagi penarafan bangunan, PPR Sungai Melana Fasa 1 dan PPR Tebrau menunjukkan skor penarafan pada tahap Sederhana. Manakala, bagi penarafan Infra, PPR Tebrau, PPR Sri Stulang dan PPR Pasir Pelangi mencatatkan skor penarafan Sederhana. Berdasarkan garis panduan, penarafan Sederhana bermaksud PPR memerlukan tindakan penyelenggaran pembaikan.

Manakala kedua-dua PPR kediaman bertanah iaitu PPR Batu Anam dan PPR Yong Peng Fasa II mencatatkan keputusan Sangat Baik dan Baik. Indikasi Sangat Baik memerlukan pihak pengurusan mengamalkan penyelenggaraan berjadual secara berterusan bagi mengelak masalah kerosakan/kecacatan akan datang.



Petunjuk:

PLE	*PPR Plentong*	*PAS*	*PPR Pasir Pelangi*	*YON*	*PPR Yong Peng*
TEB	*PPR Tebrau*	*TAM*	*PPR Tampoi*	*SUN*	*PPR Sungai Melana*
SRI	*PPR Sri Stulang*	*BAT*	*PPR Batu Anam*		

Rajah 5.9: Perbandingan Skor Penarafan PPR Negeri Johor

5.2.10 Analisis Skor Penarafan bagi Negeri Terengganu

Rajah 5.10 menunjukkan skor penarafan bagi PPR di Negeri Terengganu. Hanya satu (1) PPR terlibat dalam kajian ini iaitu PPR Padang Hiliran. Analisis menunjukkan penarafan bangunan dan infra bagi PPR Padang Hiliran berada dalam keadaan Baik.

Berdasarkan garis panduan, penarafan Baik ini memerlukan tindakan penyelenggaraan berdasarkan keadaan (*condition based*). Walaubagaimanapun penyelenggaraan berjadual dicadangkan sebagai penambahbaikan skor penarafan ke tahap sangat baik.



Rajah 5.10: Skor Penarafan Negeri Terengganu

5.2.11 Analisis Skor Penarafan bagi Negeri Pahang

Rajah 5.11 menunjukkan perbandingan skor penarafan PPR bagi negeri Pahang. Semua tapak PPR adalah jenis kediaman bertanah dan berstatus di jual. Bagi penarafan bangunan, majoriti skor penarafan adalah Baik. Manakala, bagi penarafan infra, 15 dari 25 tapak PPR mencatatkan penarafan Sederhana. Hanya tiga (3) daripada 25 tapak PPR mendapat penarafan Sederhana bagi bangunan dan infra iaitu PPR Jengka, PPR Bukit Mendi dan PPR Muadzam. Penarafan Sederhana ini menunjukkan PPR berkenaan memerlukan tindakan pembaikan mengikut keutamaan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Tiada keputusan Sangat Baik diperolehi bagi penarafan bangunan dan infra di negeri Pahang.



	MUAD	PARIT	LEBAN	KER	PDG	JEN	SRI	BKT	TER	TAN	BOLOK	PAMAH	PAYA	AGAS	PALOH	KUA I	KUA II	SEL I	SEL II	BATU	PAN	HIJ	GAM	IBOL	JER
Bangunan	10.9	9.4	9.8	8.9	10.2	10.6	7.8	10.5	10.1	9.8	9.3	10.4	9.9	10.1	7.3	8.4	7.7	9.5	9.8	9.5	6.8	8.2	7.9	9	7.9
Infra	11.1	11	11.6	9.9	10.3	11.6	13.2	13.5	12.8	10.9	11.3	9.8	13.4	8.4	10.6	9.9	7.1	12.3	10.7	11	9.8	8.3	9.2	12.2	6.9

Petunjuk :

MUAD	*PPR Muadzam Shah*
PARIT	*PPR Parit Raja*
LEBAN	*PPR Leban Chondong*
KER	*PPR Kerambit*
PDG	*PPR Padang Tengku*
JEN	*PPR Jengka*
SRI	*PPR Sri Jaya*
BKT	*PPR Bukit Mendi*
TER	*PPR Batu 17, Tersang*
TAN	*PPR Tanjung Putus*
BOLOK	*PPR Bolok Hilir*
PAMAH	*PPR Pamah Kaseh*
PAYA	*PPR Paya Sok*
AGAS	*PPR Tanjung Agas*
PALOH	*PPR Paloh Hinai*
KUA I	*PPR Kuala Pahang Fasa I*
KUA II	*PPR Kuala Pahang Fasa II*
SEL I	*PPR Tanjung Selangor Fasa I*
SEL II	*PPR Tanjung Selangor Fasa II*
BATU	*PPR Tanjung Batu*
PAN	*PPR Pandan Luar Nenasi*
HIJ	*PPR Kg Hijrah*
GAM	*PPR Kg Baru Gambang*
IBOL	*PPR Ibol Tunggal*
JER	*PPR Jerantut*

Rajah 5.11: Skor Penarafan PPR Negeri Pahang

5.2.12 Analisis Skor Penarafan bagi Negeri Sabah

Rajah 5.12 menunjukkan skor penarafan bagi enam (6) lokasi PPR di Negeri Sabah. Empat (4) lokasi PPR berada di dalam zon Sandakan, manakala baki dua (2) PPR berada di dalam zon Tawau. Jenis kediaman bagi semua PPR di negeri ini adalah kediaman bertingkat tanpa lif (*walk-up*). Penarafan PPR Jalan Lintas Sibugar dan PPR Balung I, merekodkan skor penarafan Baik untuk kedua-dua bangunan dan infra. Manakala, lain-lain PPR menunjukkan skor penarafan pada tahap Sederhana bagi bangunan dan infra.

Skor penarafan Baik bermaksud PPR berkenaan memerlukan penyelenggaraan berdasarkan keadaan (*condition based*), manakala penarafan Sederhana, memerlukan tindakan pembaikan dan perlu dilaksanakan mengikut keutamaan oleh pihak bertanggungjawab. Tiada keputusan Sangat baik atau Kritikal diperolehi bagi penafaran PPR di negeri Sabah.



Petunjuk:

SG	*PPR Sg Manila, Jalan Labuk*	*BATU 7*	*PPR Bt 7, Jln Army Camp*	*BALUNG II*	*PPR Balung II*
BATU 4	*PPR Bt 4, Sandakan*	*LINTAS*	*PPR Jalan Lintas Sibugar*	*BATU 8*	*PPR Balung II*

Rajah 5.12: Skor Penarafan PPR Negeri Sabah

5.3 Penemuan dan Perbandingan Punca-punca Kecacatan PPR Mengikut Negeri

Kajian ini menetapkan lapan (8) punca bagi menentukan penyebab kepada kecacatan/kerosakan yang telah dikenalpasti semasa pemeriksaan fizikal pada bangunan dan infra disetiap PPR. Punca-punca berkenaan ialah; rekabentuk, penyelenggaraan, bahan binaan, pembinaan, alam sekitar, manusia-pengguna, serangga dan bencana alam.

Merujuk kepada Rajah 5.13, analisis dapatan punca-punca ini memberi gambaran penyumbang kepada kecacatan/kerosakan bangunan dan infra. Dapatan ini boleh memberi *input* dan panduan kepada pihak berkaitan untuk penambahbaikan proses pembangunan dan pembinaan PPR di masa hadapan.



	Rekabentuk	Penyelenggaraan	Bahan Binaan	Pembinaan	Alam sekitar	Penggunaan	Serangga	Bencana Alam
Infra	0.11%	38.55%	10.88%	12.83%	11.76%	25.49%	0.37%	0.00%
Bangunan	0.90%	37.24%	15.69%	14.30%	17.33%	14.01%	0.53%	0.01%

Rajah 5.13: Analisis Keseluruhan Punca Kecacatan/Kerosakan Bangunan dan Infra

Secara keseluruhannya, penyelenggaraan merupakan punca penyumbang utama kecacatan/kerosakan pada bangunan (37.24%) dan infra (38.55%). Bagi keadaan bangunan, alam sekitar merupakan punca kedua (17.33%) menyebabkan kecacatan/kerosakan, diikuti oleh bahan binaan (15.69%), pembinaan (14.30%) dan penggunaan (14.01%).

Bagi kecacatan/kerosakan infra, penggunaan manusia merupakan punca kedua kecacatan/kerosakan (25.49%). Turutan seterusnya adalah pembinaan (12.83%), alam sekitar (11.76%) dan bahan binaan (10.88%). Rekabentuk (0.90% untuk bangunan, 0.11% untuk infra) dan serangga (0.53% untuk bangunan, 0.37% untuk infra) secara amnya kurang memberi implikasi ke atas kecacatan/kerosakan bagi bangunan dan infra. Manakala punca bencana alam hampir tidak memberikan kesan yang signifikan kepada kecacatan/kerosakan bangunan dan infra apabila analisis menunjukkan peratusan kurang daripada 0.05%.

Berdasarkan analisis punca kecacatan/kerosakan di atas, dapat dirumuskan bahawa penyelenggaraan perlu diberi perhatian yang serius. Pendekatan penyelenggaraan samada melalui penyelenggaraan berjadual atau penyelenggaraan berdasarkan keadaan (*Condition based*) perlu diberi keutamaan di dalam menentukan prestasi dan fungsi yang membolehkan sesebuah bangunan dan infra berada pada tahap seperti yang dikehendaki.

Rajah 5.14 hingga 5.25 menunjukkan carta pecahan punca kecacatan/kerosakan bagi bangunan dan infra mengikut negeri.



Rajah 5.14: Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Rajah 5.15: Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Selangor



Rajah 5.16: Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Perlis



Rajah 5.17: Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Kedah



	Rekabentuk	Penyelenggaraan	Bahan Binaan	Pembinaan	Alam sekitar	Penggunaan	Serangga	Bencana Alam
Bangunan	0.00%	31.96%	21.68%	18.32%	15.33%	11.59%	1.12%	0.00%
Infra	0.00%	41.00%	9.00%	12.00%	16.00%	22.00%	0.00%	0.00%

Rajah 5.18: Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Pulau Pinang



	Rekabentuk	Penyelenggaraan	Bahan Binaan	Pembinaan	Alam sekitar	Penggunaan	Serangga	Bencana Alam
Bangunan	0.00%	36.63%	18.72%	12.60%	22.95%	8.91%	0.18%	0.00%
Infra	0.00%	26.99%	16.56%	18.71%	14.72%	23.01%	0.00%	0.00%

Rajah 5.19: Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Perak



	Rekabentuk	Penyelenggaraan	Bahan Binaan	Pembinaan	Alam sekitar	Penggunaan	Serangga	Bencana Alam
Bangunan	0.00%	16.12%	32.23%	26.86%	15.29%	9.09%	0.41%	0.00%
Infra	0.00%	13.95%	2.33%	9.30%	13.95%	60.47%	0.00%	0.00%

Rajah 5.20 Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Sembilan



	Rekabentuk	Penyelenggaraan	Bahan Binaan	Pembinaan	Alam sekitar	Penggunaan	Serangga	Bencana Alam
Bangunan	0.00%	36.54%	16.67%	17.95%	5.13%	22.44%	1.28%	0.00%
Infra	0.00%	35.19%	22.22%	14.81%	5.56%	22.22%	0.00%	0.00%

Rajah 5.21: Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Melaka



	Rekabentuk	Penyelenggaraan	Bahan Binaan	Pembinaan	Alam sekitar	Penggunaan	Serangga	Bencana Alam
Bangunan	7.15%	21.38%	15.64%	19.64%	18.72%	17.35%	0.09%	0.03%
Infra	0.23%	18.72%	6.85%	21.00%	19.18%	34.02%	0.00%	0.00%

Rajah 5.22: Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Johor



	Rekabentuk	Penyelenggaraan	Bahan Binaan	Pembinaan	Alam sekitar	Penggunaan	Serangga	Bencana Alam
Bangunan	0.00%	44.00%	7.00%	9.00%	13.00%	27.00%	0.00%	0.00%
Infra	0.00%	39.00%	12.00%	19.00%	4.00%	22.00%	4.00%	0.00%

Rajah 5.23: Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Terengganu



	Rekabentuk	Penyelenggaraan	Bahan Binaan	Pembinaan	Alam sekitar	Penggunaan	Serangga	Bencana Alam
Bangunan	0.38%	40.87%	8.06%	7.26%	33.09%	10.00%	0.31%	0.03%
Infra	0.06%	37.86%	10.13%	12.35%	25.92%	13.69%	0.00%	0.00%

Rajah 5.24: Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Pahang



	Rekabentuk	Penyelenggaraan	Bahan Binaan	Pembinaan	Alam sekitar	Penggunaan	Serangga	Bencana Alam
Bangunan	3.13%	43.36%	1.52%	16.82%	22.82%	10.14%	2.20%	0.00%
Infra	0.00%	67.11%	0.00%	11.84%	11.84%	9.21%	0.00%	0.00%

Rajah 5.25: Punca Kecacatan/Kerosakan PPR Negeri Sabah

5.4 Analisis Hubungkait Terhadap Skor Penarafan PPR

Berdasarkan skor penarafan keadaan bangunan yang diperolehi, kajian ini membuat analisis hubungkait di antara skor penarafan PPR dengan maklumat keterangan tapak. Skor penarafan terdiri dari dua (2) penarafan iaitu bangunan dan infra. Manakala bagi maklumat keterangan tapak, empat (4) faktor yang dianalisis adalah umur bangunan (mengambil kira tarikh pengisian), kategori kediaman, jenis pengisian dan pendekatan pengurusan penyelenggaraan.

5.4.1 Umur Bangunan

Rajah 5.26 menunjukkan analisis hubungkait di antara skor penarafan bangunan dan infra dengan umur bangunan. Umur bangunan dikira daripada tahun pengisian, dikategorikan mengikut 3 kumpulan iaitu 5 tahun ke bawah, 5-10 tahun dan 10 tahun ke atas. Dapatan analisis menunjukkan faktor umur bangunan bukanlah penentu tahap keadaan bangunan. Sekiranya penyelenggaraan dilaksanakan dengan sewajarnya, prestasi bangunan akan sentiasa berada di dalam keadaan yang baik.



Rajah 5.26: Hubungkait di antara Penarafan Bangunan dan Infra mengikut Umur Bangunan

5.4.2 Kategori Kediaman

Rajah 5.27 menunjukkan hubungkait skor penarafan bangunan dan infra mengikut kategori kediaman iaitu bertanah, bertingkat tanpa lif (*walk-up*) dan bertingkat dengan lif (tinggi). Analisis menunjukkan kategori kediaman bertingkat (*walk-up*) memperolehi skor yang tinggi berbanding dengan kediaman bertingkat dengan lif (tinggi) dan kediaman bertanah.

Ini adalah kerana kebanyakan kediaman kategori bertingkat (*walk-up*) dibangunkan dengan susunatur blok-blok bangunan yang amat padat di dalam satu-satu kawasan berbanding pembangunan tinggi. Kawasan liputan pembangunan *walk-up* adalah luas dan mempunyai banyak pembinaan infrastruktur dan perkhidmatan bangunan yang perlu diselenggara. Kepadatan ini mempengaruhi kadar penggunaan dan permintaan penyelenggaraan.



Rajah 5.27: Hubungkait di antara Penarafan Bangunan dan Infra mengikut Kategori Kediaman

5.4.3 Jenis Pengisian

Rajah 5.28 menunjukkan hubungkait skor penarafan bangunan dan infra mengikut jenis pengisian samada dijual, disewa, atau sewa beli. Tiada perbezaan skor yang ketara bagi hubungkait di antara jenis pengisian dan penarafan bangunan apabila analisis menunjukkan keseluruhan skor untuk bangunan adalah Baik. Walaubagaimanapun terdapat hubungkait di antara jenis pengisian dan penarafan infra. Analisis menunjukkan PPR yang dijual memperolehi skor Sederhana.



Rajah 5.28: Hubungkait di antara Penarafan Bangunan dan Infra mengikut Jenis Pengisian

5.4.4 Pendekatan Pengurusan Penyelenggaraan

Rajah 5.29 menunjukan hubungkait di antara skor penarafan bangunan dan infra mengikut pendekatan pengurusan penyelenggaraan. Kajian ini mengenalpasti tiga (3) amalan pengurusan penyelenggaraan yang digunapakai oleh PPR iaitu;

i) di bawah pengurusan pihak berkuasa tempatan (PBT);

ii) di bawah kerajaan negeri seperti SUK, lembaga perumahan negeri, anak syarikat; dan

iii) lantikan ejen pengurusan.

Analisis hubungkait menunjukkan pengurusan PPR di bawah Kerajaan Negeri dan anak syarikat memperolehi skor penarafan yang paling baik. Pengurusan secara langsung tanpa lantikan pihak ketiga ini memudahkan hubungan dua hala dan pihak pengurusan Kerajaan Negeri lebih memahami persoalan dan permasalahan setempat di kawasan PPR yang diuruskan.



Rajah 5.29: Hubungkait di antara Penarafan Bangunan dan Infra mengikut Pendekatan Pengurusan Penyelenggaraan

5.5 Rumusan Analisis Kecacatan/kerosakan di PPR

Berdasarkan analisis dapatan di atas, kajian ini merumuskan kecacatan/ kerosakan bangunan berpunca dari kurangnya input penyelenggaraan di peringkat awal perancangan pembangunan sesebuah PPR. Secara umumnya, kurang penekanan kepada aspek penyelenggaraan di peringkat rekabentuk, ketika proses pembinaan dan di peringkat pemilihan bahan binaan banyak menyumbang kepada masalah berlakunya *pre-mature defect iaitu kecacatan* yang berlaku sebelum sampai tempoh jangka hayat. Selain itu, kurangnya input penyelenggaraan di peringkat rekabentuk boleh menimbulkan masalah akses kepada operasi penyelenggaraan. Masalah ini juga menyebabkan bertambahnya kerja-kerja penyelenggaraan bangunan dalam jangka masa panjang.

Berdasarkan penemuan kajian, laporan ini menumpukan kepada empat (4) punca yang saling berkaitan dan menyumbang kepada kecacatan/kerosakan iaitu; rekabentuk, pembinaan, bahan binaan dan penyelenggaraan.

5.5.1 Aspek Rekabentuk

Secara umumnya, rekabentuk PPR menepati fungsi sebagai kediaman yang baik dan kurang memberi implikasi terhadap operasi penyelenggaraan. Walaubagaimanapun, kajian ini telah mengenalpasti kecacatan/kerosakan yang berlaku ke atas elemen-elemen bangunan disebabkan oleh rekabentuk yang kurang memberi penekanan kepada aspek penyelenggaraan. Antaranya tidak menepati spesifikasi, kurang perincian dan pemilihan bahan yang kurang sesuai.

Penerangan berkaitan kecacatan/kerosakan menumpukan kepada elemen-elemen bangunan seperti berikut:

i) Struktur Kerangka Bangunan

Struktur kerangka bangunan telah direkabentuk dan dibina dengan baik, tanpa sebarang kerosakan kritikal yang boleh menjejaskan fungsi bangunan. Namun, beberapa kecacatan lain yang ketara seperti *'concrete spalling'* dan retak pada lantai telah dikenalpasti berpunca daripada mutu kerja. Kecacatan ini menyebabkan struktur terdedah kepada kelembapan dan boleh menyebabkan besi tetulang berkarat. Oleh itu, pemantauan secara berkala dan pembaikan perlu dibuat untuk memastikan kerosakan tidak terus berlaku sehingga menjejaskan integriti struktur bangunan. Antara PPR yang mengalami masalah ini ialah PPR Lembah Subang 1, Lembah Subang 2 dan PPR Mukim Sena (rujuk Foto 5.1 dan Foto 5.2).

Foto 5.1: *Concrete spalling* pada siling struktur lantai koridor di PPR Lembah Subang 1

Foto 5.2: *Concrete spalling* pada siling struktur lantai di PPR Mukim Sena

Foto 5.3: *Stalactite* terbentuk di bawah rekahan lantai konkrit di PPR Lembah Subang 1

Foto 5.4: *Stalagmite* terbentuk di atas permukaan dinding koridor di PPR Lembah Subang 1

Foto 5.5: Rekahan lepaan simen pada tiang konkrit di PPR Plentong

Semasa lawat periksa, terdapat mendapan tanah yang berlaku (rujuk Foto 5.6). Namun tidak melibatkan struktur dan tiada menunjukkan tanda-tanda kegagalan asas. Mendapan ini disebabkan oleh tanah yang tidak dipadatkan dengan sempurna semasa pembinaan. Kajian mencadangkan pemantauan berkala perlu dilakukan bagi menentukan prestasi struktur bangunan.

Foto 5.6: Pemendapan tanah sehingga 450mm di PPR Batu 4, Sandakan

ii) Bumbung

Terdapat dua jenis rekabentuk bumbung di PPR iaitu bumbung curam dan bumbung rata. Bumbung rata konkrit didapati mudah bertakung air disebabkan pembinaan kecuraman yang tidak menepati spesifikasi dan masalah '*grating/water-trap*' tersumbat dan tidak dibersihkan (rujuk Foto 5.7).

Foto 5.7: Air bertakung di permukaan bumbung rata konkrit di PPR Taman Wahyu II

Foto 5.8: Kelembapan dan cat mengelupas pada siling bumbung konkrit di PPR Lembah Subang 2

Manakala, bumbung curam sukar diselenggara kerana ketiadaan laluan selamat untuk tujuan penyelenggaraan. Pemeriksaan mendapati kemasan bumbung menunjukkan tanda-tanda kecacatan/kerosakan seperti kemasan bumbung pecah atau hilang disebabkan masalah pemasangan dan pemilihan bahan yang kurang sesuai (rujuk Foto 5.9). Penutup bumbung sepatutnya direkabentuk untuk tahan lama dengan menggunakan bahan binaan yang bermutu supaya dapat berfungsi selama sekurang-kurangnya 20 tahun sebelum kerja-kerja penggantian seterusnya.

Foto 5.9: Penutup bumbung jenis *metal decking* hilang di PPR Mukim Sena

Foto 5.10: Masalah akses untuk kerja-kerja penyelenggaraan pada bumbung curam di PPR Lembah Subang 2

Foto 5.11: Kepingan siling pada cucur atap pecah di PPR Senawang

iii) Pintu dan tingkap

Rangka pintu dan tingkap pada dinding luar tidak mengalami kecacatan/kerosakan yang ketara, kecuali rangka tingkap boleh laras yang didapati berkarat seperti yang berlaku di PPR Padang Hiliran, Terengganu (rujuk Foto 5.12).

Foto 5.12: Tingkap boleh laras berkarat di PPR Padang Hiliran

Selain itu, kegiatan vandalisme juga menyumbang kepada kerosakan pintu dan tingkap seperti daun pintu pecah, cermin tingkap hilang, *door closer* tercabut dan hilang, serta tombol rosak yang didapati sering berlaku di ruang perkhidmatan (*riser*).

iv) Kemasan

Secara amnya, kemasan dinding luar menggunakan cat yang sesuai iaitu dari jenis cat tahan cuaca. Namun, permukaan dinding luar dan koridor yang terdedah kepada cuaca, kebocoran dari bilik air dan kebocoran salur hujan menyebabkan berlakunya kelembapan dan lumut pada dinding dalam jangka masa panjang (rujuk Foto 5.13, 5.14 dan 5.15).

Foto 5.13: Kesan lumut pada permukaan dalam dinding koridor di PPR Lembah Subang 2

Foto 5.14: Kesan lumut pada permukaan luar dinding koridor di PPR Tampoi

Foto 5.15: Kesan lumut dan kelembapan pada permukaan luar dinding koridor di PPR Sungai Manila

Foto 5.16: Kebocoran dari bilik air menyebabkan dinding berlumut di PPR Sg Manila

Foto 5.17: Kebocoran dan kesan lumut pada saluran paip di PPR Lembah Subang 1

Kecacatan seperti ini boleh diatasi dengan merekabentuk unjuran bumbung yang mencukupi bagi melindungi dinding luar. *Concrete cap* juga boleh dibina pada bahagian atas dinding koridor untuk mengurangkan resapan air ke dalam dinding.

Hasil pemeriksaan juga mendapati kesan lumut pada kemasan elemen-elemen lain seperti bendul tingkap, fasia bumbung dan permukaan rasuk pada koridor. Masalah ini dapat diatasi dengan memberi penekanan kepada perincian rekabentuk bagi mengelak kelembapan berpanjangan.

v) Dinding Koridor

Sebahagian besar dinding koridor dibina menggunakan batu bata berlepa dan didapati dalam keadaan baik tanpa keretakan serius. Namun, dinding koridor perlu dicat semula dengan lebih kerap kerana mudah kotor.

Terdapat juga dinding koridor seperti di PPR Jalan Apas, Tawau yang menggunakan jerejak besi yang dicat hitam pada laluan koridor tingkat atas (Rujuk Foto 5.18). Rekabentuk dinding koridor ini kelihatan menarik, lebih terbuka dan mudah diselenggara.

Foto 5.18: Koridor dengan jerejak besi di PPR Jalan Apas, Tawau

Foto 5.19: Pembinaan *scupper drain* pada dinding koridor yang tidak menepati spesifikasi di PPR Sungai Melana

vi) Saluran kumbahan

Secara amnya, sistem perpaipan saluran kumbahan terdiri dari susunatur *single stack* dan *double stacks*. Foto 5.20 menunjukkan contoh susunatur *double stacks* yang terlindung di PPR Sri Balung II, Tawau. Sistem susunatur ini adalah lebih kemas dan mudah diselenggara.

Foto 5.20: Susunatur *double stack* yang kemas, terlindung dan mudah diselenggara di PPR Sri Balung II, Tawau.

Kedudukan perpaipan saluran kumbahan memainkan peranan yang penting di dalam kerja-kerja penyelenggaraan. Paip saluran yang berdinding seperti di PPR Paya Nahu, Sungai Petani menyukarkan kerja-kerja pembaikan dan penggantian (Rujuk Foto 5.21).

Foto 5.21: Kedudukan paip saluran di dalam dinding meyukarkan kerja-kerja pembaikan di PPR Paya Nahu

Kajian ini mencadangkan kedudukan saluran paip kumbahan direkabentuk pada kedudukan terlindung daripada pandangan umum tetapi perlu mengambil kira aspek akses untuk penyelenggaraan.

vii) Infrastruktur

Pemeriksaan di tapak mendapati penutup-penutup longkang konkrit pecah terutama pada longkang yang merentas jalan. Penutup longkang ini tidak dapat menampung beban kenderaan yang lalu di atasnya. Penutup longkang konkrit perlulah dibina lebih teguh dengan mengambil kira faktor penggunaan dan bebanan.

Jalan raya di dalam kawasan PPR adalah jenis berturap. Namun, penggunaannya di kawasan lasak seperti berhampiran rumah sampah mengundang kepada masalah turapan jalan berlubang dan pecah. Untuk

tujuan ketahanan, penggunaan '*rigid pavement*' jenis konkrit bertetulang yang lebih lasak adalah sesuai digunakan.

Foto 5.22: Penutup longkang konkrit yang pecah di PPR Sungai Putat

Foto 5.23: Penurapan jalan yang tidak mengambil kira perkhidmatan bangunan yang terdapat di dalam tanah di PPR Tebrau

Pemeriksaan di tapak juga mendapati kawasan terbuka yang menempatkan kemudahan awam, seperti taman permainan kanak-kanak dan laluan berumput terdedah kepada kerosakan akibat air hujan yang bertakung. Tanpa saliran yang sempurna, rumput mudah rosak akibat terendam. Oleh itu, dicadangkan kawasan terbuka ini disediakan saluran air tanah bagi mengalirkan air hujan ke longkang berdekatan.

Foto 5.24: Kawasan kemudahan awam ditakungi air hujan di PPR Batu 4, Sandakan

5.5.2 Aspek Pembinaan

Dari aspek pembinaan, kecacatan/kerosakan yang dikenalpasti berpunca daripada masalah pembinaan tetapi tidak menjejaskan keutuhan struktur. Kebanyakan kecacatan/kerosakan yang dikenalpasti adalah akibat daripada mutu kerja yang rendah seperti:

- kemasan lepaan lantai pecah dan retak;
- pemasangan lapisan kalis lembap yang tidak mengikut spesifikasi (rujuk Foto 5.25);
- unjuran *spout pipe* yang tidak cukup panjang (rujuk Foto 5.26);
- air bertakung di permukaan bumbung rata dan lantai (rujuk Foto 5.27);
- lapisan cat mengelupas (rujuk Foto 5.28);
- mendapan tanah;
- rekahan pada sambungan konkrit;

- air longkang bertakung;
- jalan rosak, berlubang dan bertakung (rujuk Foto 5.29);
- penutup longkang konkrit pecah;
- *scupper drain* tidak curam dan pembinaan tidak menepati spesifikasi; dan
- Pemasangan sistem kumbahan yang tidak sempurna (rujuk Foto 5.30)

Foto 5.25: Kegagalan lapisan kalis air menyebabkan kebocoran lantai di PPR Mukim Sena

Foto 5.26: Kesan kelembapan pada *awning* tingkap disebabkan air dari *spout pipe* di PPR Plentong

Foto 5.27: Air bertakung pada permukaan lantai yang tidak rata di PPR Lembah Subang 2

Foto 5.28: Penyediaan permukaan dinding yang tidak sempurna menyebabkan cat mudah mengelupas di PPR Lembah Subang 2

Foto 5.29: Permukaan jalan mendap dan bertakung di PPR Lembah Subang 2

Foto 5.30: Pemasangan sistem kumbahan yang tidak sempurna di PPR Tebrau

Mutu kerja yang rendah berpunca daripada masalah penyeliaan, kemahiran pekerja dan kewibawaan kontraktor pembinaan. Kurang penekanan terhadap mutu kerja menyebabkan kecacatan/kerosakan elemen seperti di atas. Kecacatan/kerosakan ini kerap berlaku setelah tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (*Defect Liability Period - DLP*) walaupun belum mencapai tempoh jangka hayat penggunaan.

Kajian ini mengemukakan cadangan berkaitan aspek pembinaan seperti berikut:

i) Jaminan mutu kerja oleh pihak kontraktor atau pembekal diperlukan bagi memastikan tiada kecacatan/kerosakan sebelum tempoh jangka hayat;

ii) Pemantauan dan pemeriksaan secara komprehensif dengan kerjasama pakar/perunding (contoh: Juruukur Bangunan dan Jurutera) di peringkat pembinaan dapat mengatasi masalah berkaitan dengan mutukerja;

iii) Pemantauan dan pemeriksaan secara komprehensif dengan kerjasama pakar/perunding (contoh: Juruukur Bangunan dan Jurutera) diperlukan untuk mengenalpasti kecacatan/kerosakan yang perlu dibaiki sebelum DLP tamat; dan

iv) Jaminan dari pengeluar bahan atau komponen hendaklah direkodkan dengan baik untuk rujukan akan datang.

5.5.3 Aspek Bahan Binaan

Aspek bahan binaan walaupun bukanlah punca utama kecacatan/kerosakan, tetapi penekanan perlu diambil berat bagi tujuan pencegahan. Penyelenggaraan tanpa pencegahan akan menyumbang kepada kerosakan/kecacatan yang berulang pada masa akan datang.

Kebanyakan bahan binaan yang digunakan di dalam pembinaan PPR adalah jenis konvensional. Bahan-bahan ini telah diketahui akan sifat dan kegunaannya. Namun terdapat juga penggunan bahan binaan baru yang inovatif seperti penutup lubang saliran (*inspection chamber*) dari jenis *fibre-reinforced* (rujuk 5.31), *pre-cast beading* pada dinding luar (rujuk 5.32) dan penggunaan papan fascia dari jenis *fiber cement board* (rujuk 5.33). Walaubagaimanapun, kajian ini mendapati bahan-bahan ini telah pun mengalami kecacatan dan menunjukan tanda-tanda rosak. Bahan binaan seperti ini sukar dijangka tahap kebolehselenggaraannya kerana penggunaan yang masih baru.

Foto 5.31: Penutup lubang saliran (*inspection chamber*) dari jenis *fibre-reinforced* yang mudah rosak dan tidak tahan di PPR Paloh Hinai

Foto 5.32: *Pre-cast beading* pada dinding luar menunjukan tanda-tanda rekahan pada sambungan di PPR Sungai Melana

Foto 5.33: Penggunaan papan fascia jenis *fiber cement board* di PPR Taman Wai Permai

5.5.4 Aspek Penyelenggaraan

Analisis punca kecacatan/kerosakan menunjukkan faktor penyelenggaraan sebagai punca kecacatan/kerosakan utama bagi bangunan dan infrastruktur. Data menunjukkan PPR di negeri-negeri Kedah, Perlis, Sabah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor mencatat peratusan punca penyelenggaraan melebihi 30%.

Kajian ini merumuskan penemuan beberapa isu seperti berikut:

i) Perlaksanaan kerja-kerja pembaikan kerap dilakukan berdasarkan kepada aduan yang dibuat. Kebanyakan kecacatan yang dikenalpasti ini telah melebihi tempoh pembaikan sepatutnya atau tidak lagi mengikut keutamaan.

ii) Sebahagian kecacatan dianggap tidak kritikal dan tidak memerlukan tindakan segera terutama yang melibatkan elemen-elemen awam. Kefahaman terhadap keutamaan penyelenggaraan amat penting bagi memastikan kerosakan yang lebih teruk tidak berlaku. Antara contoh kecacatan yang sepatutnya dianggap kritikal dan memerlukan tindakan segera adalah kebocoran paip. Kebocoran paip walaupun pada kadar yang sedikit boleh membahayakan penghuni bangunan kerana lantai yang licin.

Kehilangan jerejak pada susur tangga dan koridor boleh menyebabkan kanak-kanak terjatuh yang boleh menyebabkan kecederaan atau kematian (rujuk Foto 5.35). Kehilangan penutup lurang saliran (*inspection chamber*) dan penutup longkang konkrit boleh menyebabkan kemalangan kepada penghuni. Manakala kebocoran pada bumbung boleh menyebabkan siling di bawahnya rosak dan juga berbahaya kepada saluran elektrik apabila air dapat mengalir ke dalam konduit.

Foto 5.34 : Kawat dawai pada susur tangan tidak diganti boleh mendatangkan bahaya kepada penghuni di PPR Senawang

Foto 5.35: Kehilangan jerejak dan susur tangan pada tangga di PPR Tebrau

Foto 5.36: Tingkap *top hung* yang rosak boleh mendatang kecederaan kepada penghuni di PPR Sungai Putat

iii) Selain daripada faktor implikasi kecacatan/kerosakan pada jangka masa panjang, pihak atau ejen yang menyelenggara perlu memberi keutamaan tindakan kerja-kerja penyelenggaraan di bahagian *common area*, memandangkan kawasan ini merupakan tumpuan utama seperti laluan tangga, koridor dan lobi.

iv) Sebahagian bahan dan komponen bangunan didapati telah sampai tempoh jangkahayat, rosak teruk dan memerlukan penggantian. Oleh itu, kerja-kerja penggantian seperti mengecat semula dinding, penggantian lapis kalis air, penggantian penutup bumbung, siling dan sebagainya perlu dilaksanakan menggunakan *sinking fund* yang sapatutnya disediakan secara terancang untuk PPR yang sudah melebihi usia 5 tahun.

Foto 5.37: Keperluan mengecat bangunan setiap 5 tahun (sekiranya diperlukan) memerlukan peruntukan *Sinking fund*

Foto 5.38: Masalah lapisan kalis air dan kelembapan dari bilik air di PPR Lembah Subang 1

Foto 5.39: Saluran air hujan yang tidak berfungsi dengan baik menyebabkan kelembapan pada struktur bangunan di PPR Tampoi

Jadual 5.14 menunjukkan contoh jadual Kitaran Penggantian elemen-elemen bangunan. *Sinking fund* perlu disediakan berdasarkan jadual penggantian di atas.

Jadual 5.14: Contoh Kitaran Penggantian (*renewal cycles*) elemen mengikut jangka hayat



v) Sebahagian kerja-kerja pembaikan tidak mengikut spesifikasi asal atau spesifikasi yang lebih baik. Ini disebabkan kurangnya pengetahuan teknikal dan pengalaman. Kerja-kerja seperti membaiki kebocoran, menampal, menjubin, melepa, membina semula dan mengganti memerlukan pengetahuan teknikal, kemahiran dan seliaan.

Foto 5.40: Kemasan jubin dinding mudah tertanggal sekiranya tidak dipasang dengan betul

Foto 5.41: Penutup *inspection chamber* diganti dengan kayu dan papan lapis

Foto 5.42: Pengubahsuaian saluran paip menjejaskan laluan dan pandangan di PPR Lembah Subang 2

vi) Skop kerja yang tidak jelas menyebabkan mutu kerja-kerja penyelenggaraan berada pada tahap yang tidak memuaskan. Contohnya seperti skop kerja menyapu sahaja tanpa kerja-kerja *mop* atau membasuh secara berkala menyebabkan permukaan lantai dan tangga di bangunan PPR kelihatan sangat kotor, hitam dan berdaki. Oleh itu, skop kerja perlulah menyatakan kaedah dan piawaian yang dikehendaki dengan jelas.

vii) Kerosakan lif meningkatkan kos penyelenggaraan seperti yang berlaku di PPR Padang Hiliran, Terengganu. Rekabentuk bangunan perlu mengambil kira kedudukan lubang lif (*lift shaft*) dan bilik motor lif untuk mengelak masalah kemasukan air ketika hujan dan memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan. Tambahan caj penyelenggaraan untuk menyelenggara lif boleh membebankan penghuni.

Foto 5.43: Kedudukan sistem perkhidmatan lif perlu direkabentuk untuk mengelakkan masalah kemasukan air ketika hujan di PPR Padang Hiliran

Kajian ini mencadangkan beberapa penambahbaikan untuk pengurusan penyelenggaraan seperti berikut:

- Penyelenggaraan pembaikan hendaklah dilaksanakan berasaskan polisi keutamaan atau mengikut petunjuk prestasi utama (KPI) yang dipersetujui dan kaedah pembaikan yang betul;
- Penyelenggaraan hendaklah dilaksanakan oleh kakitangan yang mencukupi dan berkemahiran supaya kecacatan tidak berulang;
- Kerja-kerja pembaikan ke atas kerosakan yang kritikal dan khusus seperti pembaikan lapis kalis lembap di lantai dan bumbung memerlukan tenaga pakar untuk mengenalpasti kaedah pembaikan yang betul supaya tidak menimbulkan masalah lain; dan
- Penyelenggaraan atau penggantian berjadual/berkala hendaklah dilaksanakan mengikut piawaian yang telah ditentukan di peringkat rekabentuk, penyediaan spesifikasi dan mengikut tahap keadaan semasa.

viii) Perlantikan syarikat penyelenggaraan perlu dibuat secara eksklusif dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas penyelenggaraan dengan skop kerja yang komprehensif bagi sesebuah PPR. Kaedah ini adalah lebih mudah dipantau oleh pihak kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan berbanding penyeliaan secara dalaman. Sistem *demerit* boleh digunakan sekiranya kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan yang dibuat tidak mengikut penunjuk pretasi utama.

ix) Kontrak untuk penyelenggaraan lif perlu dikaji semula untuk memperolehi kaedah perolehan yang paling baik dan lebih berkesan dengan '*cost-in-use'* yang minima tanpa mengenakan kos tambahan. Melalui pengamatan kajian ini, kos penyelenggaraan lif adalah berbeza-beza dan adakalanya melibatkan kos yang tinggi. Seperti di PPR Padang Hiliran, Terengganu kos penyelenggaraan melebihi seribu ringgit sebulan. Manakala, kos penyelenggaraan dimaklumkan kurang dari lapan ratus ringgit sebulan di PPR Lembah Subang 2.

5.5.5 Aspek Pengubahsuaian

Pengubahsuaian dan penambahan bangunan juga perlu diberi perhatian. Secara amnya, PPR yang disewa disertakan dengan peraturan (*house rule)* bagi panduan kepada penyewa dan kawalan dilakukan oleh pihak berkuasa bagi mengawal pengubahsuaian. Namun, kawalan ke atas unit PPR agak sukar dilakukan bagi PPR yang dimiliki. Contohnya, pengubahsuaian yang tidak mengikut peraturan dan tidak seragam di PPR Pahang. Pengubahsuaian rumah didapati tidak mengikut piawaian kawalan bangunan, tidak selamat dan berisiko sekiranya berlaku kebakaran. Selain itu, ianya juga menimbulkan masalah penyelenggaraan, menjejaskan imej komuniti dan persekitaran.

Foto 5.44: Pengubahsuaian bangunan tidak mengikut piawaian kawalan bangunan di PPR Tanjung Selangor I, Pekan

Foto 5.45: Penambahan tanpa kelulusan di PPR Lembah Subang 1

Selain daripada itu, terdapat juga pengubahsuaian tanpa kebenaran ke atas sistem perkhidmatan bangunan seperti bekalan elektrik dan air. Foto 5.46 menunjukkan penyambungan sistem elektrik dan sistem bekalan air tanpa kebenaran boleh mengundang risiko dan amat merbahaya kepada penghuni.

Foto 5.46: Sambungan bekalan elektrik dan air tanpa kebenaran di PPR Paya Nahu

Foto 5.47: Pemasangan pintu jeriji besi di laluan tangga mengundang risiko sekiranya berlaku kebakaran di PPR Sungai Manila

Kajian ini menyarankan pihak berkuasa untuk mengawal dan menangani masalah ini dengan penguatkuasaan yang lebih tegas supaya PPR sediada tidak bertukar kepada kawasan penempatan yang tidak teratur (*slum*).

BAB 6

ANALISIS DATA & DAPATAN:

KAJIAN TADBIR URUS

6.0 Pendahuluan

Pengurusan rumah PPR ini melibatkan pelbagai peringkat, jabatan dan unit yang berintegrasi, berkolabrasi dan mempunyai bidang kuasa yang telah ditetapkan di dalam pengurusan. Pengurusan ini dilihat sebagai satu tanggungjawab dan amanah yang memerlukan satu kaedah tadbir urus yang holistik dan sistematik supaya ianya dapat dilaksanakan secara berkesan dan mencapai matlamat yang dikehendaki.

Oleh yang demikian, analisa bagi kajian tadbir urus ini akan mengenalpasti pengurusan semasa, masalah dan cabaran pengurusan, model pengurusan rumah awam mengikut negeri, dan pengurusan dan penyelenggaraan rumah awam.

6.1 Profil Responden

Responden yang dikenalpasti bagi kajian tadbir urus adalah terdiri daripada pihak pentadbiran negeri dan juga pihak pengurusan bangunan. Jadual 6.1 dibawah menunjukkan responden bagi kajian ini.

Jadual 6.1: Tadbir urus dan tempat kajian

No.	*Negeri*	*Responden*	*Instrumen yang Digunakan*
1	Johor	Pegawai Perumahan SUK Firma Pengurusan Penyelenggaraan Bangunan	Temubual Soal selidik
2	Pahang	Pegawai Perumahan SUK	Temubual Soal selidik
3	Perak	Pegawai Lembaga Perumahan	Temubual Soal selidik
4	Terengganu	Pegawai Perumahan SUK	Temubual Soal selidik
5	Melaka	Pegawai Lembaga Perumahan	Temubual Soal selidik
6	Kedah	Pegawai Perumahan SUK	Temubual Soal selidik
7	Perlis	Pegawai Perumahan SUK	Temubual Soal selidik
8	Pulau Pinang	Pegawai Perumahan SUK	Temubual Soal selidik
9	Sabah	Pegawai Perumahan PBT	Temubual Soal selidik
10	Negeri Sembilan	Pegawai Perumahan SUK	Temubual Soal selidik
11	Selangor	Pegawai Perumahan SUK	Temubual Soal selidik
12	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Temubual Soal selidik

6.2 Pengurusan Semasa Rumah PPR

6.2.1 Kategori Pentadbiran Rumah PPR

Kajian ini juga telah mengenalpasti kepentingan kategori pentadbiran rumah awam iaitu pentadbiran am, kewangan & akaun, operasi tapak, penyelenggaraan & pertanggungjawaban, pengurusan maklumat, penyewaan dan penghunian, keselamatan, pembelian dan inventori, staf dan latihan dan perkhidmatan sosial. Setiap kategori pentadbiran ini berintegrasi diantara satu dengan lain.

i) Pentadbiran Am

Pentadbiran Am merupakan fungsi eksekutif secara keseluruhannya tanggungjawab untuk mentadbir dan menguruskan perumahan awam cekap, telus dan berkesan.

ii) Operasi Tapak

Operasi tapak bertanggungjawab ke atas operasi tapak/bangunan untuk menyampaikan perkhidmatan perumahan kepada penduduk.

iii) Kewangan & Perakaunan

Kewangan & Perakaunan menguruskan dan menjejak aliran sumber dan peruntukan.

iv) Pengurusan Maklumat

Pengurusan maklumat bertanggungjawab untuk mengurus, menganalisis dan menyebarkan maklumat yang dibenarkan bagi tujuan pemantauan dan penilaian prestasi perumahan awam.

v) Penyelenggaraan & pertanggungjawaban

Penyelenggaraan & pertanggungjawaban adalah bertanggungjawab ke atas kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan, rutin penjagaan dan pembaikan berterusan bangunan perumahan awam.

vi) Pembelian & Inventori

Pembelian & Inventori merupakan unit yang membeli, dan menjejaki sumber bahan yang diperlukan untuk operasi perumahan awam.

vii) Penyewaan & penghunian

Tanggungjawab bahagian ini termasuk menubuhkan syarat kelayakan, menarik dan mencari penyewa yang berpotensi, menyerahkan unit dan penguatkuasaan peraturan dan sebagainya.

viii)Kakitangan & Latihan

Kakitangan & Latihan bertanggungjawab dalam pengambilan, latihan, pengekalan dan disiplin kakitangan dan secara amnya menguruskan hubungan dengan pekerja.

ix) Keselamatan

Tugas keselamatan adalah untuk membantu meningkatkan keselamatan peribadi dan harta benda dan untuk membantu mengekalkan keamanan awam di kemudahan perumahan awam:

x) Perkhidmatan Sosial

Perkhidmatan sosial bertanggungjawab membantu memenuhi kebajikan sosial dan keperluan bukan perumahan kepada penduduk untuk mengurangkan beban masalah mereka.

Kajian ini telah mengenalpasti kepentingan kategori yang diatas dari perspektif pihak tadbir urus PPR. Jadual 6.2 dibawah menunjukkan kepentingan kategori ini secara menurun.

Jadual 6.2: Kepentingan kategori pentadbiran rumah PPR

Kategori Tadbir Urus	**Min Skor**	**Pangkat**
Pentadbiran Am	5	1
Kewangan & Akaun	5	
Operasi Tapak	4.86	2
Penyelenggaraan & Pertanggungjawaban	4.86	
Pengurusan maklumat	4.71	3
Penyewaan & Penghunian	4.71	
Keselamatan	4.57	4
Pembelian & Inventori	4.57	
Staf & latihan	4	5
Perkhidmatan sosial	3.86	6



Rajah 6.1: Kepentingan kategori pentadbiran rumah PPR

Rajah 6.2 menunjukkan bahawa kategori kewangan dan akaun dan pentadbiran am (purata skor 5.00); diikuti oleh penyelenggaraan & pertanggungjawaban dan operasi tapak (purata skor 4.86); penyewaan & penghunian dan pengurusan maklumat (purata skor 4.71). Hal ini menunjukkan bahawa kategori kewangan dan akaun dan juga pentadbiran am merupakan satu kategori yang mempengaruhi komponen-komponen lain. Kedua-dua kategori ini sangat penting bagi memastikan pengurusan rumah PPR ini dapat dilaksanakan secara efisien dan efektif. Keduanya, penyelenggaraan dan pertanggungjawaban dan juga operasi tapak mempunyai purata skor 4.86. Kategori ini merupakan antara tunggak utama pengurusan yang akan mempengaruhi keseluruhan pengurusan perumahan PPR. Seterusnya, penyewaan dan penghunian dan pengurusan maklumat memberikan purata skor sebanyak 4,71. Kategori ini adalah ketiga penting kerana ianya berdasarkan kelayakan dan ketetapan syarat yang ditelah ditetapkan. Hal ini berfungsi dalam menyalurkan maklumat secara keseluruhan dan juga bagi tujuan kawalan dan pemantauan.



Rajah 6.2: Kepentingan Kategori Pengurusan Rumah PPR (turutan menaik)

6.2.2 Tadbir urus Perumahan PPR sediada

Secara keseluruhannya, tadbir urus sediada menunjukkan bahawa keselamatan menjadi focus utama, diikuti oleh penyelenggaraan & pertanggungjawaban berserta penyewaan & penghunian. Hal ini adalah disebabkan pentadbiran PPR dan operasi tapak sentiasa memberi perhatian terhadap ketiga aspek ini dalam pengurusan rumah PPR.

Jadual 6.3: Kepentingan kategori pengurusan kepada pengurusan sediada

Pengurusan PPR sediada	*Min Skor Keseluruhan*	*Pangkat*
Keselamatan	4.86	1
Peyelenggaraan & Pertanggungjawaban	4.71	2
Penyewaan & Penghunian	4.71	
Operasi Tapak	4.67	3
Pengurusan maklumat	4.66	4
Kewangan & Akaun	4.64	5
Pembelian & Inventori	4.57	6
Pentadbiran Am	4.37	7
Perkhidmatan sosial	4.29	8
Staf & latihan	4.29	



Rajah 6.3: Tadbir urus perumahan PPR
(Jumlah keseluruhan Min Skor mengikut kategori)

6.2.3 Masalah dan cabaran Pentadbiran Rumah Awam

Terdapat 10 kategori masalah yang dinyatakan di dalam borang soal selidik bersama tadbir urus iaitu pentadbiran, pengurusan operasi, kewangan dan akaun, pengurusan maklumat, penyelenggaraan dan pertanggungjawaban, pembelian dan inventori, penyewaan dan penghunian, staf dan latihan, keselamatan dan perkhidmatan sosial. Rajah 6.4 dibawah menunjukkan kekerapan masalah dan cabaran pentadbiran rumah PPR. Tiga masalah dan

cabaran utama adalah perkhidmatan sosial diikuti oleh keselamatan dan staf dan latihan.

Jadual 6.4: Masalah dan cabaran PPR (Min skor keseluruhan)

Masalah dan cabaran PPR	*Min Skor*	*Pangkat*
Perkhidmatan Sosial	2.52	1
Keselamatan	2.4	2
Staf & Latihan	2.34	3
Penyelengaraan & Pertanggungjawaban	2.30	4
Pengurusan Operasi	2.09	5
Kewangan & Akaun	2.04	6
Pengurusan Maklumat	1.95	7
Pentadbiran	1.88	8
Pembelian & Inventori	1.86	9
Penyewaan & Penghunian	1.79	10



Rajah 6.4: Kekerapan masalah dan cabaran pentadbiran rumah awam (min skor)

6.3 Kaedah Pengurusan Rumah PPR

Hasil temubual dengan pegawai-pegawai perumahan telah memberikan gambaran terhadap kaedah pengurusan rumah PPR. Rajah 6.5 dibawah memberikan illustrasi berkenaan empat kaedah pengurusan rumah PPR.



Rajah 6.5: Kaedah pengurusan perumahan PPR

(a) Pendekatan Satu: Perlantikan Ejen Pengurusan

Kerajaan Negeri menerima PPR yang telah siap dari Kerajaan Persekutuan melalui JPN. Pihak Kerajaan Negeri seterusnya menentukan dasar dan pengisian setiap PPR yang diterima.

Bagi tujuan pengoperasian pengurusan PPR, Kerajaan Negeri melantik ejen pengurusan dari kalangan syarikat-syarikat yang ditetapkan kelayakan mereka oleh Kerajaan Negeri. Syarikat yang dilantik akan menjalankan operasi pengurusan dan penyelenggaraan PPR.

Bergantung kepada Kerajaan Negeri, terdapat juga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang diberi kebenaran untuk melantik ejen pengurusan bagi PPR. Terdapat perbezaan kaedah perlantikan di mana syarikat tunggal dilantik untuk mengurus beberapa PPR di sesebuah kawasan PBT. Terdapat juga syarikat atau ejen pengurusan yang berlainan dilantik untuk mengurus setiap PPR yang berbeza.

Pendekatan penggunaan ejen pengurusan dipengaruhi oleh faktor ekonomi dan kecekapan sumber seperti kos penyelenggaraan, kuantiti atau bilangan PPR, kecekapan kutipan sewa dan keupayaan pengurusan perumahan awam Kerajaan Negeri.

Namum demikian, faktor kebajikan dan sosial penduduk masih menjadi tanggungjawab di peringkat Pihak Kerajaan Negeri atau Tempatan seperti pengisian dan penguatkuasaan.

(b) Pendekatan Dua: Kaedah Berpusat/Kerajaan Negeri

Terdapat Kerajaan Negeri yang mengambil tanggungjawab menjalankan pengurusan PPR secara keseluruhannya. Ini bermakna, operasi pengurusan PPR juga dijalankan secara dalaman dan berpusat oleh Kerajaan Negeri.

Di bawah pendekatan ini, pengurusan PPR diletakkan di bawah tadbir urus Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) atau Lembaga Perumahan menerusi Bahagian Perumahan masing-masing.

Kelebihan kaedah ini adalah maklumat dari penduduk terutama tentang aduan diperolehi secara terus oleh Kerajaan Negeri dan ini memudahkan tindakan diambil di peringkat Kerajaan Negeri.

(c) Pendekatan Tiga: Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Kaedah tiga iaitu pengurusan oleh PBT dilihat mampu mengurus PPR kerana mempunyai sumber-sumber yang mencukupi. Merujuk Kaedah ini dianggap bersesuaian bagi PPR yang terletak di lokasi yang jauh dan terpencil di sesetengah negeri dengan pengecualian kepada PPR yang terletak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai jumlah PPR yang tinggi dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merupakan satu agensi yang besar dan mampu menguruskan PPR ini.

Terdapat beberapa PBT yang mendapat manfaat dari PPR ini sebagai salah satu sumber kewangan mereka.

(d) Pendekatan Empat: Anak Syarikat Kerajaan Negeri

Dari kajian lapangan yang dijalankan terdapat Kerajaan Negeri yang melantik anak syarikat untuk mengendalikan pengurusan dan penyelenggaraan PPR. Walaubagaimanapun, kaedah ini agak terpencil dan hanya diguna pakai di satu negeri sahaja di Semenanjung Malaysia.

Perlantikan anak syarikat ini dibuat oleh Kerajaan Negeri dan sebagai imbuhan, anak syarikat ini dibenarkan mengenakan yuran pengurusan ke atas Kerajaan Negeri.

Kaedah-kaedah ini walaubagaimanapun mempunyai kelebihan dan kekuranganya masing-masing. Ini akan dikupas didalam tajuk yang berikutnya.

6.4 Analisis Keberkesanan Pendekatan Pengurusan PPR

Jadual 6.5 dibawah memberikan ringkasan kelebihan dan kekurangan berdasarkan empat (4) kaedah pengurusan PPR yang sediada.

Jadual 6.5: Keberkesanan Pendekatan Pengurusan PPR

	Kategori	Perincian	Pendekatan			
			1	2	3	4
			Perlantikan Ejen Pengurusan	Kaedah berpusat/ Kerajaan Negeri	PBT	Anak syarikat kerajaan negeri
1	Pengurusan	Kutipan sewa bulanan		=		
		Kerosakan pada kemudahan awam (*vandalism*)	=	=	=	=
		Sistem keselamatan perumahan PPR				
		Pengubahsuaian unit rumah oleh penyewa				
		Penyewa menjaja di kawasan unit kediaman		=	=	=
2	Kawalan & Pemantauan	Penyewaan unit kepada pihak ketiga (sublet)				
		Penyewa yang melebihi had kelayakan yang ditetapkan		=	=	=
		Kemudahan tempat meletak kenderaan	=	=	=	=
3	Penyelenggaraan Bangunan	Tahap penyelenggaraan (fizikal bangunan)		=	=	=
		Kebersihan persekitaran perumahan PPR				

Petunjuk:	Bagus
	Kurang bagus
=	tiada perubahan

Pendekatan ini mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri. Walau bagaimanapun, tujuan matrik ini dibuat adalah bagi memberikan kefahaman terhadap kepelbagaian pendekatan tersebut dan seterusnya pihak pengurusan diharap dapat mengubah kelemahan tersebut supaya pengurusan dapat berjalan dengan cekap dan berkesan.

6.5 Dapatan, triangulasi dan ruang penambahbaikan

Hasil dapatan tadbir urus ini ditriangulasi dengan kaedah yang lain bagi mendapatkan ruang penambahbaikan.

Jadual 6.6: Dapatan kajian dan perkara yang perlu dipertimbangkan

	Kategori	Dapatan	Triangulasi Dapatan	Ruang Penambahbaikan
1	Perancangan dan Pembangunan	Cabaran dari segi pemilihan rekabentuk yang sesuai bagi mengurang kos penyelenggaraan di masa hadapan.	Kerosakan fizikal bangunan	Kolabrasi bersama kumpulan teknikal dan penyelenggaraan bagi menggurangkan kos penyelenggaraan masa hadapan.
		Perancangan dan pembangunan PPR melibatkan pelbagai jabatan – cabaran dari segi komunikasi, koordinasi kerja dan keputusan	Komunikasi dan kolabrasi mempengaruhi keputusan yang dibuat	Memantapkan koordinasi setiap jabatan bagi membolehkan keputusan yang efisien and efektif
		Penyerahan bangunan kepada pihak berkuasa negeri wajib disertakan dokumentasi penting bangunan (pelan dan sebaginya) bagi membolehkan penyelenggaraan bangunan seterusnya dilakukan secara cekap dan berkesan.	Temubual dan pemeriksaan fizikal bangunan menunjukkan terdapat pengurusan bangunan yang tidak dibekalkan dengan dokumentasi dan pelan yang lengkap menyebabkan penyelenggaran yang cekap dan berkesan tidak dapat dilaksanakan.	Dokumentasi dan pelan bangunan yang lengkap perlu disediakan semasa serahan bangunan

Jadual 6.6 bersambung

	Kategori	Dapatan	Triangulasi Dapatan	Ruang Penambahbaikan
2	Pengurusan Am	Pengurusan PPR seadiada adalah bersistem dan mempunyai pendekatan pengurusan yang berbeza	Pengurusan mempengaruhi kesejahteraan, keadaan fizikal dan persekitaran	Keberkesanan pendekatan pengurusan
		Cabaran proses pengisian dan penyewaan yang mengambil masa, sukar mendapatkan peserta yang layak dan geopolitik.	Pemerhatian, temubual dan pemeriksaan bangunan masih terdapat unit yang kosong	Kajian pasaran semasa terhadap permintaan dan penawaran perumahan (bergantung kepada kumpulan sasaran)
	Pengurusan Maklumat	Maklumat PPR yang tidak berpusat, tidak dikemaskini dan tidak diketahui siapa yang menyimpan maklumat yang besar ini menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan, mengurus, mengawal dan memantau maklumat PPR ini.	Temubual dan pemeriksaan keadaan fizikal bangunan	Pengurusan makumat yang bersepadu diperlukan.
3	Polisi, garis panduan, piawaian dan KPI	Perbezaan sewa yang dikenakan bergantung kepada geografi, keadaan setempat, kos penyelenggaraan dan sebagainya	Temubual dan pemeriksaan keadaan fizikal bangunan	Polisi, Garispanduan dan Piawaian pengurusan yang jelas
4	Pemantauan & penguatkuasaan	Terdapat pemantauan yang berkala yang dilakukan oleh pihak tadbir urus PPR walaubagaimanapun penguatkuasaan perlu dipertingkatkan bagi memastikan pengurusan yang telus, cekap dan berkesan	Temubual dan pemeriksaan keadaan fizikal bangunan	Peningkatan pemantauan dan penguatkuasaan
5	Penyelenggaraan	Tahap penyelenggaraan yang berbeza kualiti, dan caj penyelenggaraan	Temubual dan pemeriksaan keadaan fizikal bangunan	Piawaian dan skop penyelenggaraan yang jelas

BAB 7

DAPATAN DAN ASAS PENAMBAHBAIKAN

7.0 Pendahuluan

Dapatan daripada kajian soal selidik, kajian fizikal keadaan bangunan dan tadbir urus dirumuskan dan dinilai bagi mengenalpasti ruang penambahbaikan.

7.1 Dapatan Kajian

Dapatan yang diperoleh dari pelbagai tiga kaedah (soal selidik, fizikal keadaan bangunan dan tadbir urus) diringkaskan seperti jadual dibawah.

Jadual 7.1: Rumusan Dapatan

	Kategori	Dapatan	Ruang Penambahbaikan	Asas
1	Rekabentuk	• Sebahagian rekabentuk PPR kurang penekanan terhadap faktor persekitaran • Pengubahsuaian/tambahan tanpa kebenaran • Sebahagian perkhidmatan bangunan contohnya saluran paip kumbahan dan sisa tidak mengambilkira faktor penyelenggaraan dan estetik	Perancangan	1
		• Bangunan berdensiti tinggi lebih kos efektif tetapi ianya menyumbang kepada kerosakan • Bangunan melebihi 5 tingkat menyumbang kepada peningkatan kos penyelenggaraan tetapi pada nisbah yang lebih berekonomi	Penyelenggaraan	4
2	Pengurusan	• Pengurusan PPR adalah bersistem dan mempunyai pendekatan yang pelbagai • Penggunaan ejen mempunyai kelebihan di dalam aspek kecekapan pungutan sewa dan kos efektif • Ejen lebih responsif (tetapi bidangkuasa ejen terhad)	Pengurusan	2
		• Keperluan kepada peruntukan kewangan tambahan	Kewangan	5

Jadual 7.1 bersambung

	Kategori	Dapatan	Ruang Penambahbaikan	Asas
	Pengkalan data	• Pengurusan maklumat dan inventori tidak berpusat • Kajian keperluan - permintaan dan penawaran yang tidak sepadan	Pengurusan	2
	Pengisian	• Cabaran dalam pemilihan peserta PPR disebabkan faktor geo-politik	Polisi dan Pemantauan	3
	Polisi dan garis panduan	• Polisi dan garis panduan yang berbeza • Pengenaan kadar sewa yang berbeza • Caj penyelenggaraan berbeza	Governan dan Pengurusan	3
3	Penyelenggaraan	• Penarafan dalam julat “baik” dan “sederhana” • Kerosakan berlaku sebelum jangka hayat (*pre-mature*) disebabkan oleh penggunaan bahan, rekabentuk dan mutu kerja • Tiada kerosakan kritikal pada struktur bangunan • Kaedah penyelenggaraan adalah secara *ad-hoc* dan *corrective maintenance* • Tiada kedesakan dan keutamaan dalam penyelenggaraan	Penyelenggaraan Kewangan	4 5
		• Tahap penyelenggaraan berbeza	Piawaian penyelenggaraan	4
7	Kawalan dan Pemantauan	• Cabaran dalam penguatkuasaan • Tempoh penyewaan yang tidak dikuatkuasakan (konsep transit)	Pemantauan dan penguatkuasaan	3
8	Kesejahteraan	• Purata saiz isi rumah pada tahap selesa (4 orang) • Pendapatan purata majoriti kurang daripada RM2,000 sebulan – menepati kumpulan sasaran PPR • Rekabentuk rumah 3 bilik/2 bilik air adalah bersesuaian • PPR dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan sokongan	Komuniti	6

7.1.2 Aspek Rekabentuk

Faktor rekabentuk berkemungkinan menyumbang kepada kecacatan bangunan dan peningkatan kos penyelenggaraan. Di antara dapatan kajian di atas aspek ini menunjukkan bahawa rekabentuk sebahagian PPR kurang memberi penekanan terhadap faktor persekitaran. Faktor persekitaran yang dimaksudkan adalah seperti pendedahan kepada perubahan cuaca, perletakan PPR yang berhampiran pantai/sungai yang mempunyai jenis tanah berpasir, udara laut boleh menyebabkan karat dan reput dan sebagainya. Kes seperti di PPR Padang Hiliran, Kuala Terengganu di mana air hujan masuk ke dalam lubang lif (*lift shaft*) menyebabkan kerosakan lif yang serius.

Sebahagian perkhidmatan bangunan contohnya saluran paip kumbahan dan sisa tidak mengambilkira faktor penyelenggaraan dan estetik. Terdapat saluran paip kumbahan yang direkabentuk dan dibina terdedah kepada penglihatan umum dan ini mencacatkan pandangan. Selain daripada itu, faktor akses bagi tujuan penyelenggaraan saluran kumbahan tidak diambilkira.

Rekabentuk mesra penyelenggaraan perlu diberi penekanan dengan mengambil kira faktor kebolehselenggaraan bangunan di peringkat awal perancangan pembangunan sesebuah PPR. Di antara contoh elemen rekabentuk yang boleh ditambah baik adalah seperti berikut:

i) Keperluan menyediakan akses yang selamat bagi tujuan penyelenggaraan untuk kerja-kerja pembaikan, penggantian dan pembersihan terutamanya di bahagian bumbung, talang konkrit, saluran paip dan fasad luaran bangunan;

Foto 7.1: Contoh akses di atas bumbung dan susur tangan bagi tujuan penyelenggaraan

ii) Keperluan rekabentuk ruang bagi perletakan dan pemasangan sistem pendingin hawa pada bangunan yang mudah diselenggara, selamat dan kemas;

Foto 7.2: Rekebentuk ruang *balcony* untuk menempatkan sistem *out door* pendingin hawa yang mudah diselenggara, tidak merbahaya dan terlindung

iii) Keperluan menetapkan lokasi khas pemasangan *astro outdoor unit* yang lebih selamat dan kemas misalnya dibahagian bumbung bangunan;

Foto 7.3: Lokasi pemasangan astro *outdoor unit* di bumbung bangunan seperti di PPR Padang Hiliran dilihat lebih kemas dan selamat

iv) Keperluan menyediakan ruang ampaian yang lebih praktikal dan kemas di bahagian dinding bangunan dapat mengelakan masalah kelembapan pada dinding luar;

Foto 7.4: Rekabentuk ruang ampaian yang lebih praktikal disamping kedudukan *unit outdoor* pendingin hawa di luar /balkoni lebih kemas -Koyoto Jepun

v) Menyediakan ruang teres di laluan masuk ke pintu utama setiap unit untuk kelihatan kemas dan lebih teratur, serta tidak menghalang laluan koridor;

Foto 7.5: Rekabentuk ruang teres di laluan masuk pintu utama setiap unit kelihatan kemas dan tidak menghalang laluan koridor seperti di PPR Sungai Manila

vi) Limpahan air hujan ke dalam kawasan *landing* tangga menyebabkan air bertakung pada permukaan lantai tangga. Faktor rekabentuk pada dinding luar tangga perlu diberi perhatian bagi mengatasi masalah ini. *Scupper drain* diperlukan untuk peraliran air keluar;

vii) Keperluan rekabentuk *reinforced concrete hood* pada tingkap luar yang terdedah kepada persekitaran dapat mengurangkan tempias air hujan dan panas matahari; dan

viii) Rekabentuk susunatur paip salur air hujan perlulah dielakkan daripada dipasang pada bahagian luar bangunan yang terdedah kepada persekitaran bagi mengelak paip mudah rosak, *bracket* berkarat dengan cepat, tertanggal dan saluran berubah dari kedudukan asal.

Foto 7.6: Rekabentuk dan peletakan paip di bahagian dalam bangunan dapat mengelakan paip mudah rosak. Contoh di Perumahan Rakyat Iskandar Malaysia, PRISMA

Pengubahsuaian/tambahan tanpa kebenaran juga berlaku terutama bagi kediaman Bertanah. Ini menyebabkan pembinaan yang tidak selamat dan berisiko.

Bangunan berdensiti tinggi menyumbang kepada kerosakan kerana kepadatan penduduk menyebabkan kadar penggunaan yang intensif. Walaubagaimanapun, dari aspek penyelenggaraan ianya adalah kos efektif merujuk kepada bilangan unit yang banyak.

Di samping itu, bangunan yang melebihi 5 tingkat menyumbang kepada peningkatan kos penyelenggaraan tetapi pada nisbah yang lebih berekonomi.

7.1.3 Pengurusan

Pengurusan PPR adalah bersistem walaupun mempunyai pendekatan yang berbeza dan pelbagai. Sistem ini bergantung kepada polisi setiap negeri di mana PPR itu terletak. Secara umum terdapat empat sistem atau pendekatan yang digunapakai bagi tujuan pengurusan PPR yang melibatkan agensi seperti Lembaga Perumahan, anak syarikat Kerajaan Negeri, Ejen Pengurusan/

Kontraktor Penyelenggaraan. Sebahagian negeri menguruskan PPR secara dalaman di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri.

Setiap pendekatan pengurusan mempunyai kelebihan dan kekurangan yang tersendiri. Penggunaan ejen mempunyai kelebihan di dalam aspek kecekapan pungutan sewa dan kos efektif. Ejen juga dilihat lebih responsif walaupun mempunyai bidangkuasa yang terhad. Pihak Berkuasa Tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur boleh dijadikan contoh yang baik sekiranya PPR diuruskan oleh sesebuah PBT.

Faktor kewangan adalah faktor yang kritikal di dalam pengurusan PPR. Terdapat keperluan kepada peruntukan kewangan tambahan selain daripada pungutan sewa untuk tujuan penyelenggaraan.

Dapatan kajian menunjukkan kesukaran dalam mendapatkan maklumat berkaitan PPR samada di peringkat negeri atau tempatan. Antara maklumat yang sukar diperolehi adalah nama PPR yang terkini, nama peserta, perjanjian penyewaan, kutipan, kadar sewa dan pelan-pelan bangunan. Masalah ini disebabkan oleh pengurusan maklumat dan inventori yang tidak berpusat. Pengurusan PPR yang berkesan mesti disokong oleh pengkalan data melalui sistem yang bersepadu dan berpusat.

Dari aspek pengisian, terdapat cabaran yang serius di dalam pemilihan peserta PPR dan faktor utama yang menyebabkan masalah ini adalah faktor geo-politik. Salah satu sebab berlakunya masalah di dalam pengisian peserta adalah kerana keperluan dari aspek permintaan dan penawaran yang tidak dibuat kajian yang terperinci.

7.1.4 Polisi dan garis panduan

Kajian mendapati polisi dan garis panduan yang digunapakai berbeza mengikut negeri. Ini merupakan suatu yang perlu diambil berat oleh pihak pengurusan kerana ia menimbulkan aplikasi yang tidak konsisten dan mengelirukan. Didapati kadar sewa yang dikenakan berbeza antara negeri dan kerajaan tempatan walaupun telah terdapat polisi yang menetapkan kadar sewa yang seragam di seluruh negara. Kadar sewa sebanyak RM124 bagi rumah PPR yang disewa adakalanya dijadikan kadar minima di sesetengah negeri, menunjukkan budi bicara boleh digunakan dalam menentukan kadar sewa.

Caj penyelenggaraan PPR juga didapati berbeza mengikut projek dan jenis kediaman dengan tiada piawaian yang jelas bagaimana caj penyelenggaraan ditetapkan.

7.1.5 Penyelenggaraan

Secara keseluruhan kajian mendapati penarafan fizikal keadaan bangunan adalah di dalam skor “baik” dan “sederhana”. Kajian juga mendapati tiada kerosakan kritikal pada struktur bangunan.

Di antara aspek penyelenggaraan lain yang dikesan dari kajian ini adalah kerosakan yang berlaku sebelum jangka hayat (*pre-mature*) bangunan disebabkan oleh penggunaan bahan, rekabentuk dan mutu kerja.

Kaedah penyelenggaraan secara umumnya adalah secara *ad-hoc* dan *corrective maintenance.* Dari aspek tindakan terhadap kesorakan didapati tiada kedesakan dan keutamaan di dalam menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan.

Disebabkan oleh ketiadaan piawaian, didapati tahap penyelenggaraan PPR adalah berbeza mengikut projek dan jenis kediaman.

7.1.6 Kawalan dan Pemantauan

Kawalan dan pemantauan PPR bagi memastikan ia diduduki oleh peserta yang layak mempunyai cabaran yang tinggi didalam aspek penguatkuasaan. Ini disebabkan oleh bilangan unit yang banyak, kekurangan kakitangan penguatkuasaan, kekurangan maklumat, campurtangan luar, ketirisan integriti dikalangan peserta PPR dan sebagainya. Akibat dari cabaran ini, tempoh penyewaan yang tidak dikuatkuasakan (konsep transit), kadar sewa tertunggak yang tinggi, penghunian yang tidak sah dan tidak dapat dikesan, dan kekosongan unit yang dapat diisi.

7.1.7 Kesejahteraan Komuniti

Kajian mendapati secara umumnya, peserta mempunyai purata saiz isi rumah pada tahap selesa iaitu 4 orang seunit. Saiz ini adalah setara dengan purata saiz isi rumah di peringkat kebangsaan.

Rekabentuk rumah 3 bilik dan 2 bilik air didapati bersesuaian untuk menampung purata saiz yang diatas.

Pendapatan purata majoriti peserta PPR adalah kurang daripada RM2,000 sebulan dan ini bermakna ianya menepati kumpulan sasaran PPR. Walaubagaimanapun, dengan pendapatan ini bermakna peserta PPR akan mempunyai sifat kebergantungan yang tinggi terhadap rumah yang diduduki dan untuk jangka waktu yang panjang.

Jika dibandingkan dengan projek perumahan kos rendah yang lain, PPR mempunyai kelebihan yang nyata dari aspek keselesaan kejiranan apabila ianya dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan sokongan yang lain.

7.2 Asas Penambahbaikan

Asas penambahbaikan ini merupakan sintesis dan penilaian daripada tiga kaedah yang telah dijalankan dan menghasilkan dapatan seperti yang telah dibincangkan. Terdapat 6 ruang yang telah dikenalpasti didalam analisis ini iaitu perancangan, pengurusan, governan dan pentadbiran, penyelenggaraan, sumber kewangan dan komuniti. Rajah 7.1 memberi ilustrasi 6 asas yang dikenalpasti dan Jadual 7.1 memberikan penerangan dengan lebih lanjut.



Rajah 7.1: Enam Asas Penambahbaikan

7.2.1 Asas 1: Perancangan dan Pembangunan

Matlamat: **Memacu Perancangan dan pembangunan yang dinamik dan inovatif**

Berikut adalah cadangan pelan tindakan bagi tujuan penambahbaikan:

Perancangan dan pembangunan yang dinamik dan inovatif memerlukan sokongan dari semua pemegang taruh. JPN perlu menerajui perancangan di peringkat strategik untuk membangunkan skop pengurusan strategi jangkamasa pendek (kurang 5 tahun) dan panjang (5 tahun ke atas).

Skop jangkamasa pendek melibatkan pemantapan prosedur operasi piawai sediada yang menjelaskan konsep pengisian seperti transit, sewa, sewa beli dan sebagainya. Sementara itu, skop jangka masa panjang merangka polisi untuk perlaksanaan perancangan dan pembangunan masa hadapan PPR seperti program rejunevasi projek PPR bagi projek yang lama untuk menampung keperluan warga emas (*elderly needs*).

Bagi tujuan pembangunan, Jawatankuasa Tetap Pemantauan perlu ditubuhkan. Objektif utama jawatankuasa tetap ini ialah untuk menyelaras aspek-aspek perancangan dan pembangunan supaya dapat dilaksanakan dengan pendekatan pembangunan mampan. Jawatankuasa tetap ini dianggotai oleh agensi-agensi kerajaan, wakil-wakil industri, wakil-wakil badan-badan professional dan badan bukan kerajaan yang berkaitan.

Bagi tujuan pembangunan PPR yang berdaya maju, peluang pembangunan yang inovatif perlu diterokai dan dikenalpasti. Antara lain pendekatan secara usahasama dengan pihak swasta melalui ‘perkongsian strategik’ (*strategic alliance*). Sebagai contoh, pendekatan kaedah *Private Financial Initiative (PFI)* boleh meningkatkan kecekapan pembangunan PPR. Perkongsian ini perlu

dilaksanakan dengan kaedah *win-win*, tanpa kompromi dari segi kualiti dan piawaian yang telah ditetapkan dalam perancangan pembangunan.

Di peringkat akhir pembangunan, senarai semak serahan projek yang dibangunkan di peringkat perancangan perlu dipatuhi bagi memastikan kelancaran dan keseragaman proses penyerahan projek daripada pihak KPKT kepada pihak kerajaan negeri. Dokumentasi lengkap berhubung projek/bangunan yang disediakan oleh pihak perunding serta pemaju penting sebagai rujukan pengurusan penyelenggaraan. Dokumen seperti lukisan siap bina hendaklah mesra pengguna bagi melancarkan operasi pengurusan.

7.2.2 Asas 2: Pengurusan

Matlamat: Memantap dan mengamalkan pengurusan yang sistematik dan responsif

Berikut adalah cadangan pelan tindakan bagi tujuan penambahbaikan:

Keberkesanan pengurusan PPR bergantung kepada pendekatan yang digunapakai dan ini harus mengambilkira beberapa faktor seperti (i) kebolehupayaan (*capacity & capabilities*); (ii) faedah dan (iii) kos pendekatan tersebut. Di samping itu, perlantikan ejen pengurusan bangunan juga harus mengambilkira (i) syarat kelayakan ejen (berdaftar di bawah undang-undang), (ii) mempunyai insuran indemniti, (iii) berpengalaman dalam menyelenggara bangunan, (iv) pasukan penyelenggaraan mestilah berkelayakan dan terlatih di dalam penyelenggaraan bangunan.

Dari aspek pengisian, pengurusan perlu menyediakan maklumat bakal peserta berdasarkan kumpulan sasaran di peringkat perancangan. Ini supaya tindakan pengisian dapat dilakukan sebaik sahaja pemilikan kosong bangunan diserahkan.

Pengisian PPR juga perlu memastikan agihan dibuat kepada kumpulan sasaran yang tepat. Kepelbagaian Skim PPR (sewa beli, transit, OKU dan sebagainya) dan jenis kediaman (bertanah, *walk-up*, tinggi) harus mempunyai syarat kelayakan yang berasingan dan mengambilkira juga keperluan terhadap polisi perpaduan antara kaum.

Penambahbaikan juga perlu dibuat bagi mengukuhkan polisi sediada. Ini termasuk menggariskan kadar sewa minima dan maksima, yuran penyelenggaraan minima dan maksima, peruntukan dana pengganti tahunan (*sinking fund*), penalti ke atas sewa yang lewat dan insentif khas kepada pembayar sewa yang mempunyai rekod baik.

Pengurusan yang bersistem dan responsif juga perlu disokong dengan pengurusan maklumat yang bersepadu dan interaktif. Integrasi data antara negeri dan pusat boleh diakses melalui pangkalan data berpusat yang eksklusif untuk pemegang taruh yang diberi kuasa.

7.2.3 Asas 3: Governan dan pentadbiran

Matlamat: Memantapkan governan dan pentadbiran

Berikut adalah cadangan pelan tindakan bagi tujuan penambahbaikan:

Governan dan pentadbiran yang berkesan merupakan kunci utama kepada kejayaan pentadbiran dan pengurusan PPR. Hal ini perlu disokong dengan polisi, garis panduan dan piawaian yang jelas dan bersesuaian seperti berikut:

i) Kadar sewa maksima;
ii) Prosedur operasi piawaian;
iii) Tunggakan sewa;
iv) Pengisian;
v) Pengosongan;
vi) Kelayakan;

vii) Tempoh transit maksima;

viii) Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*) Badan Pengurusan;

ix) Pelaporan berkala; dan

x) Kakitangan.

Satu aspek penting governan dan pentadbiran adalah pemantauan dan penguatkuasaan terhadap polisi dan garis panduan. Ini bermakna tindakan pemantauan dan penguatkuasaan dilakukan secara adil, telus dan tegas tanpa kompromi. Oleh kerana itu, polisi dan garis panduan mestilah menyediakan landasan untuk penguatkuasaan dijalankan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

7.2.4 Asas 4: Penyelenggaraan

Matlamat: Mengukuhkan keberkesanan sistem penyelenggaraan `

Berikut adalah cadangan pelan tindakan bagi tujuan penambahbaikan:

Perbelanjaan yang besar telah dikeluarkan setiap tahun oleh kerajaan pusat untuk membangunkan PPR melalui pembiayaan awam. Oleh yang demikian, amatlah penting pengurusan penyelenggaraan yang berkesan diberi keutamaan. Keberkesanan sistem penyelenggaraan memerlukan pengukuhan dan pemantapan dari segi perancangan strategik, piawaian dan prosedur, pemantauan dan maklumbalas pelanggan.

Sebagai asas kepada penyelenggaraan yang menyeluruh, piawaian kondisi bagi semua aset bangunan PPR perlu dibangunkan dan disemak secara berkala. Ini bertujuan untuk menyediakan penarafan tahap penyelenggaraan dengan menggunapakai garis panduan JKR dan badan profesional.

Piawaian kondisi ini seterusnya boleh digunakan untuk merangka pelan strategik penyelenggaraan yang komprehensif dan seimbang. Pelan ini merangkumi

penyelenggaraan terancang (pencegahan, perundangan, *condition-based*) dan tidak terancang. Di peringkat awal penyediaan pelan, kajian penanda aras perlu diadakan sebagai rujukan terhadap amalan penyelenggaraan perumahan awam terbaik sebagai input strategik penyelenggaraan.

Pelaksanaan pelan strategik perlu dirancang secara berkala dan melibatkan pemantauan. Pelan ini perlu dinilai semula setiap 5 tahun untuk menentukan keberhasilannya.

Sistem pengurusan penyelenggaraan berkomputer (*Computerised Maintenance Management System* [CMMS]) perlu dibangunkan seperti perisian C-WORKS atau ARCHIBUS di mana penggunaan dan perkongsian maklumat penyelenggaraan aset/bangunan akan menjadi lebih berkesan dan cekap.

Bagi tujuan perancangan dan pembangunan PPR yang akan datang, pusat sistem maklumbalas penyelenggaraan PPR perlu dibangunkan. Data dari pusat ini akan menjadi rujukan utama pihak-pihak berkenaan seperti pihak pemberi perkhidmatan penyelenggaraan, pihak perancang dan perekabentuk bagi meningkatkan kebolehselenggaraan PPR. Ini penting bagi memastikan kelemahan dan kekhilafan PPR terdahulu tidak berulang.

7.2.5 Asas 5: Sumber kewangan

Matlamat: Membangun, mengukuh dan mengawal sumber kewangan yang lestari

Berikut adalah cadangan pelan tindakan bagi tujuan penambahbaikan;

Salah satu kaedah penyelesaian bagi kekurangan kewangan pengurusan PPR adalah dengan menubuhkan Tabung Kewangan Berpusat. Tabung ini mempunyai dua fungsi utama iaitu pertamanya membiayai perbelanjaan operasi

seperti penyelenggaraan, penyelesaian hutang lapuk dan sebagainya; dan keduanya untuk perbelanjaan modal dan pembaikan berkala.

Peruntukan kewangan dicadangkan dari sumber kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Sumber dari kerajaan pusat adalah melalui geran tahunan manakala sumber kerajaan negeri melalui sebahagian kutipan hasil sewa PPR.

Tabung ini juga berperanan untuk menyediakan peruntukan penyelenggaraan secara tetap bagi semua PPR dan tidak bergantung kepada kutipan hasil sewa. Ini dapat menjamin penyelenggaraan secara berterusan dan berkesan.

Untuk jangka masa panjang, tabung ini perlu mengenalpasti sumber kewangan yang lestari dan mengamalkan pengurusan kewangan yang inovatif dan telus. Ini boleh dicapai melalui meningkatkan keberkesanan kutipan sewa dan peruntukan penyelenggaraan tahunan yang tetap. Adalah disarankan supaya kadar sewa semasa dikaji semula selaras dengan keperluan kos penyelenggaraan dan pendapatan peserta PPR. Contoh pengiraan sewa yang mengambilkira kos projek, kos penyelenggaraan dan tempoh hayat/pengunaan bangunan (Lampiran 2).

7.2.6 Asas 6: Pembangunan Komuniti PPR

Matlamat: Membentuk Komuniti yang Berintegriti dan Berdaya Saing

Berikut adalah cadangan pelan tindakan bagi tujuan penambahbaikan:

Komuniti merupakan satu entiti terpenting yang perlu diberi keutamaan di dalam perancangan dan pembangunan PPR. Oleh yang demikian, Asas 6 akan memberikan penekanan yang komprehensif ke atas aspek pembangunan komuniti PPR.

Perkara pertama untuk meningkatkan kesejahteraan Komuniti PPR adalah dengan membudayakan integriti didalam komuniti. Ini boleh dilaksanakan melalui mempromosi program Pembangunan Integriti Komuniti (*Community Integrity Building*). Ini bertujuan bagi menghasilkan ketelusan dan akauntabiliti di dalam kerja-kerja perkhidmatan yang melibatkan komuniti dan kawasan kejiranan. Pembangunan Integriti Komuniti adalah satu kaedah yang sistematik yang melibatkan pelbagai pemegang taruh dan juga proses pemantauan yang berterusan untuk menghasilkan objektif yang telah ditetapkan. Keterangan lanjut berkenaan program ini adalah di Lampiran 3.

Untuk meningkatkan kesejahteraan peserta melalui peningkatan pendapatan, program keusahawanan boleh diterapkan di kalangan komuniti. Untuk tujuan ini sumber-sumber yang berpotensi untuk setiap PPR perlu dikenalpasti, disamping memberi bimbingan dari segi latihan dan kewangan.

Program pembelajaran sepanjang hayat di kalangan peserta PPR perlu digalakkan bagi memberi kesedaran dan pendedahan terhadap kepentingan pendidikan. Ini boleh dilaksanakan dengan mengadakan program-program dan kemudahan mengikut keperluan komuniti tersebut.

Galakan juga perlu diberikan kepada generasi kedua dan seterusnya yang berkelayakan dengan mengadakan program dan pendedahkan kepada program yang berasaskan kemahiran seperti *Technical Vocational Education Training* (TVET). Program-program usahasama bersama Kolej Komuniti di dalam lokaliti PPR juga boleh dijalankan.

Adalah penting juga untuk menyediakan kemudahan kaunseling di bawah kendalian kerajaan (Jabatan Kebajikan Masyarakat) kepada komuniti PPR yang memerlukan.

Rekabentuk perumahan PPR juga memainkan peranan dalam kesejahteraan komuniti. Susun atur perlu memberi penekanan kepada interaksi kejiranan seperti aras bawah digunakan untuk tujuan gunasama (surau, dewan, ruang keusahawanan). Ruang gunasama di tingkat atas bangunan juga boleh disediakan untuk tujuan yang sama.

Jadual 7.2 dibawah menunjukkan ringkasan enam (6) asas penambahbaikan dan pelan tindakan.

Jadual 7.2: Enam Asas Penambahbaikan dan Pelan Tindakan

ASAS	MATLAMAT	OBJEKTIF	PELAN TINDAKAN
Asas 1: Perancangan dan pembangunan	Memacu Perancangan dan pembangunan yang dinamik dan inovatif	1. Merancang, menubuh dan memantapkan skop pengurusan	Skop pengurusan jangka pendek Skop pengurusan jangka panjang
		2. Merekabentuk garis panduan perancangan yang praktikal dan mengambilkira kos penyelenggaraan	Garis panduan perancangan meliputi jangka pendek dan panjang
		3. Menggalakkan kolaborasi dan kerjasama antara kumpulan teknikal penyelenggaraan dan pengurusan bagi mengurangkan kos penyelenggaraan masa hadapan	Kolaborasi di semua peringkat perancangan, pembangunan, pengurusan dan penyelenggaraan
		4. Mewujudkan jawatankuasa tetap teknikal yang terdiri dari pelbagai kepakaran untuk membolehkan perancangan, pembangunan dan pelaksanaan projek dibangunkan secara bersepadu	Jawatankuasa Tetap Teknikal pelbagai kepakaran dan jabatan
		5. Membangunkan PPR menggunakan pendekatan yang inovatif, secara bekerjasama dengan pihak swasta dan anak syarikat kerajaan (strategic alliance)	Mengenalpasti peluang pembangunan PPR secara usahasama dengan mengambilkira kos dan faedah
		6. Penyerahan bangunan dari KPKT kepada kerajaan negeri dan penduduk dibuat secara formal dan lengkap dengan dokumentasi dan pelan bangunan	Penyerahan PPR mengikut senarai semak yang lengkap

ASAS	MATLAMAT	OBJEKTIF	PELAN TINDAKAN
Asas 2: Pengurusan	Memantap dan mengamalkan pengurusan yang sistematik dan responsif	1. Mengekalkan, menggunapakai dan menambahbaik kaedah pengurusan PPR yang sediada	Kaedah Pengurusan PPR yang berdaya maju setelah mengambilkira kos dan faedah dari semasa ke semasa
		2. Menyediakan maklumat bakal peserta PPR secara komprehensif melalui permintaan dan penawaran perumahan (bergantung kepada kumpulan sasaran)	Menggunakan penanda aras keberkesanan sistem maklumat bakal peserta
		3. Memastikan pengisian dapat dibuat sebaik sahaja bangunan diserahkan dan memanfaatkan Tempoh Tanggungan Kecacatan (*Defects Liability Period*)	Pelan tindakan (2) dapat membantu objektif (3)
		4. Meningkatkan kesedaran terhadap peserta PPR tentang aspek keselamatan	• Menjalankan program-program kesedaran dan keselamatan • Penyediaan garis panduan keselamatan dan bencana • Menubuhkan jawatankuasa keselamatan dan bencana • Menjalankan latihan keselamatan, pencegahan jenayah, pertolongan cemas dan kebakaran
		5. Mewujudkan polisi kadar sewa yang jelas	Mengenalpasti, mengemaskini, merakyatkan polisi kadar sewa dan dipamerkan bagi tujuan kesedaran dan kefahaman pihak pengurusan dan penghuni
		6. Menggunapakai pengurusan maklumat yang bersepadu dan interaktif secara optimum	Mewujudkan pengkalan data

ASAS	MATLAMAT	OBJEKTIF	PELAN TINDAKAN
Asas 3: Governan dan pentadbiran	Memantapkan governan dan pentadbiran	1. Mengemaskini dan memperkasa polisi, garis panduan dan piawaian pengurusan	• Kadar sewa maksima • Prosedur operasi piawaian • Tunggakan sewa • Pengisian • Pengosongan • Kelayakan • Tempoh transit maksima • Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*) Badan Pengurusan
		2. Mengukuhkan dan meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan	• Pelaporan berkala • Kakitangan

ASAS	MATLAMAT	OBJEKTIF	PELAN TINDAKAN
Asas 4: Penyelenggaraan	Mengukuhkan keberkesanan sistem pengurusan penyelenggaraan	1. Membangunkan dan menilai secara berkala piawaian kondisi bagi semua aset bangunan PPR	Membangunan piawaian kondisi bangunan Melakukan pemeriksaan fizikal keadaan bangunan secara berkala
		2. Menyediakan strategi penyelenggaraan yang seimbang	Ini merangkumi penyelenggaraan terancang (penyelenggaraan pencegahan, perundangan dan berdasarkan kondisi) dan juga penyelenggaraan tidak terancang
		3. Mewujudkan Plan Strategik Penyelenggaraan	Mengambilkira keperluan penyelenggaraan setiap PPR untuk jangka pendek, pertengahan dan panjang bagi tujuan menilai permintaan penyelenggaraan (maintenance demand) kesemua portfolio bangunan PPR
		4. Menyedia dan merancang bajet berdasarkan pengiraan kadar semasa yang realistik	Menyelenggara aset bangunan bagi memenuhi piawaian penarafan yang ditetapkan
		5. Pemantauan berterusan dan semakan berkala ke atas prestasi penyelenggaraan	Mengadakan skala prestasi yang bersepadu
		6. Mewujudkan satu proses pengumpulan dan penggunaan maklumat penyelenggaraan	Mengenalpasti maklumat penyelenggaraan bermula daripada penyerahan tapak hingga luput jangka hayat ekonomi
		7. Meningkatkan kebolehselenggaraan serta meminimakan keperluan penyelenggaraan bangunan projek PPR akan datang.	Membangunkan sistem maklumbalas tertutup dan terhad di antara pembekal perkhidmatan penyelenggaraan dan perekabentuk

ASAS	MATLAMAT	OBJEKTIF	PELAN TINDAKAN
Asas 5: Sumber kewangan	Membangun, mengukuh dan mengawal sumber kewangan yang lestari	1. Menyediakan dana kewangan yang mencukupi	Menubuhkan Tabung Berpusat bagi pelbagai tujuan (perbelanjaan modal, penyelesaian hutang lapuk, pembaikan berkala dan sebagainya)
		2. Mengukuhkan dana kewangan	Mengenalpasti sumber kewangan yang lestari
		3. Mengawal sumber kewangan secara berkala dan terurus	Mengamalkan pengurusan kewangan yang inovatif dan telus
		4. Menjamin kelestarian operasi penyelenggaraan dilakukan tanpa bergantung kepada prestasi kutipan sewa	Menyediakan peruntukan penyelenggaraan secara tetap
Asas 6: Komuniti	Membentuk komuniti yang berintegriti dan berdaya saing	1. Membudayakan integriti di dalam komuniti	Mempromosi program Community Integrity Building (CIB)
		2. Mempromosi program keusahawanan	Mengenalpasti sumber-sumber yang berpotensi untuk setiap PPR
		3. Menggalakkan program pembelajaran sepanjang hayat di kalangan peserta PPR	Mengadakan program-program dan kemudahan mengikut keperluan komuniti
		4. Menggalakkan program pembelajaran di kalangan generasi kedua dan seterusnya	Mendedahkan peluang program Technical Vocational Education Training (TVET) kepada peserta PPR, generasi kedua dan seterusnya
			Mengadakan program-program usahasama bersama Kolej Komuniti di dalam lokaliti PPR
		5. Bimbingan dan kaunseling	Mewujudkan kemudahan kaunseling oleh kerajaan
		6. Interaksi komuniti	Menyediakan ruang secara mendatar untuk tujuan gunasama

Lampiran 1: Data Soal Selidik

KAJIAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) - LAMPIRAN

Jadual L4-1 Bilangan Rumah Yang Terlibat Di Dalam Kajiselidik PPR Bagi Setiap Jenis Perumahan

Negeri	Nama Projek		Bilangan Rumah Bagi Setiap Jenis Perumahan			
			Bertanah	Tinggi	*Walk up*	*Jumlah*
PERAK	1	*PPR KAMPAR*	21	-	-	21
	2	*PPR SUNGKAI KTM*	49	-	-	49
	3	*PPR BT GAJAH KTM*	8	-	-	8
	4	*PPR IPOH KTM*	-	-	70	70
	5	*PPR TANJUNG MALIM*	36	-	-	36
	6	*PPR BUNTUNG*	-	-	70	70
	7	*PPR BATU 2 1/2 TAIPING*	-	70	-	70
SGOR	8	*PPR LEMBAH SUBANG I*	-	141	-	141
	9	*PPR SERENDAH KTM*	-	-	46	46
	10	*PPR LEMBAH SUBANG II*	-	27	0	27
	11	*PPR KG HASSAN*	-	-	56	56
PAHANG	12	*PPR MUADZAM SHAH*	70	-	-	70
	13	*PPR PARIT RAJA*	70	-	-	70
	14	*PPR LEBAN CHONDONG*	50	-	-	50
	15	*PPR KERAMBIT*	80	-	-	80
	16	*PPR PADANG TENGKU*	37	-	-	37
	17	*PPR JENGKA*	97	-	-	97
	18	*PPR SRI JAYA**	32	-	-	32
	19	*PPR BUKIT MENDI*	60	-	-	60
	20	*PPR BATU 17, TERSANG*	75	-	-	75
	21	*PPR TANJUNG PUTUS*	43	-	-	43
	22	*PPR BOLOK HILIR*	98	-	-	98
	23	*PPR PAMAH KASEH*	67	-	-	67
	24	*PPR PAYA SOK*	16	-	-	16
	25	*PPR TG. AGAS*	70	-	-	70
	26	*PPR PALOH HINAI*	70	-	-	70
	27	*PPR KUALA PAHANG FASA I*	70	-	-	70
	28	*PPR KUALA PAHANG FASA II*	32	-	-	32
	29	*PPR TG. SELANGOR FASA I*	45	-	-	45

Jadual L4-1 Bilangan Rumah Yang Terlibat Di Dalam Kajiselidik PPR Bagi Setiap Jenis Perumahan (Sambungan)

Negeri	Nama Projek		Bilangan Rumah Bagi Setiap Jenis Perumahan			
			Bertanah	Tinggi	*Walk up*	*Jumlah*
PAHANG	30	*PPR TG. SELANGOR FASA II*	23	-	-	23
	31	*PPR TG. BATU*	70	-	-	70
	32	*PPR PANDAN LUAR, NENASI*	31	-	-	31
	33	*PPR KG. HIJRAH*	69	-	-	69
	34	*PPR KG. BARU GAMBANG*	50	-	-	50
	35	*PPR IBOL TUNGGAL*	60	-	-	60
	36	*PPR JERANTUT*	13	-	-	13
JOHOR	37	*PPR PLENTONG*	-	-	69	69
	38	*PPR TEBRAU*	-	-	121	121
	39	*PPR SRI STULANG*	-	-	120	120
	40	*PPR PASIR PELANGI*	-	-	102	102
	41	*PPR TAMPOI*	-	199	-	199
	42	*PPR BATU ANAM, SEGAMAT*	26	-	-	26
	43	*PPR YONG PENG FASA II, BT PAHAT*	26	-	-	26
	44	*PPR SUNGAI MELANA FASA I*	-	90	-	90
KEDAH	45	*PPR PAYA NAHU, SG. PETANI*	-	-	86	86
	46	*PPR KUAH, LANGKAWI*	-	-	70	70
MELAKA	47	*PPR BATU BERENDAM*	-	-	100	100
N. SEMBILAN	48	*PPR SENAWANG*	-	-	100	100
P. PINANG	49	*PPR LORONG SELAMAT, GEORGETOWN*	-	70	-	70
	50	*PPR JLN THAMBY, BUTTERWORTH*	-	-	60	60
PERLIS	51	*PPR MUKIM SENA, KANGAR*	-	71	-	71
	52	*PPR TAMAN WAI PERMAI, KUALA PERLIS*	69	-	-	69
SABAH	53	*PPR JALAN LABUK*	-	-	106	106
	54	*PPR BATU 4, SANDAKAN*	-	-	169	169
	55	*PPR BT 7, JLN ARMY CAMP, SANDAKAN*	-	-	161	161
	56	*PPR JLN LINTAS SIBUGAR, SANDAKAN*	-	-	158	158
	57	*PPR BALUNG I, TAWAU*	-	-	60	60
	58	*PPR TAMAN SEMARAK, TAWAU*	-	-	80	80
	59	*PPR BT 8, JALAN APAS, TAWAU*	-	-	80	80

Jadual L4-1 Bilangan Rumah Yang Terlibat Di Dalam Kajiselidik PPR Bagi Setiap Jenis Perumahan (Sambungan)

Negeri	Nama Projek		Bilangan Rumah Bagi Setiap Jenis Perumahan			
			Bertanah	**Tinggi**	***Walk up***	***Jumlah***
T'GNU	60	*PPR PADANG HILIRAN*	-	291	-	291
KUALA LUMPUR	61	*PPR SUNGAI BESI*	-	59	-	59
	62	*PPR TAMAN WAHYU I*	-	96	-	96
	63	*PPR TAMAN WAHYU II*	-	73	-	73
	64	*PPR PEKAN BATU*	-	69	-	69
	65	*PPR KG BATU MUDA*	-	107	-	107
	66	*PPR L. PANTAI KERINCHI*	-	94	-	94
	67	*PPR PUDU ULU*	-	71	-	71
	68	*PPR INTAN BAIDURI*	-	100	-	100
	69	*PPR KL LINEAR CITY I*	-	61	-	61
	70	*PPR KL LINEAR CITY II, FI*	-	71	-	71
	71	*PPR KL LINEAR CITY II, FII*	-	59	-	59
	72	*PPR SALAK SELATAN*	-	65	-	65
	73	*PPR KG SERI MALAYSIA*	-	49	-	49
	74	*PPR KG MALAYSIA PERMAI*	-	79	-	79
	75	*PPR SG BUNUS AIR JERNIS*	-	101	-	101
	76	*PPR KG BARU AIR PANAS TAMBAHAN*	-	119	-	119
	77	*PPR KG MUHIBBAH JLN PUCHONG*	-	142	-	142
	78	*PPR JLN COCHRANE*	-	72	-	72
	79	*PPR KG LIMAU PANTAI DALAM*	-	73	-	73
	80	*PPR AMPANG HILIR*	-	65	-	65
	81	*PPR JLN LAPANGAN TERBANG LAMA F1*	-	64	-	64
	82	*PPR JLN LAPANGAN TERBANG LAMA F2*	-	70	-	70
	83	*PPR PEKAN KEPONG*	-	70	-	70
	84	*PPR BUKIT JALIL I*	-	95	-	95
	85	*PPR BUKIT JALIL II*	-	87	-	87
	JUMLAH		1,633	2,970	1,884	6,487

Jadual L4-2-1 Nilai Indikator dan Penarafan Projek (Perak)

	Nilai Indikator Mengikut Projek (Skala: 1- 25)						
INDIKATOR	PPR KAMPAR	PPR SUNGKAI KTM	PPR BT GAJAH KTM	PPR IPOH KTM	PPR TANJUNG MALIM	PPR BUNTUNG	PPR BATU 2 1/2 TAIPING
PENYELENGGARAAN	11.18	6.54	1.54	2.94	3.06	5.65	3.24
PERKHIDMATAN	9.76	7.99	9.17	8.52	9.26	9.10	7.38
KEADAAN RUMAH	9.90	8.78	9.00	8.98	9.11	9.89	7.93
PERSEKITARAN & KOMUNITI	10.04	13.74	5.37	11.52	15.47	11.57	6.27
KEPEKAAN	25.00	25.00	25.00	25.00	25.00	25.00	25.00
	Kod Penarafan Mengikut Projek (A hingga E)						
PENYELENGGARAAN	***C***	***B***	***A***	***A***	***A***	***A***	***A***
PERKHIDMATAN	***B***	***B***	***B***	***B***	***B***	***B***	***B***
KEADAAN RUMAH	***B***	***B***	***B***	***B***	***B***	***B***	***B***
PERSEKITARAN & KOMUNITI	***B***	***C***	***A***	***C***	***C***	***C***	***B***
KEPEKAAN	***E***	***E***	***E***	***E***	***E***	***E***	***E***

Jadual L4-2-2 Nilai Indikator dan Penarafan Projek (Selangor)

	Nilai Indikator Mengikut Projek (Skala: 1- 25)			
INDIKATOR	PPR LEMBAH SUBANG I	PPR SERENDAH KTM	PPR LEMBAH SUBANG II	PPR KG HASSAN
PENYELENGGARAAN	13.08	4.76	6.24	6.31
PERKHIDMATAN	13.75	8.62	9.64	9.76
KEADAAN RUMAH	13.20	10.21	10.77	9.46
PERSEKITARAN & KOMUNITI	9.90	15.88	9.08	7.92
KEPEKAAN	24.31	25.00	24.64	25.00
	Kod Penarafan Mengikut Projek (A hingga E)			
PENYELENGGARAAN	***C***	***A***	***B***	***B***
PERKHIDMATAN	***C***	***B***	***B***	***B***
KEADAAN RUMAH	***C***	***B***	***B***	***B***
PERSEKITARAN & KOMUNITI	***B***	***C***	***B***	***B***
KEPEKAAN	***E***	***E***	***E***	***E***

Jadual L4-2-3a Nilai Indikator dan Penarafan Projek (Pahang)

	Nilai Indikator Mengikut Projek (Skala: 1- 25)						
INDIKATOR	PPR MUADZAM SHAH	PPR PARIT RAJA	PPR LEBAN CHONDONG	PPR KERAMBIT	PPR PADANG TENGKU	PPR JENGKA	PPR SRI JAYA*
PENYELENGGARAAN	1.8	2.3	4.9	3.6	3.1	3.9	2.6
PERKHIDMATAN	1.4	3.4	8.6	6.7	5.4	4.2	2.1
KEADAAN RUMAH	9.3	7.0	9.7	8.6	10.9	9.0	9.0
PERSEKITARAN & KOMUNITI	7.5	5.0	7.4	6.8	7.2	4.9	7.5
KEPEKAAN	24.5	25.0	25.0	25.0	25.0	24.0	25.0
	Kod Penarafan Mengikut Projek (A hingga E)						
PENYELENGGARAAN	*A*	*A*	*A*	*A*	*A*	*A*	*A*
PERKHIDMATAN	*A*	*A*	*B*	*B*	*A*	*A*	*A*
KEADAAN RUMAH	*B*	*B*	*B*	*B*	*B*	*B*	*B*
PERSEKITARAN & KOMUNITI	*B*	*A*	*B*	*B*	*B*	*A*	*B*
KEPEKAAN	*E*	*E*	*E*	*E*	*E*	*E*	*E*

Jadual L4-2-3b Nilai Indikator dan Penarafan Projek (Pahang)

	Nilai Indikator Mengikut Projek (Skala: 1- 25)						
INDIKATOR	PPR BUKIT MENDI	PPR BATU 17, TERSANG	PPR TANJUNG PUTUS	PPR BOLOK HILIR	PPR PAMAH KASEH	PPR PAYA SOK	PPR TG. AGAS
PENYELENGGARAAN	2.1	5.7	1.4	3.7	2.2	6.5	7.7
PERKHIDMATAN	2.3	5.7	1.6	10.7	4.2	12.8	9.3
KEADAAN RUMAH	4.1	10.8	8.6	9.4	8.7	12.4	10.8
PERSEKITARAN & KOMUNITI	5.8	8.9	10.3	9.0	10.1	20.3	9.2
KEPEKAAN	24.6	24.6	17.2	25.0	18.1	23.4	25.0
	Kod Penarafan Mengikut Projek (A hingga E)						
PENYELENGGARAAN	A	A	A	A	A	B	B
PERKHIDMATAN	A	A	A	B	A	C	B
KEADAAN RUMAH	A	B	B	B	B	C	B
PERSEKITARAN & KOMUNITI	A	B	B	B	B	D	B
KEPEKAAN	E	E	D	E	D	E	E

Jadual L4-2-3c Rumusan Nilai Indikator dan Penarafan Projek (Pahang)

	Nilai Indikator Mengikut Projek (Skala: 1- 25)						
INDIKATOR	PPR PALOH HINAI	PPR KUALA PAHANG FASA I	PPR KUALA PAHANG FASA II	PPR TG. SELANGOR FASA I	PPR TG. SELANGOR FASA II	PPR TG. BATU	PPR PANDAN LUAR, NENASI
PENYELENGGARAAN	2.2	14.4	19.5	3.1	1.5	11.3	2.9
PERKHIDMATAN	3.7	4.4	7.5	5.6	1.0	10.3	4.7
KEADAAN RUMAH	10.3	4.4	11.0	11.1	9.0	11.3	8.9
PERSEKITARAN & KOMUNITI	7.7	4.8	7.1	9.5	7.5	7.2	4.5
KEPEKAAN	21.3	25.0	25.0	23.6	18.6	25.0	22.2
	Kod Penarafan Mengikut Projek (A hingga E)						
PENYELENGGARAAN	***A***	***C***	***D***	***A***	***A***	***C***	***A***
PERKHIDMATAN	***A***	***A***	***B***	***A***	***A***	***B***	***A***
KEADAAN RUMAH	***B***	***A***	***C***	***C***	***B***	***C***	***B***
PERSEKITARAN & KOMUNITI	***B***	***A***	***B***	***B***	***B***	***B***	***A***
KEPEKAAN	***E***	***E***	***E***	***E***	***D***	***E***	***E***

Jadual L4-2-3d RumusanNilai Indikator dan Penarafan Projek (Pahang)

	Nilai Indikator Mengikut Projek (Skala: 1- 25)			
INDIKATOR	PPR KG. HIJRAH	PPR KG. BARU GAMBANG	PPR IBOL TUNGGAL	PPR JERANTUT
PENYELENGGARAAN	1.9	1.4	4.6	18.4
PERKHIDMATAN	2.9	1.3	14.5	1.0
KEADAAN RUMAH	9.5	8.4	9.4	10.8
PERSEKITARAN & KOMUNITI	10.9	4.7	11.2	4.7
KEPEKAAN	21.1	23.8	24.8	24.8
	Kod Penarafan Mengikut Projek (A hingga E)			
PENYELENGGARAAN	A	A	A	D
PERKHIDMATAN	A	A	C	A
KEADAAN RUMAH	B	B	B	B
PERSEKITARAN & KOMUNITI	B	A	C	A
KEPEKAAN	E	E	E	E

Jadual L4-2-4 RumusanNilai Indikator dan Penarafan Projek (Johor)

	Nilai Indikator Mengikut Projek (Skala: 1- 25)							
INDIKATOR	PPR PLENTONG	PPR TEBRAU	PPR SRI STULANG	PPR PASIR PELANGI	PPR TAMPOI	PPR BATU ANAM, SEGAMAT	PPR YONG PENG F II, BT PAHAT	PPR SUNGAI MELANA FASA I
PENYELENGGARAAN	5.5	5.9	3.0	2.7	6.2	19.1	5.7	6.7
PERKHIDMATAN	10.0	10.9	7.3	8.6	10.6	5.0	3.8	6.0
KEADAAN RUMAH	10.3	12.0	9.9	10.6	11.7	11.0	9.2	9.8
PERSEKITARAN & KOMUNITI	8.4	8.0	6.5	7.4	8.9	7.2	6.9	11.4
KEPEKAAN	24.1	24.5	23.1	22.5	24.2	20.2	21.4	23.3
	Kod Penarafan Mengikut Projek (A hingga E)							
PENYELENGGARAAN	A	A	A	A	B	D	A	B
PERKHIDMATAN	B	B	B	B	B	A	A	A
KEADAAN RUMAH	B	C	B	B	C	B	B	B
PERSEKITARAN & KOMUNITI	B	B	B	B	B	B	B	C
KEPEKAAN	E	E	E	E	E	D	E	E

Jadual L4-2-5 RumusanNilai Indikator dan Penarafan Projek (Kedah, Melaka, N. Sembilan, P. Pinang, Perlis)

	Nilai Indikator Mengikut Projek (Skala: 1- 25)							
INDIKATOR	PPR PAYA NAHU, SG. PETANI	PPR KUAH, LANGKAWI	PPR BATU BERENDAM	PPR SENAWANG	PPR LORONG SELAMAT GEORGE TOWN	PPR JLN THAMBY, BUTTER WORTH	PPR MUKIM SENA, KANGAR	PPR TAMAN WAI PERMAI, K. PERLIS
PENYELENGGARAAN	3.82	4.63	10.8	3.0	2.9	2.8	3.3	2.7
PERKHIDMATAN	5.09	4.66	11.7	6.1	4.7	5.3	5.9	6.8
KEADAAN RUMAH	6.87	5.80	6.6	5.0	5.7	4.5	5.4	3.2
PERSEKITARAN & KOMUNITI	8.90	5.91	8.5	7.0	7.5	6.0	6.9	5.4
KEPEKAAN	25.00	25.00	25.0	25.0	25.0	25.0	25.0	25.0
	Kod Penarafan Mengikut Projek (A hingga E)							
PENYELENGGARAAN	A	A	***B***	A	***A***	***A***	***A***	***A***
PERKHIDMATAN	A	A	***C***	B	***A***	***A***	***A***	***B***
KEADAAN RUMAH	B	A	***B***	A	***A***	***A***	***A***	***A***
PERSEKITARAN & KOMUNITI	B	A	***B***	B	***B***	***A***	***B***	***A***
KEPEKAAN	E	E	***E***	E	***E***	***E***	***E***	***E***

Jadual L4-2-6 Rumusan Nilai Indikator dan Penarafan Projek (Sabah, Terengganu)

	Nilai Indikator Mengikut Projek (Skala: 1- 25)							
INDIKATOR	PPR JALAN LABUK	PPR BATU 4, SANDAKAN	PPR BT 7, JLN ARMY CAMP, SANDAKAN	PPR JLN LINTAS SIBUGAR, SANDAKAN	PPR BALUNG I, TAWAU	PPR TAMAN SEMARAK, TAWAU	PPR BT 8, JALAN APAS, TAWAU	PPR PADANG HILIRAN (TGNU)
PENYELENGGARAAN	10.7	7.1	12.0	10.0	6.5	2.3	3.8	5.2
PERKHIDMATAN	11.2	7.1	7.8	5.7	3.0	3.0	4.0	5.3
KEADAAN RUMAH	12.6	11.2	11.0	10.7	11.5	10.6	11.2	5.2
PERSEKITARAN & KOMUNITI	10.1	7.7	6.4	6.9	8.1	8.9	7.6	7.3
KEPEKAAN	25.0	24.1	24.2	19.0	25.0	25.0	25.0	25.0
	Kod Penarafan Mengikut Projek (A hingga E)							
PENYELENGGARAAN	B	B	C	B	B	A	A	A
PERKHIDMATAN	C	B	B	A	A	A	A	A
KEADAAN RUMAH	C	C	B	B	C	B	C	A
PERSEKITARAN & KOMUNITI	B	B	B	B	B	B	B	B
KEPEKAAN	E	E	E	D	E	E	E	E

Jadual L4-2-7a Rumusan Nilai Indikator dan Penarafan Projek (Kuala Lumpur)

	Nilai Indikator Mengikut Projek (Skala: 1- 25)							
INDIKATOR	PPR SUNGAI BESI	PPR TAMAN WAHYU I	PPR TAMAN WAHYU II	PPR PEKAN BATU	PPR KG BATU MUDA	PPR L.PANTAI KERINCHI	PPR PUDU ULU	PPR INTAN BAIDURI
PENYELENGGARAAN	2.50	8.63	3.95	7.27	5.93	4.71	8.65	9.80
PERKHIDMATAN	6.64	8.84	5.89	8.30	8.07	6.45	9.74	9.81
KEADAAN RUMAH	3.86	8.60	5.67	6.90	8.00	4.99	8.28	7.49
PERSEKITARAN & KOMUNITI	8.21	10.81	8.51	9.67	10.43	8.95	11.90	11.51
KEPEKAAN	25.0	25.0	25.0	24.3	24.8	22.6	23.9	25.0
	Kod Penarafan Mengikut Projek (A hingga E)							
PENYELENGGARAAN	A	B	A	B	A	A	B	B
PERKHIDMATAN	B	B	A	B	B	B	B	B
KEADAAN RUMAH	A	B	A	B	B	A	B	B
PERSEKITARAN & KOMUNITI	B	B	B	B	B	B	C	C
KEPEKAAN	E	E	E	E	E	E	E	E

Jadual L4-2-7b Rumusan Nilai Indikator dan Penarafan Projek (Kuala Lumpur)

	Nilai Indikator Mengikut Projek (Skala: 1- 25)					
INDIKATOR	PPR KL LINEAR CITY I	PPR KL LINEAR CITY II, FI	PPR KL LINEAR CITY II, FII	PPR SALAK SELATAN	PPR KG SERI MALAYSIA	PPR KG MALAYSIA PERMAI
PENYELENGGARAAN	8.19	7.86	3.93	7.57	7.30	13.37
PERKHIDMATAN	8.82	8.07	7.77	9.43	7.08	12.09
KEADAAN RUMAH	8.49	5.56	5.60	9.94	6.15	11.83
PERSEKITARAN & KOMUNITI	11.72	9.25	8.81	10.85	7.90	11.60
KEPEKAAN	22.6	24.7	22.0	25.0	24.6	24.9
	Kod Penarafan Mengikut Projek (A hingga E)					
PENYELENGGARAAN	B	B	A	B	B	C
PERKHIDMATAN	B	B	B	B	B	C
KEADAAN RUMAH	B	A	A	B	B	C
PERSEKITARAN & KOMUNITI	C	B	B	B	B	C
KEPEKAAN	E	E	E	E	E	E

Jadual L4-2-7c Rumusan Nilai Indikator dan Penarafan Projek (Kuala Lumpur)

	Nilai Indikator Mengikut Projek (Skala: 1- 25)					
INDIKATOR	PPR SG BUNUS AIR JERNIS	PPR KG BARU AIR PANAS TAMBAHAN	PPR KG MUHIBBAH JLN PUCHONG	PPR JLN COCHRANE	PPR KG LIMAU PANTAI DALAM	PPR AMPANG HILIR
PENYELENGGARAAN	2.71	3.20	7.79	4.98	4.79	6.09
PERKHIDMATAN	2.00	4.34	9.09	7.63	4.23	7.17
KEADAAN RUMAH	2.00	4.38	8.82	6.89	4.52	5.82
PERSEKITARAN & KOMUNITI	4.90	8.14	10.94	9.47	8.06	9.12
KEPEKAAN	25.0	25.0	25.0	25.0	24.3	25.0
	Kod Penarafan Mengikut Projek (A hingga E)					
PENYELENGGARAAN	A	A	B	A	A	B
PERKHIDMATAN	A	A	B	B	A	B
KEADAAN RUMAH	A	A	B	B	A	A
PERSEKITARAN & KOMUNITI	A	B	B	B	B	B
KEPEKAAN	E	E	E	E	E	E

Jadual L4-2-7d Rumusan Nilai Indikator dan Penarafan Projek (Kuala Lumpur)

	Nilai Indikator Mengikut Projek (Skala: 1- 25)				
INDIKATOR	PPR JLN LAPANGAN TERBANG LAMA F1	PPR JLN LAPANGAN TERBANG LAMA F2	PPR PEKAN KEPONG	PPR BUKIT JALIL I	PPR BUKIT JALIL II
PENYELENGGARAAN	8.25	7.61	8.90	5.18	10.14
PERKHIDMATAN	8.87	7.48	8.72	6.68	11.02
KEADAAN RUMAH	6.47	5.88	7.00	6.53	9.14
PERSEKITARAN & KOMUNITI	9.36	9.80	10.29	10.54	10.36
KEPEKAAN	24.5	24.3	24.0	23.9	24.8
	Kod Penarafan Mengikut Projek (A hingga E)				
PENYELENGGARAAN	B	B	*B*	*A*	*B*
PERKHIDMATAN	B	B	*B*	*B*	*C*
KEADAAN RUMAH	B	A	*B*	*B*	*B*
PERSEKITARAN & KOMUNITI	B	B	*B*	*B*	*B*
KEPEKAAN	E	E	*E*	*E*	*E*

Jadual L4-3-1 Rumusan Skor Jelmaan Daripada Respons Kepada Soalan/Kenyataan Soal selidik (Perak)

	Skor Mengikut Projek (Skala: 1- 25)						
SOALAN/KENYATAAN	PPR KAMPAR	PPR SUNGKAI KTM	PPR BT GAJAH KTM	PPR IPOH KTM	PPR TANJUNG MALIM	PPR BUNTUNG	PPR BATU 2 1/2 TAIPING
Penyelenggaraan	20.05	10.80	1.00	3.29	1.00	10.71	3.86
Yuran penyelenggaraan	8.62	5.90	1.00	1.57	1.00	2.71	1.00
Pengurusan Perkhidmatan	9.76	7.99	9.17	8.52	9.26	9.10	7.38
Pembayaran penyelenggaraan	4.81	4.27	1.00	1.57	2.11	2.14	2.71
Rumah Memadai Untuk Keluarga	4.43	1.98	2.00	3.63	1.22	4.31	2.60
Rumah Memenuhi Keperluan Keluarga	2.52	1.65	5.00	1.80	4.56	1.69	1.34
Peralatan Yang Dimiliki	11.62	12.23	8.00	11.41	12.01	13.06	9.32
Kerosakan	11.23	5.20	3.14	5.33	8.14	7.04	5.41
Persekitaran Kejiranan	7.35	12.95	7.67	7.45	19.59	8.17	2.95
Berpuas hati dengan Kejiranan	7.29	10.22	1.00	9.11	9.47	12.14	3.91
Komuniti Perumahan	15.48	18.05	7.43	17.98	17.35	14.39	11.94
Kelebihan tinggal di PPR	21.02	19.27	21.00	19.10	18.65	20.49	18.46
Kepekaan Initiatif Perumahan Kerajaan	25.00	25.00	25.00	25.00	25.00	25.00	25.00
KOMPOSIT	11.20	9.16	5.42	7.30	8.10	9.08	5.91

Jadual L4-3-2 Rumusan Skor Jelmaan Daripada Respons Kepada Soalan/Kenyataan Soal selidik (Selangor)

	Skor Mengikut Projek (Skala: 1- 25)			
SOALAN/KENYATAAN	PPR LEMBAH SUBANG I	PPR SERENDAH KTM	PPR LEMBAH SUBANG II	PPR KG HASSAN
Penyelenggaraan	20.01	6.22	8.41	6.00
Yuran penyelenggaraan	14.33	1.00	6.93	4.57
Pengurusan Perkhidmatan	13.75	8.62	9.64	9.76
Pembayaran penyelenggaraan	10.08	2.74	3.96	9.57
Rumah Memadai Untuk Keluarga	10.87	3.43	4.85	1.71
Rumah Memenuhi Keperluan Keluarga	7.58	3.26	6.63	4.00
Peralatan Yang Dimiliki	12.57	13.77	12.59	12.37
Kerosakan	7.89	9.07	5.66	5.08
Persekitaran Kejiranan	4.90	24.35	4.02	8.17
Berpuas hati dengan Kejiranan	13.90	9.61	11.07	3.07
Komuniti Perumahan	10.89	13.67	12.13	12.51
Kelebihan tinggal di PPR	21.79	20.37	19.02	19.77
Kepekaan Initiatif Perumahan Kerajaan	24.31	25.00	24.64	25.00
KOMPOSIT	12.98	9.39	8.91	7.73

Jadual L4-3-3a Rumusan Skor Jelmaan Daripada Respons Kepada Soalan/Kenyataan Soal selidik (Pahang)

	Skor Mengikut Projek (Skala: 1- 25)						
SOALAN/ KENYATAAN	PPR MUADZAM SHAH	PPR PARIT RAJA	PPR LEBAN CHONDONG	PPR KERAMBIT	PPR PADANG TENGKU	PPR JENGKA	PPR SRI JAYA*
Penyelenggaraan	1.00	2.63	7.25	2.05	7.67	4.48	1.00
Yuran penyelenggaraan	1.00	1.00	2.90	2.05	1.00	2.74	1.00
Pengurusan Perkhidmatan	1.42	3.35	8.63	6.68	5.36	4.20	2.14
Pembayaran penyelenggaraan	1.00	1.00	2.18	2.05	1.00	4.48	1.00
Rumah Memadai Untuk Keluarga	2.04	1.00	2.80	2.68	3.55	2.00	1.00
Rumah Memenuhi Keperluan Keluarga	6.67	1.63	6.20	5.63	7.55	3.20	1.57
Peralatan Yang Dimiliki	10.49	7.00	9.00	7.05	8.56	6.67	9.51
Kerosakan	4.35	4.70	7.29	8.37	2.56	3.71	7.53
Persekitaran Kejiranan	10.34	2.44	9.06	7.92	4.98	2.13	7.79
Berpuas hati dengan Kejiranan	1.00	1.39	1.90	1.32	5.18	1.40	3.29
Komuniti Perumahan	11.29	11.29	11.29	11.29	11.29	11.29	11.29
Kelebihan tinggal di PPR	18.03	18.44	20.75	18.89	23.79	24.11	23.98
Kepekaan Initiatif Perumahan Kerajaan	24.55	25.00	25.00	25.00	25.00	24.00	25.00
KOMPOSIT	5.51	4.61	7.62	6.21	6.96	5.47	5.39

Jadual L4-3-3b Rumusan Skor Jelmaan Daripada Respons Kepada Soalan/Kenyataan Soal selidik (Pahang)

	Skor Mengikut Projek (Skala: 1- 25)						
SOALAN/KENYATAAN	PPR BUKIT MENDI	PPR BATU 17, TERSANG	PPR TANJUNG PUTUS	PPR BOLOK HILIR	PPR PAMAH KASEH	PPR PAYA SOK	PPR TG. AGAS
Penyelenggaraan	1.00	13.00	1.00	5.65	1.00	14.33	13.94
Yuran penyelenggaraan	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	4.20
Pengurusan Perkhidmatan	2.26	5.74	1.62	10.66	4.17	12.78	9.35
Pembayaran penyelenggaraan	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
Rumah Memadai Untuk Keluarga	1.00	4.64	1.00	1.72	1.91	5.36	3.54
Rumah Memenuhi Keperluan Keluarga	3.53	8.95	6.14	4.70	7.12	8.71	8.73
Peralatan Yang Dimiliki	6.68	9.43	8.07	8.50	8.26	13.61	9.04
Kerosakan	5.36	7.75	2.49	7.01	5.64	9.83	11.59
Persekitaran Kejiranan	4.98	12.23	20.68	13.54	18.06	21.23	12.07
Berpuas hati dengan Kejiranan	1.00	3.06	1.00	2.31	3.19	19.98	4.22
Komuniti Perumahan	11.29	11.29	9.20	11.29	9.09	19.60	11.29
Kelebihan tinggal di PPR	5.33	20.33	19.02	22.50	17.45	21.85	22.04
Kepekaan Initiatif Perumahan Kerajaan	24.62	24.61	17.21	24.98	18.15	23.40	25.00
KOMPOSIT	4.16	8.89	5.29	7.44	5.98	12.66	9.94

Jadual L4-3-3c Rumusan Skor Jelmaan Daripada Respons Kepada Soalan/Kenyataan Soal selidik (Pahang)

	Skor Mengikut Projek (Skala: 1- 25)						
SOALAN/ KENYATAAN	PPR PALOH HINAI	PPR KUALA PAHANG FASA I	PPR KUALA PAHANG FASA II	PPR TG. SELANGOR FASA I	PPR TG. SELANGOR FASA II	PPR TG. BATU	PPR PANDAN LUAR, NENASI
Penyelenggaraan	1.00	25.00	25.00	1.00	1.00	14.33	1.00
Yuran penyelenggaraan	1.00	25.00	25.00	1.00	1.00	16.00	1.00
Pengurusan Perkhidmatan	3.71	4.39	7.50	5.64	1.00	10.30	4.69
Pembayaran penyelenggaraan	1.00	1.00	25.00	1.00	1.00	9.00	1.00
Rumah Memadai Untuk Keluarga	4.56	1.11	6.00	5.19	3.00	2.75	1.62
Rumah Memenuhi Keperluan Keluarga	6.33	2.52	7.59	5.95	1.00	9.58	2.23
Peralatan Yang Dimiliki	8.29	10.33	11.06	10.78	7.44	8.74	8.38
Kerosakan	5.87	6.47	3.14	9.44	3.14	5.79	8.47
Persekitaran Kejiranan	9.46	1.00	3.09	10.37	4.54	5.52	5.74
Berpuas hati dengan Kejiranan	2.04	2.03	5.63	4.81	4.50	3.70	1.62
Komuniti Perumahan	11.71	11.29	12.71	13.46	13.57	12.52	6.27
Kelebihan tinggal di PPR	22.05	3.67	19.52	22.56	24.75	23.99	23.36
Kepekaan Initiatif Perumahan Kerajaan	21.27	25.00	25.00	23.63	18.60	25.00	22.17
KOMPOSIT	5.94	9.93	12.69	7.18	4.62	10.21	5.06

Jadual L4-3-3d Rumusan Skor Jelmaan Daripada Respons Kepada Soalan/Kenyataan Soal selidik (Pahang)

	Skor Mengikut Projek (Skala: 1- 25)			
SOALAN/ KENYATAAN	PPR KG. HIJRAH	PPR KG. BARU GAMBANG	PPR IBOL TUNGGAL	PPR JERANTUT
Penyelenggaraan	1.00	1.00	11.91	25.00
Yuran penyelenggaraan	1.00	1.00	1.00	25.00
Pengurusan Perkhidmatan	2.87	1.35	14.48	1.00
Pembayaran penyelenggaraan	1.00	1.00	1.00	21.00
Rumah Memadai Untuk Keluarga	1.40	1.35	1.48	5.57
Rumah Memenuhi Keperluan Keluarga	6.80	1.00	9.00	4.43
Peralatan Yang Dimiliki	8.78	7.95	8.22	8.17
Kerosakan	4.57	2.74	4.46	2.63
Persekitaran Kejiranan	19.30	2.52	17.06	1.71
Berpuas hati dengan Kejiranan	2.10	2.39	4.64	1.00
Komuniti Perumahan	11.29	9.20	11.98	11.29
Kelebihan tinggal di PPR	20.92	23.17	19.01	25.00
Kepekaan Initiatif Perumahan Kerajaan	21.15	23.82	24.81	24.77
KOMPOSIT	6.09	4.08	9.25	10.94

Jadual L4-3-4 Rumusan Skor Jelmaan Daripada Respons Kepada Soalan/Kenyataan Soal selidik (Johor)

	Skor Mengikut Projek (Skala: 1- 25)							
SOALAN/KENYATAAN	PPR PLENTONG	PPR TEBRAU	PPR SRI STULANG	PPR PASIR PELANGI	PPR TAMPOI	PPR BATU ANAM, SEGAMAT	PPR YONG PENG FASA II, BT PAHAT	PPR SUNGAI MELANA FASA I
Penyelenggaraan	6.80	7.28	5.76	4.73	9.04	25.00	5.62	6.33
Yuran penyelenggaraan	2.82	3.31	1.48	1.00	2.61	25.00	2.54	5.00
Pengurusan Perkhidmatan	10.02	10.91	7.33	8.59	10.59	5.00	3.82	5.96
Pembayaran penyelenggaraan	4.03	2.98	1.48	1.00	3.41	25.00	7.15	5.00
Rumah Memadai Untuk Keluarga	7.14	9.79	4.80	6.41	9.78	10.91	3.46	6.16
Rumah Memenuhi Keperluan Keluarga	4.83	5.70	2.54	3.12	6.27	1.00	1.62	5.27
Peralatan Yang Dimiliki	9.62	11.15	9.19	10.69	9.66	9.58	9.41	10.88
Kerosakan	8.45	9.83	3.24	4.25	9.56	1.44	7.37	10.65
Persekitaran Kejiranan	4.50	4.57	3.11	5.54	5.05	1.00	4.78	13.65
Berpuas hati dengan Kejiranan	7.78	6.79	3.87	4.49	8.96	8.51	4.08	6.02
Komuniti Perumahan	12.83	12.53	12.62	12.29	12.65	12.16	11.73	14.52
Kelebihan tinggal di PPR	19.70	21.51	23.03	22.35	21.25	22.33	22.18	17.00
Kepekaan Initiatif Perumahan Kerajaan	24.14	24.50	23.07	22.54	24.22	20.20	21.37	23.31
KOMPOSIT	8.32	9.10	6.44	6.95	9.36	11.92	6.52	8.78

Jadual L4-3-5 Rumusan Skor Jelmaan Daripada Respons Kepada Soalan/Kenyataan Soal selidik (Kedah, Melaka, N. Sembilan, P. Pinang, Perlis)

	Skor Mengikut Projek (Skala: 1- 25)							
SOALAN/ KENYATAAN	PPR PAYA NAHU, SG. PETANI	PPR KUAH, LANGKAWI	PPR BATU BERENDAM	PPR SENAWANG	PPR LORONG SELAMAT GEORGE TOWN	PPR JLN THAMBY, BUTTER-WORTH	PPR MUKIM SENA, KANGAR	PPR TAMAN WAI PERMAI, KUALA PERLIS
Penyelenggaraan	2.86	3.86	14.85	2.60	1.57	1.67	3.25	2.16
Yuran penyelenggaraan	2.86	3.86	6.38	1.89	1.57	1.67	1.56	2.16
Pengurusan Perkhidmatan	5.09	4.66	11.68	6.12	4.71	5.33	5.93	6.84
Pembayaran penyelenggaraan	5.19	5.00	17.15	1.00	1.58	1.00	2.13	1.58
Rumah Memadai Untuk Keluarga	7.98	9.23	6.03	1.56	6.60	3.80	4.38	1.70
Rumah Memenuhi Keperluan Keluarga	3.98	2.14	8.71	4.52	1.91	0.00	1.23	0.00
Peralatan Yang Dimiliki	11.86	8.17	7.95	7.00	10.78	10.63	12.34	10.07
Kerosakan	4.39	5.82	4.92	6.55	6.71	6.81	6.07	5.06
